



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 8**

**Isnin**

**14 September 2020**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman	1)
<b>USUL:</b> Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - [YB Senator Datuk Razali bin Idris]	(Halaman	35)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	116)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Isnin, 14 September 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Paul Igai** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, sejauh manakah status program *reskilling*, dan *upskilling* dijalankan setakat ini dan adakah program ini dilaksanakan di Sarawak dan Sabah.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri M. Saravanan]**: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad ataupun HRDF, dengan izin, komited dalam melaksanakan program-program latihan *reskilling* dan *upskilling* bagi melengkapi pekerja tempatan dengan kemahiran dan pengetahuan yang relevan selaras dengan keperluan industri agar mereka dapat kekal relevan di pasaran tenaga kerja pada masa kini dan akan datang.

Selanjutnya, Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga akan bertindak sebagai *single window* bagi mentadbir urus pelaksanaan program *reskilling* dan *upskilling* merentasi lapang kementerian dan agensi yang terlibat. Kita menasarkannya sekurang-kurangnya 80 peratus daripada peserta berjaya mendapat pekerjaan selepas menamatkan program yang disertai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai khususnya kepada Sabah dan Sarawak, setakat 1 Januari 2020 sehingga 31 Ogos 2020, seramai 250,337 pelatih telah diluluskan di seluruh negara di mana seramai 4,530 pelatih adalah dari negeri Sabah dan seramai 7,997 pelatih adalah dari negeri Sarawak. Daripada jumlah keseluruhan kelulusan bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak, seramai 7,045 pelatih adalah dari sektor perkhidmatan, seramai 5,321 pelatih adalah dari sektor pembuatan dan seramai 161 pelatih adalah dari sektor perlombongan.

Manakala jumlah penyedia latihan di negeri Sabah dan negeri Sarawak adalah sebanyak 260 di mana 90 adalah dari negeri Sabah dan 105 adalah dari negeri Sarawak yang berupaya menawarkan pelbagai kursus kemahiran yang diperlukan oleh industri.

Selanjutnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dewan Negara, di bawah inisiatif PENJANA HRDF, setakat 31 Ogos 2020, sebanyak 36,138 kuota pelatih telah diluluskan iaitu 410 pelatih bagi negeri Sabah dan 900 pelatih bagi negeri Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Paul Igai:** Soalan tambahan saya. Sebelum saya menyampaikan soalan tambahan, saya mesti berterima kasih kepada kementerian kerana baru-baru ini ada mengadakan GRAP atau Program *Outreach Labour* di Sarawak yang bermula dari Sarikei sampai 15 hari bulan ini.

Soalan saya, apakah pendekatan kementerian dalam melaksanakan program ini terutamanya yang melibatkan orang asalnya dari Sarawak dan Sabah yang sedang berhijrah di Johor untuk bekerja di Johor dan di *Singapore*? Terutamanya mereka yang tidak mempunyai sijil kemahiran kerana hanya ada sijil persekolahan rendah sahaja tetapi mereka mahir dalam, umpamanya di bidang kimpalan besi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalnya?

**Datuk Paul Igai:** Apakah tindakan atau langkah yang dapat dibuat oleh kementerian untuk menolong mereka?

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, bagi soalan pertama, orang-orang Sarawak yang berada di Johor, tidak kira di mana jua mereka berada, Tuan Yang di-Pertua, asalkan mereka adalah warganegara Malaysia, ini menjadi tanggungjawab kementerian dan kerajaan untuk membekalkan mereka dengan pelbagai latihan kemahiran.

Kedua, kepada mereka yang tidak mempunyai sijil, inilah tanggungjawab kementerian dan kerajaan di mana kita mengadakan pelbagai latihan bukan sahaja latihan kemahiran, kita adakan latihan kemahiran termasuk TVET dan juga menggunakan institut-institut latihan yang sedia ada di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk membekalkan mereka dengan pelbagai latihan sehingga mereka dipersijilkan. Terima kasih.

**2. Datuk Lim Pay Hen** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, adakah kementerian juga akan melaksanakan langkah melarang warganegara asing untuk memohon lesen perniagaan dan lesen penjaja kecil di sekitar Wilayah Kuala Lumpur sebagaimana telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri seperti Selangor dan Negeri Sembilan.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan Yang Berhormat kemukakan, sukalah saya menjelaskan bahawasanya di Kementerian Wilayah Persekutuan termasuk Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur tidak bercadang untuk hendak meniru apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana setelah kita semak, Kerajaan Negeri Selangor belum pun lagi membuat ataupun menggubal undang-undang kecil melarang bukan warganegara membuat permohonan. Jadi, fakta Yang Berhormat kemukakan itu tidak berapa tepat dalam soalan yang telah dibawa ke mari.

Sukacita saya hendak menjelaskan, untuk Kuala Lumpur, kita telah pun menggubal Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016. Bahagian II, perenggan 5 telah menyebutkan bahawasanya warga asing atau bukan warganegara tidak boleh memohon sama sekali lesen penjaja dan perniagaan.

■1010

Oleh itu, kita ingin menegaskan bukan sahaja soal lesen yang tidak boleh diberikan kepada bukan warganegara tetapi yang lebih penting lagi adalah penguatkuasaan terhadap mereka yang meneruskan menjaja tanpa lesen.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, langkah-langkah tegas telah pun diambil untuk membersihkan, misalnya, Pasar Borong Selayang, Kuala Lumpur telah dibersihkan 100 peratus daripada penglibatan penjaja-penjaja asing. Seterusnya, Pasar Harian Chow Kit, juga sudah dibersihkan sama sekali daripada penglibatan penjaja-penjaja warga asing.

Sekarang, kita sedang pula melaksanakan untuk di kawasan Petaling Street yang juga terdapat ramai warga asing. Jadi, soal penguatkuasaan adalah penting. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan meneruskan tindakan, pertama, sememangnya tidak boleh memohon sama sekali, selaras dengan undang-undang. Kedua, bagi yang melanggar peraturan, tindakan akan diambil. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, para Menteri kita yang pada pagi ini sama-sama- sendiri datang ke Dewan yang mulia ini. Sila tunjukkan penghargaan kita... [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, tambahan soalnya?

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Soalan tambahan saya, adakah kementerian akan mengintegrasikan sistem pendaftaran lesen perniagaan dan penjaja kecil sedia ada dengan sistem pendaftaran kementerian lain seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan *cross-checking*, dengan izin, yang lebih menyeluruh bagi sesuatu latar belakang perniagaan yang beroperasi? Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, memang terdapat syarat-syarat apabila memohon, pemohon-pemohon perlu mengemukakan pendaftaran-pendaftaran lain. Misalnya, pendaftaran syarikat

yang terletak di bawah kementerian lain dan juga apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan kementerian yang lain. Memang menjadi satu amalan, bahawasanya maklumat itu boleh dikongsi walaupun barangkali dalam sistem memproses permohonan itu ataupun dalam sistem maklumat, maklumat kita belum diintegrasikan dalam satu sistem. Akan tetapi penyelarasan antara agensi-agensi itu adalah satu perkara yang mustahak. Saya fikir cadangan Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang baik, yang boleh kita guna pakai untuk masa yang akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua boleh?

**3. Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mendidik dan menggalakkan belia menyertai aktiviti-aktiviti kesukarelawanan, terutamanya melalui badan-badan bukan kerajaan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih daripada Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan program-program di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah berpandukan Dasar Belia Malaysia. Setiap program yang dirancang adalah menerusi jaringan kerjasama strategik setiap pemegang taruh untuk menyerlahkan bakat dan potensi belia sebagai modal insan agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan, malah berdaya saing di peringkat antarabangsa. Pelaksanaan program adalah secara holistik dan berpandukan Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara berdasarkan sembilan bidang keutamaan belia dalam Dasar Belia Malaysia.

Salah satunya ialah kesukarelawanan dan masyarakat sivil. Merujuk kepada penilaian Outcome Indeks Belia Malaysia 2019 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, menunjukkan indikator sukarelawan di bawah domain identiti masih berada di tahap sederhana, dengan skor sebanyak 60.93 peratus. Satu lagi kajian kesedaran mengenai kesukarelawanan di Malaysia oleh IYRES menunjukkan 81.06 peratus responden pernah terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan, manakala 18.4 peratus tidak pernah terlibat. Selain itu, penilaian terhadap penganjur program kesukarelawan, khususnya dari pihak NGO adalah pada tahap 60 peratus iaitu dalam kategori memuaskan.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kesedaran berkaitan budaya kesukarelawanan di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya golongan belia, KBS dengan kerjasama badan-badan bukan kerajaan mempunyai program-program yang komprehensif, khusus untuk belia-belia berumur 30 tahun ke bawah. Contohnya, Program Kesukarelawanan Belia Antarabangsa Malaysia (MyCorps), Program *Rakan Muda Day Out*, Program Pasca

Bencana, Hari Kesukarelawanan Malaysia, Modul Sukarelawan, Program *Malaysia Future Leader School*, pada tier ketiga.

Sejak tahun 2015 hingga tahun 2020, seramai 3,263 orang belia telah dilatih. Semua ini adalah mekanisme untuk mewujudkan kumpulan sukarelawan belia yang profesional, berkemahiran, berpengalaman dan mempunyai sikap yang terpuji.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19 tahun ini, beberapa program yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan. Seperti yang saya jelaskan tadi, antara *core business*, dengan izin, Kementerian Belia dan Sukan ialah kita memang menggalakkan anak muda terlibat secara aktif dalam program-program sukarelawan. Kita menyediakan sepenuhnya ruang dan peluang untuk anak muda terlibat dalam membantu masyarakat menjadikan negara kita lebih berhemah dan makmur bersama. Terima kasih.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimana hala tuju kesukarelawanan ini dalam perancangan jangka panjang? Oleh kerana kita tidak mahu aktiviti kesukarelawanan hanya bersifat *one-off*. Terima kasih.

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan, kita memang memberikan tumpuan khusus kepada program-program asas ataupun program-program teras yang ada dalam Kementerian Belia dan Sukan. Izinkan saya berkongsi sedikit tentang MyCorps, satu program yang bagi saya *flagship*, dengan izin, yang menyifatkan komitmen KBS kepada program-program kesukarelawanan belia. Bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi di antarabangsa.

Kita bekerjasama dengan Wisma Putra, dengan duta-duta daripada negara-negara yang memerlukan bantuan kemanusiaan. Kita hantar hampir 40 orang belia untuk setiap tahun ke negara-negara ini dan mereka dilatih hampir dua bulan di Malaysia untuk kita memastikan ketika mana mereka berada di Afrika, India, Sri Lanka, Bangladesh, Nepal dan negara-negara lain yang memerlukan, mereka benar-benar mampu membawa bendera Malaysia, memastikan program ini berjalan setiap tahun.

Kita menganggap hal ini sebagai satu *track to diplomacy*, mereka ini seperti *ambassadors-at-large* di kalangan belia untuk kita membawa suara dan rupa, wajah negara kita sebagai negara yang berhemah, yang prihatin kepada masyarakat dunia. Itu dari segi program yang kita tumpukan untuk jangka masa panjang.

Untuk jangka masa panjang di tempatan, di dalam negara, Rakan Muda adalah antara program yang kita tekankan, *Rakan Muda Day Out*. Di mana zaman saya mahasiswa dulu, antaranya ialah Rakan Muda Wawasan Malaysia yang sekarang ini bertukar menjadi *Rakan Muda Day Out* yang mana, kita bawa mahasiswa di seluruh universiti masuk ke FELDA-

FELDA, kampung-kampung untuk ada keluarga angkat dan kita bantu masyarakat setempat dalam hal-hal pembangunan sosioekonomi.

Jadi, perkara ini saya rasa antara kekuatan yang ada dalam Kementerian Belia dan Sukan. Kita komited untuk memastikan program ini bukan sekadar *one-off* tetapi satu program yang teras dalam Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

**4. Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam membendung pencerobohan berterusan Tentera Laut dan Agensi Penguat Kuasa Maritim China ke kawasan perairan Malaysia.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya bangun mewakili Kementerian Luar Negeri dan juga Yang Berhormat Menteri Luar Negeri yang masih dalam proses kuarantin lagi Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat hadir bersama kita pada pagi ini.

Kerajaan tegas dalam komitmen mempertahankan keutuhan wilayah, kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara, termasuk di Laut Cina Selatan. Kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) sentiasa memberikan perhatian terhadap keselamatan di kawasan perairan negara.

Tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan maritim Malaysia untuk memastikan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Semua agensi penguat kuasa dan pemantauan maritim di negara ini sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan, dan hak kedaulatan Malaysia adalah kekal terpelihara.

Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN bersama rakan-rakan dialog pada minggu lepas, 9 September hingga 12 September 2020 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menegaskan sekali lagi pendirian Malaysia berhubung Laut Cina Selatan yang mana isu ini perlu diselesaikan secara damai, menerusi pendekatan diplomatik selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa, termasuklah, dengan izin, di *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982.

#### ■1020

Dalam mempertahankan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara, Kerajaan Malaysia harus mengambil sikap berhati-hati dan mengelakkan tindakan yang boleh meningkatkan ketegangan- *escalation*, dan mengelakkan sebarang insiden yang tidak diingini berlaku di dalam kawasan perairan negara. Kehadiran dan jumlah kapal perang di satu-satu kawasan maritim seperti di Laut Cina Selatan, juga berpotensi meningkatkan ketegangan dan boleh mengancam keamanan, keselamatan dan kestabilan.

Dalam hal ini, kerajaan mengambil pendirian bahawa semua negara perlu mengurangkan kehadiran kapal perang mereka di Laut China Selatan. Pendirian negara ini juga disuarakan di platform-platform serantau dan antarabangsa. Kerajaan telah mengambil pendekatan diplomasi dengan negara-negara yang berkaitan, di mana Malaysia menegaskan bahawa Laut China Selatan mesti kekal menjadi laluan perdagangan dan perairan yang aman.

Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan- *the Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Melalui DOC tersebut, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan program-program yang bertujuan untuk pembangunan kapasiti, keupayaan dan membina kesalingpercayaan- *confidence building* serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

Negara-negara ASEAN dan China juga sedang merunding Kod Tatalaku di Laut China Selatan- *the Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC ini dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan pihak-pihak di Laut China Selatan mengelakkan konflik di antara satu sama lain.

Jadi dengan ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia akan sentiasa memastikan bahawa *Code of Conduct* yang akan dimuktamadkan kelak akan/dan menjadi berkesan dalam memastikan kedaulatan dan hak kedaulatan negara kita terus kekal terpelihara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tambahan?

**Datuk Mohan a/l Thangarasu:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang jelas. Justeru, saya tidak ada soalan tambahan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh.

**5. Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada kerajaan berhasrat untuk melaksanakan pendidikan TVET selari dengan pendidikan arus perdana di sekolah harian dalam usaha untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir selepas meninggalkan bangku sekolah.

**Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Suresh. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Mohon izin untuk jawapan yang agak panjang dan terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menjadikan akses pendidikan yang sesuai dengan keperluan industri pada masa akan datang. Bermula tahun 2012, KPM telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bagi memartabatkan pendidikan vokasional setanding dengan pendidikan arus perdana.

Pendidikan TPV bertujuan melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi serta mempunyai kebolehpasaran, kebolehverjaan dan kebolehgajian yang tinggi agar dapat memenuhi keperluan sumber tenaga kerja industri negara. Matlamat utama TPV adalah membentuk lepasan pendidikan vokasional yang bersedia menyertai pasaran kerja sebanyak 70 peratus, melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi sebanyak 20 peratus dan menjadi tekno-usahawan yang berdaya saing sebanyak 10 peratus.

Antara usaha yang dijalankan oleh KPM untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir adalah menawarkan TVET di sekolah menengah harian dan juga di kolej vokasional kepada murid menengah atas yang cenderung kepada pembelajaran secara *hands on* ataupun praktikal.

Antara program-program yang ditawarkan adalah Program Vokasional Menengah Atas (PVMA), merupakan program kemahiran yang ditawarkan kepada murid lepasan PT3 di 319 buah sekolah menengah (SMK). Tempoh program ini adalah selama dua tahun dan selepas menjalani program ini, murid yang layak serta kompeten akan mendapat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap dua.

Program kedua adalah Perantis Industri Menengah Atas (PIMA), merupakan satu program latihan kemahiran berkonsepkan *apprentice* yang ditawarkan kepada murid lepasan PT3 di 26 buah sekolah SMK di seluruh negara. PIMA mengguna pakai mod latihan perantisan yang menetapkan 60 peratus masa pembelajaran industri, manakala 40 peratus pembelajaran akademik. Di dalam tempoh seminggu pembelajaran, murid akan berada selama dua hari di sekolah untuk akademik dan tiga hari di industri untuk *hands-on learning*. Di akhir pengajian, sekiranya layak, murid akan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Perakuan Testimoni Latihan yang dikeluarkan oleh pihak industri.

Program ketiga, Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) kolej vokasional KPM. Program ini adalah untuk murid lepasan pentaksiran PT3 yang berkecenderungan tinggi kepada kemahiran dengan syarat kemasukan minimum, kebolehan membaca, menulis dan mengira (3M). Murid boleh mengikuti program *apprentice* dengan mod Skim Latihan Dual Nasional di Kolej Vokasional (KV) dengan persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap dua atau tahap tiga.

Yang terakhir, Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM), dilaksanakan di 89 buah kolej vokasional di seluruh negara dan juga di 10 buah institut latihan kemahiran swasta (ILKS)

secara kaedah *buying place*. Program DVM ditawarkan kepada pelajar lepasan PT3 dan tempoh pengajian adalah selama empat tahun lima bulan. Pada dua tahun pertama, pelajar melalui program sijil dan setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pelajar akan dianugerahkan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan layak meneruskan pengajian ke peringkat diploma. Tempoh pengajian diploma adalah selama dua tahun pengajian dan lima bulan *on job training* (OJT), dengan izin, di industri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Suresh, puas hati?

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Ya, terima kasih. Soalan tambahan sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambah juga lagi? Begitu *detail*, hendak tambah lagi?

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh:** Tidak, sebab ia *too limited to 26 schools* sahaja, 26 buah sekolah sahaja. Adakah kementerian merancang untuk menambah kepada lebih lagi atau keseluruhan kepada semua sekolah menengah atasan? Terima kasih.

**Tuan Muslimin bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Suresh iaitu 26 buah sekolah, itu adalah PIMA. Ia program industri, maknanya pelajar dalam proses pembelajaran Tingkatan 4 dan 5, mereka akan sebahagian daripada masa itu akan belajar di industri, di mana-mana industri yang telah dipilih dengan harapan mereka memiliki kemahiran selepas keluar daripada itu. Mereka juga akan mendapat sijil kemahiran yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pembangunan.

*Insyaa-Allah*, kita rasa di peringkat KPM, kita akan melaksanakan, melebar luaskan lagi program-program vokasional kerana kita tahu setiap tahun, bilangan pelajar yang tidak dapat memiliki SPM, maknanya gagal dalam SPM adalah sebanyak lebih kurang antara 50 hingga 60 ribu orang. Jadi, yang ini menjadi perhatian yang serius di peringkat KPM supaya mereka ini tidak tercicir di arus perdana dalam bidang akademik.

Kita akan memberikan mereka fokus kepada bidang kemahiran. Di peringkat kementerian, kita fikir di peringkat kolej vokasional, di peringkat vokasional PVMA dan di peringkat PIMA, kita akan memberikan perhatian yang serius kepada mereka yang tidak cenderung di dalam bidang akademik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya suka mengingatkan semula supaya apabila Yang Berhormat Menteri menjawab dengan panjang lebar, harus kita catatkan sama ada apa yang disoal itu memuaskan pandangan Yang Berhormat Senator, dengan tanpa menokok sesuatu lagi yang tidak berkaitan dengan soalan asal. Jadi, Peraturan Mesyuarat 20 dapat kita hormati. Terima kasih.

Saya jemput Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada petua tadi.

Soalan saya nombor enam.

**6. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, peranan kebudayaan di dalam perancangan bandar terutama di dalam memastikan kampung-kampung warisan di pertahankan.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua juga. Terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya pada masa kini, pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya yang kadang-kadang orang panggil MOTAC melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645 tidak menetapkan suatu kawasan sebagai bandar warisan ataupun kampung warisan. Penetapan yang dibuat oleh pihak Jabatan Warisan Negara melalui Akta 645 ini, hanyalah sebagai tapak warisan yang meliputi bangunan, monumen atau tapak.

■ **1030**

Manakala warisan kebudayaan di bawah air ataupun kebanyakan ada serpihan kapal-kapal lama, yang pecah selepas itu tenggelam ditetapkan sebagai zon yang dilindungi. Namun begitu, kementerian ini mengalu-alukan sekiranya terdapat kawasan yang berpotensi, mempunyai signifikan dan integriti sebagai bandar warisan atau kampung warisan bolehlah mencalonkannya kepada Jabatan Warisan Negara untuk diteliti dan dipertimbangkan bagi ditetapkan di bawah Akta 645.

Walaupun begitu, mana-mana tempat, kawasan atau tapak yang mempunyai warisan ketara atau, dengan izin, *tangible heritage* atau warisan tidak ketara, dengan izin, *intangible heritage* sentiasa berada di bawah MOTAC melalui agensi di bawah seliaannya iaitu Jabatan Warisan Negara (JWN) bagi memastikan ia dilindungi di bawah Akta 645.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peranan dalam merancang pembangunan bandar dan desa diterajui oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia). Dalam hal ini, Jabatan Warisan Negara telah bekerjasama dengan PLANMalaysia dalam menyediakan dokumen, dengan izin, *Conservation Management Plan (CMP)* dan *Special Area Plan (SAP)*.

Antara contoh pembabitan JWN dalam perkara ini ialah pelan terhadap kawasan atau tapak termasuk kampung-kampung yang terdapat di dalam Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong untuk memastikan signifikannya terus terpelihara. Di samping itu, pihak JWN terlibat dalam hal berkaitan pengurusan, pemeliharaan dan perlindungan tapak melalui

jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Saintifik Warisan atau *Heritage Scientific Committee*.

Sementara itu, dalam usaha untuk mengekal dan mengetengahkan warisan setempat, MOTAC juga telah memberi insentif dalam bentuk pembangunan infrastruktur berkaitan aktiviti kebudayaan seperti membina bengkel peralatan muzik tradisional dan gelanggang bagi kampung tertentu yang mempunyai warisan kebudayaan tidak ketara. Ini bagi memastikan seni budaya yang menjadi identiti setempat akan terus hidup bagi pengekalan identitinya sebagaimana di Bangsal Semar, Kampung Pasir Parit Chetok, Pasir Mas, Kelantan untuk seni wayang kulit.

Usaha ini bukan hanya boleh membangkitkan perasaan kepunyaan atau *sense of belonging*, dan jati diri di kalangan komuniti, malah boleh menjadi salah satu produk pelancongan yang boleh diketengahkan dan dipaparkan kepada masyarakat tempatan mahupun antarabangsa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan lanjut. Seperti Tuan Yang di-Pertua maklum, saya tahu Tuan Yang di-Pertua memperjuangkan isu kebudayaan ini semenjak dalam kerajaan lagi.

Soalan lanjutan saya ialah sebagai penjelasan apakah tindakan yang lebih tegas berasaskan dasar-dasar tadi kerana saya melihat seolah-olah identiti kampung-kampung warisan ini telah hilang, seolah-olah diterajui oleh pemaju. Kita lihat Kampung Haji Abdullah Hukum hilang, kita lihat Kampung Kerinchi pun di dominasi dengan *Bangsar South*, malah banyak lagi. Seolah-olah tidak ada satu dasar yang jelas dan peranan kebudayaan di dalam merancang perbandaran.

Jadi soalan saya ialah apakah dasar yang lebih tegas bagi memberi ruang peranan kebudayaan di dalam merencana identiti negara. Hal ini kerana bagi saya Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan ialah jiwa dan identiti negara. Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya nyatakan tadi, yang jawapan saya tadi tetapi ini dari segi inisiatifnya oleh Jabatan Warisan Negara bukannya dasar kita sebab dasar telah termaktub di dalam undang-undang di mana kita memainkan peranan kita. Akan tetapi inisiatif kita, MOTAC juga giat dalam usaha penerbitan buku-buku berkaitan warisan negara dan makanan warisan, antaranya termasuk buku alam dan budaya. Warisan yang lain-lain itu dari segi masakan tempat-tempat lain.

Dari sudut bangunan pula, ia di bawah satu kementerian yang lain, yang saya nyatakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peranan kita adalah

apabila kita duduk di jawatankuasa teknikal itu, kita memberi saranan sebab itu bukan di bawah bidang kuasa undang-undang kita. Jadi sumber undang-undang itu di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, maka kita menyarankan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk mereka mengambil kira perkara-perkara yang termasuk di bawah ciri-ciri yang kita maksudkan di bawah Jabatan Warisan Negara.

Jadi peranan itu kita main secara tidak langsung yang mana kita menasihatkan supaya diambil kira semua ini. Terima kasih banyak.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sikit sahaja. Warisan yang di dalam air boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak tambah sikit...

**Datuk Razali bin Idris:** Soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau penting, saya benarkan.

**Datuk Razali bin Idris:** Penting. Terima kasih. Tadi ada Yang Berhormat Menteri sebagai zon yang dilindungi, dalam air. Sebagai seorang kelompok *scuba diver*, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menyatakan sejauh mana kementerian mewartakan khazanah dalam air sebagai zon yang dilindungi sebagai produk pelancongan kepada penyelam rekreasi. Maksud yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menjelaskan sebab yang di dalam air itu kebanyakannya kita melihat kepada artifak, dengan izin. Bahan-bahan yang mana apabila kapal pecah misalnya, ada bahan-bahan yang mempunyai nilai-nilai yang boleh kita maksudkan di bawah nilai warisan.

Oleh sebab itu kita letaknya kepada zon dilindungi tetapi ada juga kementerian yang mempunyai peranan yang penting di dalam hal ini di mana kalau ia melibatkan alam sekitar, ada satu lagi kementerian iaitu Kementerian Alam Sekitar dan Air. Di mana mereka juga akan terlibat dalam melihat daripada sudut ciri-ciri itu. Jadi kalau ia satu kawasan yang boleh dilindungi untuk melindungi ataupun memulihara alam sekitar maka ia jatuh di bawah kementerian itu.

Akan tetapi dalam hal ini kita melihat kepada artifaknya sahaja. Jadi sebab itu kalau *scuba diver*, dengan izin, mereka mempunyai tugas itu mereka akan diberilah skop-skop tugas mereka untuk meneliti sendiri apa yang perlu mereka cari supaya ia boleh kita ambil dan itu pun kita akan teliti juga sebagai produk warisan. Terima kasih.

**7. Puan Asmak binti Husin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, langkah berkesan untuk mengawal harga sayuran dan keperluan lain yang semakin meningkat akibat penutupan sempadan semasa wabak COVID-19.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya tentang soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi meminimumkan kenaikan harga barang di dalam negara. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (i) menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga;
- (ii) menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993 bagi mewajibkan peniaga-peniaga meletakkan tanda harga ke atas barang yang dijual atau yang dipamerkan; dan
- (iii) melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi mengawal harga barang keperluan musim perayaan tertentu semasa musim-musim perayaan utama dalam negara.

Pegawai-pegawai penguat kuasa kementerian kita akan membuat pemeriksaan di seluruh negara bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang serta peraturan yang dikuatkuasakan oleh kementerian ini. Pada masa yang sama, kementerian juga mendapat kerjasama yang hebat daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi memastikan bekalan makanan khususnya yang melibatkan bekalan ayam, ikan, daging dan sayuran sentiasa mencukupi dan tidak terjejas.

Sekali gus memastikan harganya berada pada kadar yang berpatutan. Sebagai langkah proaktif, pemantauan harga barang juga turut dilakukan secara konsisten oleh pegawai pematuhan harga kementerian yang telah dilantik oleh kementerian ini untuk membuat pemantauan ke atas pasar raya-pasar raya besar, pasar raya, pasar basah, pasar mini, kedai serbaneka 24 jam, kedai runcit dan premis makanan siap masak di seluruh negara.

■1040

Hasil pemantauan itu akan digunakan sebagai laporan trend harga barang dan tindakan penguatkuasaan sekiranya berlaku kenaikan harga. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya Tuan Yang di-Pertua ingin merujuk balik kepada soalan saya. Soalan saya ialah berkaitan dengan kawalan harga sayuran dan lain-lain akibat penutupan sempadan.

Apabila bercakap soalan ini, dalam sebulan yang lalu saya ada pergi ke Langkawi bercakap dengan peraih sayuran. Maka antara aduannya adalah akibat daripada SOP dan birokrasi di sempadan. Contohnya, kalau dahulu mereka hanya perlu isi satu borang untuk sayur, tetapi sekarang setiap borang itu berbeza-beza, cara masuk dan keluar lori. Ini sebenarnya menyumbang kepada kos tersembunyi dalam peningkatan harga sayur, khususnya di kawasan-kawasan sempadan.

Jadi, soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk meminimumkan kos tersembunyi akibat daripada birokrasi pandemik COVID-19? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kos tersembunyi Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Rosol bin Wahid:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita di kementerian ini berlaku suatu keadaan yang mana kita *contradict* dengan Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, mereka mahu harga tinggi. Kita di kementerian ini mahu harga rendah.

Jadi, bila harga tinggi mereka mahu penjual-penjual supaya menjual ayam, sayur dan sebagainya dengan harga yang tinggi supaya petani-petani ini akan mendapat keuntungan lebih baik. Akan tetapi, kita di kementerian ini menjaga pengguna untuk pastikan harga itu rendah. Jadi, apa yang kita nyatakan di sini ialah apabila berlaku kenaikan harga yang mendadak, sama ada yang kos tersembunyi kah atau kos yang berterusan kah, kita akan pantau kalau kenaikan itu melebihi apa yang sepatutnya.

Ini kerana, kita tahu setiap sayur yang hendak dijual kepada pengguna ia melalui beberapa *buyer*. Daripada penanam pergi kepada pemborong, pemborong pergi kepada orang tengah yang pertama, orang tengah yang kedua. Kadang-kadang yang kita dapati sayur daripada Cameron Highlands hendak pergi ke Tapah, mereka pergi ke pasar borong dahulu. Jadi, ini yang kita pantau supaya kalau boleh, daripada Cameron Highlands itu *direct* ke Tapah, padahal Cameron Highlands itu dengan Tapah dekat sahaja.

Jadi, oleh kerana benda ini telah dilakukan secara tradisional sejak dahulu lagi dan kita sedang cari bagaimana mekanisme untuk pastikan kos pengangkutan itu ataupun *layer-layer* orang tengah ini dapat dikurangkan untuk mengurangkan harga kepada pengguna. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. Puan Siti Fatimah binti Yahaya** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk menstabilkan harga getah dan perancangan kerajaan bagi meningkatkan nilai tambah komoditi tersebut.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kerajaan amat prihatin dengan ketidakstabilan pasaran harga getah komoditi pada waktu ini yang memberi kesan pendapatan kepada pekebun kecil. Hal ini berlaku demikian kerana, seperti komoditi lain getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran antarabangsa.

Di samping itu, ketidakstabilan harga getah ini juga disebabkan penularan wabak COVID-19 sejak awal tahun ini yang telah memberikan kesan terhadap pasaran permintaan antarabangsa terutama China yang merupakan pengguna utama getah dunia. Walau bagaimanapun, kerajaan terus komited untuk menstabilkan harga getah dan meningkatkan nilai utama getah dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Counsel* (ITRC), dengan izin, untuk memperkukuh dan menstabilkan harga pasaran getah antarabangsa. Di bawah kerjasama ini, *sales* pengeluaran ketiga-tiga negara adalah sebanyak 63.3 peratus daripada pengeluaran getah asli dunia;
- (ii) meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengukuhkan harga getah jangka sederhana dan panjang. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baharu serta bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain;
- (iii) memperkenalkan konsep ladang komoditi getah bertujuan untuk meningkatkan bekalan bahan mentah di samping menjana pendapatan tambahan pekebun kecil menerusi tanaman kontang serta ternakan haiwan;
- (iv) merancang pelaksanaan Koridor Lateks Wilayah Timur dengan tujuan untuk mendapatkan hasil lateks tempatan bagi menyokong perkembangan industri pembuatan barangan getah lateks di samping meningkatkan pendapatan pengusaha getah; dan
- (v) meningkatkan penggunaan getah asli negara dengan memperkasa industri tayar Malaysia dengan membuka peluang pelaburan baharu di dalam negara supaya industri pembuatan barangan getah dapat diperluaskan lagi.

Industri tayar sangat berdaya saing dengan nilai pasaran dunia hampir sebanyak RM300 bilion. Pemerksaan industri ini yang berasaskan getah kering juga dapat mengimbangi industri pembuatan barangan getah di Malaysia yang kini didominasi oleh

industri berasaskan lateks untuk meningkatkan sumbangan eksport dan pasaran industri getah dunia. Sekian, terima kasih.

**Puan Siti Fatimah binti Yahaya:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri jelas saya tiada soalan tambahan. Terima kasih.

**9. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk membantu warga yang ingin menyambung pendidikan ke peringkat ijazah kedoktoran/doktor falsafah (PhD) dan adakah program *MyBrain* akan diwujudkan semula.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Sebagai usaha untuk membantu warganegara yang ingin menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran atau doktor falsafah (PhD) di dalam atau di luar negara, Kementerian Pengajian Tinggi menawarkan biasiswa *MyBrainSc* kepada mereka yang berkecukupan.

Program Biasiswa *MyBrainSc* yang bermula sejak tahun 2012 ini difokuskan kepada bidang pengajian Sains Tulen yang merangkumi bidang matematik, fizik, kimia dan biologi. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), kementerian turut menawarkan Program biasiswa *MyBrain15* untuk membantu pelajar melanjutkan program pengajian di peringkat pasca siswazah.

Walau bagaimanapun, program ini telah ditangguhkan dan tiada penajaan baharu di tawarkan selepas tahun 2016. Kementerian sememangnya berhasrat untuk melaksanakan Program baharu *MyBrain15* bagi meluaskan akses kepada pendidikan di peringkat pasca siswazah dan sebagai kesinambungan kepada Program *MyBrain15* yang telah berjaya menjana seramai 56,910 orang pelajar sepanjang tempoh pelaksanaannya. Daripada jumlah tersebut, seramai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, hendak tanya sedikit..

**Dato' Mansor bin Othman:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...*MyBrain* itu bahasa Melayunya apa ya?

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Mansor bin Othman:** My... [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Otak saya.

**Dato' Mansor bin Othman:** Otak... [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, sila, sila saya tanya sahaja... [*Dewan Ketawa*]

**Dato' Mansor bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus boleh jawab. Sekejap lagi dia akan jawab [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah tersebut, saya ulangi seramai 30,427 orang pelajar telah berjaya menamatkan pengajian.

Kementerian telah menukarkan permohonan bagi mendapatkan peruntukan untuk membiayai pelaksanaan Program *MyBrain15* kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kementerian berhasrat menjadikan program berkenaan sebagai program jangka masa panjang dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-12.

Walaupun tawaran baharu Program *MyBrain15* ditangguhkan pada masa ini, namun kementerian masih meneruskan pemberian *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dengan izin ia ditawarkan kepada semua universiti awam di Malaysia. Dana skim ini untuk tahun 2018 adalah sejumlah RM200 juta manakala untuk tahun 2019 pula ditambahkan sebanyak RM75.35 juta menjadikannya sebanyak RM275.35 juta.

Pemberian geran pemilikan ini dilihat mampu untuk melahirkan pemegang sarjana dan PhD secara lebih tersasar di mana penyelia projek iaitu di kalangan profesor pensyarah yang memantau ataupun *supervisor* atau pelajar selain mereka akan dipantau dengan lebih dekat melalui perkembangan projek penyelidikan.

#### ■1050

Ini seterusnya akan membantu melahirkan graduan dalam tempoh pengajian seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran universiti. Selain daripada pelaksanaan kedua-dua program *MyBrain* dan pemberian Geran Pendidikan dalam membantu melahirkan lebih ramai mahasiswa berkelulusan sarjana dan PhD, KPT juga masih meneruskan pemberian biasiswa dan tajaan untuk 17 program tajaan biasiswa dalam perkhidmatan di bawah kementerian untuk melahirkan lebih ramai pemegang sarjana dan PhD daripada kalangan, guru, pensyarah, politeknik, Kolej Komuniti, UA di seluruh negara dalam memenuhi keperluan perkhidmatan di KPT. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Profesor.

**Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mudah sahaja, saya hendak tahu, sejauh manakah sasaran kita untuk mencapai pemegang ijazah PhD, bukan sarjana. Ijazah PhD seramai 60 ribu pada tahun selewat-lewatnya pada tahun 2023, boleh kita capai. Ini kita memikirkan, memandangkan akibat pertukaran kerajaan daripada kerajaan dahulu, polisi kerajaan dahulu dengan polisi kerajaan sekarang. Apakah kementerian mempunyai apa-apa sasaran baharu dalam hal ini? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Mansor bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sebagai seorang tokoh akademik dan juga Senator, saya percaya Yang Berhormat Senator cukup prihatin tentang perkara ini untuk menjamin kualiti di universiti awam dan juga di IPTS. Kalau dilihat data yang kita ada daripada tahun 2016 hingga tahun 2019, jumlah pemegang Ijazah PhD di seluruh negara dalam IPTA dan juga di IPTS berjumlah 19,622 orang. Saya tidak ada data terperinci buat masa ini untuk dapati peratus keseluruhan pemegang ijazah PhD di seluruh negara, sama ada di IPTA dan juga IPTS. Mungkin kita dapat memberikan jawapan secara bertulis Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan kedudukan yang sebenarnya yang lebih terperinci. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik. Apabila Yang Berhormat Menteri membuat penegasan untuk memberi data, di pohon supaya data itu sesungguhnya di sampaikan pada tempoh yang dijangkakan. Terima kasih. Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat.

**Yang Berhormat Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Dari sawit kepada buluh;  
Soalan saya nombor sepuluh.*

**10. Puan Hajah Sabani binti Mat** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengekang penularan fahaman Syiah, liberalisme dan pluralisme agama serta statistik terkini golongan yang terlibat dengan fahaman ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memandang serius berkenaan dengan penularan ideologi dan aliran pemikiran yang bercanggah dengan ajaran Islam seperti Syiah, liberalisme, pluralisme dan lain-lain lagi.

Justeru, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk membendung dari tersebarnya sejak sekian lama lagi. Antaranya mengeluarkan hukum,ewartakan fatwa dan perundangan. Mesyuarat sejak 1996 lagi, dengan tepatnya 5 Mei, di mana Jawatankuasa Fatwa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agam Islam Malaysia, antara lain menetapkan pandangan hukum bahawa agar umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan Ahli Sunah Wal Jamaah daripada sudut akidah, syariah dan akhlak. Selain itu menetapkan bahawa ajaran Islam selain daripada pegangan Ahli Sunah Wal Jamaah adalah dilarang.

Seterusnya keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa juga telah disusuli dengan fatwa pengharaman Syiah di 14 buah negeri di Malaysia. Fatwa ini telah pun diwartakan serta

boleh digunakan untuk mengambil tindakan ke atas pengikut Syiah. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan juga yang bersidang pada kali ke-74 iaitu pada bulan Julai 2006 telah membincangkan aliran pemikiran liberal, hukum dan implikasinya juga telah menyebut bahawa aliran pemikiran seperti ini adalah sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam. Enam buah negeri telahewartakan keputusan fatwa, antaranya Wilayah Persekutuan, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

Saat yang sama, Kerajaan Negeri Selangor telahewartakan fatwa pemikiran liberalisme dan pluralisme agama sebagai ajaran sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor. Pemantauan secara berkala dan tindakan penguatkuasaan di bawah akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah oleh pihak berkuasa agama negeri sekiranya terbukti terdapat unsur-unsur penerbitan, penyiaran atau penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung fahaman ini.

Keduanya, memberi penjelasan dan penerangan melalui yang kita katakan siri penjelasan dalam seminar dan forum berkaitan akidah yang dilaksanakan oleh JAKIM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Begitu juga pendedahan bahawa fahaman Syiah, liberalisme dan pluralisme agama melalui media baharu dan penyiaran seperti siaran khutbah serta rancangan-rancangan agama melalui Forum Perdana Ehwat Islam dan Anda Musykil yang disiarkan melalui TV serta rancangan lain yang turut diterbitkan dan disiarkan melalui radio, stesen-stesen nasional kerajaan serta boleh diakses melalui media baharu.

Ketiganya, kita juga melaksanakan Muzakarah Pakar, Sidang Meja Bulat, Bengkel Bersama Agensi Peringkat Persekutuan dan Negeri bagi berkongsi input dan mencari solusi dan masalah penulatan ajaran seperti ini.

Seterusnya Program Pemantapan Kefahaman Ahli Sunah Wal Jamaah dengan agensi yang menyelaras program kepada penjawat awam dan institusi pengajian tinggi khususnya pada pelajar yang akan ke luar negara. Slot-slot penerangan mengenai akidah diberi kepada mereka dan difahamkannya seterusnya dimasukkan dalam modul-modul yang berkaitan.

Kita juga telah mengeluarkan beberapa bahan bacaan dan buku berkaitan isu liberalisme, pluralisme dengan kerjasama institusi pengajian tinggi dan Jabatan Mufti, Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam Negeri berhubung perkara ini seperti buku soal jawab Syiah di Malaysia dan Diskusi Isu Akidah Dan Pemikiran Semasa di Malaysia yang diterbitkan oleh JAKIM. Menyediakan kokurikulum pendidikan peringkat rendah kelas Al-Quran dan fardu ain. Dalam kokurikulum tersebut, penekanan diberikan terhadap pendidikan akidah yang benar melalui penggubalan kokurikulum agama atau silibus agama yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan fahaman-fahaman tersebut di negara ini masih terkawal dan belum berada pada tahap yang membimbangkan dan kita sentiasa mengambil kecaknaan dan keprihatinan dalam menangani isu-isu ini dengan kerjasama pihak berkuasa agama negeri, agensi keselamatan serta memantau kewujudan aktiviti kumpulan ini. Semoga negara kita bebas daripada gejala ajaran-ajaran yang menyimpang daripada agama Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

*Banyak bunga di Tasik Chini:  
Hendak ke bertanya tambahan lagi?*

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang sungguh baik. Cumanya saya minta sikit pencerahan Yang Berhormat Menteri iaitu berhubung dengan fahaman liberal ia dikatakan dilakukan oleh sebilangan kecil pendakwah dan juga pensyarah di menara gading. Antaranya termasuklah penolakan kepada hukum Al-Quran dan hadis Nabi SAW dan kini mereka lebih berani menyuarakan atas nama akademik. Apakah langkah-langkah ataupun perancangan yang akan dilakukan oleh kerajaan dalam hal ini? Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Perkara pertama, *insya-Allah* kita sudah ada satu kajian baharu. Sebenarnya antara yang terakhir saya di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, kita telah memberi satu geran kepada UKM untuk kajian tentang liberalisme ini dan *alhamdulillah* telah siap. Kita juga telah melihat perlunya untuk kita mengkaji lebih detil lagi kerana fahaman ini berkembang dari semasa ke semasa.

#### ■1100

Oleh sebab itu, antara langkah yang kita akan lakukan adalah mengkaji pemikiran yang diketengahkan dan kita akan masukkan dalam Mesyuarat Panel Pakar Akidah JAKIM. Seterusnya, kita aturkan perbincangan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan atau Muzakarah Kebangsaan dan menyediakan artikel-artikel daripada mereka yang *tsiqah*.

Dipercayai dengan menjawab sebarang mafhum atau kefahaman serta pemikiran yang dianggap sebagai liberalisme agama secara umum dalam akhbar-akhbar sama ada Bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, di samping yang terakhir, kita juga akan menganjurkan seminar-seminar. *Insya-Allah*, dalam masa yang terdekat, kami akan kemukakan satu takrifan liberal yang dianggap sebagai menyeleweng dan bertentangan dengan agama Islam.

Jadi, *insya-Allah*, kita akan pantau dan kita akan beri secukupnya kecaknaan dan keprihatinan dalam menyelesaikan isu seperti ini, *insya-Allah*.

**11. Dr. Nuing Jeluing** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sebab-sebab tambang kapal terbang dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak dan Sabah kadangkala sangat tinggi dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, penetapan harga tambang adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, kerajaan telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian- *network coverage*, dengan izin, kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Dalam hubungan ini, harga tiket penerbangan ditentukan menggunakan kaedah dinamik- *dynamic pricing mechanism*, dengan izin, yang antara lain mengambil kira kadar penawaran dan permintaan- *supply and demand*, dengan izin, yang didorong oleh pasaran- *market driven*, dengan izin. Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Bagi memastikan harga tambang yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan adalah kompetitif, Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) untuk melaksanakan pemantauan secara berterusan terhadap kadar tambang yang dikenakan serta mengadakan sesi libat urus dengan mereka.

Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh MAVCOM bagi perjalanan pertengahan bulan September 2020, didapati harga tambang penerbangan terutama dari semenanjung ke Sabah dan Sarawak telah menunjukkan trend penurunan berbanding ketika musim perayaan Hari Raya Aidiladha pada bulan Julai 2020.

Bagi perjalanan pertengahan bulan September 2020, MAVCOM mendapati harga tambang telah terus menunjukkan kestabilan dan hampir menyamai harga purata yang ditawarkan pada tahun 2019. Sebagai contohnya, harga tiket bagi laluan Kuala Lumpur ke Sibu sehala untuk bulan September adalah di antara RM190 hingga RM280 jika dibandingkan purata harga tambang yang telah dikenakan pada musim perayaan Hari Raya Aidiladha iaitu melebihi RM1,000. Manakala harga tiket bagi laluan Kuala Lumpur ke Tawau sehala pula untuk pertengahan bulan September 2020 adalah di antara RM170 hingga RM750 jika dibandingkan purata harga tambang yang telah dikenakan pada tahun 2019 iaitu antara RM300 hingga RM500.

Dalam hubungan ini, orang ramai disarankan untuk membuat perancangan dengan membeli tiket penerbangan lebih awal bagi mendapatkan tawaran harga tiket yang lebih murah berbanding pembelian di saat akhir.

Bagi mengatasi masalah kenaikan harga tambang, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada 11 Jun 2020 telah mengadakan perjumpaan dengan Malaysia Airline Berhad, AirAsia Berhad, dan Malindo Air. Semasa mesyuarat tersebut, syarikat penerbangan telah diminta untuk mempertimbangkan pengurangan harga tambang sejajar dengan keputusan kerajaan untuk memberikan pengecualian arahan penjarakan sosial di dalam pesawat.

Syarikat penerbangan juga mempraktikkan konsep, dengan izin, *cross-subsidization* dalam penetapan harga tambang. Mana-mana laluan penerbangan yang mencatatkan keuntungan akan menampung kos operasi laluan-laluan yang tidak mencatatkan keuntungan. Melalui konsep ini, syarikat penerbangan mampu menawarkan harga penerbangan yang rendah dan mampu dibeli oleh penumpang. Pelaksanaan konsep ini amat bergantung pada jaringan penerbangan yang meluas ditawarkan oleh syarikat penerbangan berdasarkan permintaan.

Syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa antara 18 bulan bagi sektor domestik dan tiga tahun bagi sektor antarabangsa untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19. Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, MAVCOM menjangkakan harga tiket penerbangan akan kembali normal kepada harga purata pada tahun 2019 menjelang November 2020, *insya-Allah*, setelah syarikat penerbangan kembali menyediakan perkhidmatan penerbangan dengan kapasiti sebenar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang jawapan itu. Yang Berhormat hendak tambah lagi kah?

**Dr. Nuing Jeluing:** Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedikit juga lagi.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Memandangkan hanya pengangkutan udara yang ada untuk rakyat berulang alik dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung, adakah kerajaan berhasrat untuk menetapkan harga siling bagi harga tiket penerbangan tersebut demi perpaduan negara? Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Habibollah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah melaksanakan kajian penetapan harga tiket penerbangan domestik di Malaysia pada musim perayaan termasuk perjalanan domestik di antara Sarawak ke Semenanjung Malaysia pada Julai 2018.

Antara dapatan kajian MAVCOM adalah kebanyakan pihak berkuasa penerbangan awam di negara-negara lain tidak mengawal harga tiket penerbangan bagi laluan antarabangsa atau domestik. Bagi negara-negara yang mengenakan penetapan harga tiket seperti di Indonesia, pengawalan harga telah menimbulkan implikasi negatif seperti peningkatan purata harga tiket penerbangan.

Dalam situasi ini, syarikat penerbangan didapati telah mengambil kesempatan daripada harga siling tiket penerbangan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk memaksimumkan keuntungan mereka walaupun semasa di luar waktu puncak. Justeru, sebarang cadangan untuk menetapkan harga siling adalah tidak digalakkan bagi tujuan mengelakkan manipulasi oleh syarikat-syarikat penerbangan.

Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan MAVCOM untuk melaksanakan pemantauan penganan kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan secara berterusan dan mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memastikan harga tambang yang dikenakan adalah sentiasa kompetitif. Terima kasih.

**12. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid** minta Menteri Pertahanan menyatakan, jaminan isu veteran anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang hidup miskin selepas bersara masih belum dibela sepenuhnya. Apatah lagi selepas Kerajaan Pakatan Harapan (PH) digulingkan sewaktu merangka dasar-dasar yang lebih baik untuk pembelaan yang lebih komprehensif terhadap veteran yang rata-ratanya 80 peratus bumiputera sama ada Melayu, Kadazan atau Iban.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Pertama, saya menjawab terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran yang dikenali sentiasa memperjuangkan nasib warga ATM khususnya veteran ATM. Begitu juga sahabat saya yang di hadapan ini Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong yang sentiasa isu-isu ATM selalu dibangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab terus Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Okey, baik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dalam menjaga kebajikan veteran ATM sama ada berpencen atau tidak berpencen. Sebagai contoh, pada tahun ini sahaja, pihak kerajaan telah menyalurkan peruntukan kewangan kepada veteran ATM seperti berikut.

Pertama, bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Prihatin sebanyak RM500 kepada veteran ATM dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM96.95 juta.

Kedua, pembayaran Elaun Kenangan Pingat Jasa Malaysia (PJM) secara *one-off* sebanyak RM500 kepada veteran ATM yang melibatkan peruntukan berjumlah 35 juta.

Ketiga, bagi meringankan kewangan veteran ATM menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini, kerajaan telah membuat bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2020 sebanyak RM250 dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM32.03 juta.

Terkini, kementerian telah mengumumkan tiga inisiatif baharu untuk meningkatkan kebajikan veteran ATM iaitu:

■1110

- (i) meningkatkan jumlah bantuan maksimum Bantuan Bencana Alam daripada RM5,000 kepada RM10 ribu.
- (ii) memperluaskan bantuan kemasukan ke universiti awam untuk anak veteran ATM kepada kemasukan ke institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang terpilih; dan
- (iii) elaun bulanan kepada penjaga sepenuh masa veteran ATM yang terlantar sakit.

Di samping itu, kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM telah melancarkan Kempen Tabung Pahlawan pada 9 Ogos 2020 bagi membantu veteran ATM. Sasaran kutipan pada tahun ini ialah sebanyak RM10 juta.

Jadi, Yang Berhormat Senator bolehlah memulakan untuk kutipan bagi Senator pula. Kementerian Pertahanan juga akan meneruskan agenda membela veteran ATM dengan meneruskan pelbagai skim bantuan sedia ada seperti, ada tujuh semuanya:

- (i) bantuan sara hidup;
- (ii) bantuan persekolahan ke kolej vokasional kebangsaan;
- (iii) bantuan kemasukan universiti awam dan politeknik;
- (iv) bantuan perubatan;
- (v) bantuan peralatan pesakit;
- (vi) bantuan bencana alam; dan
- (vii) bantuan pengurusan jenazah.

Jadi, mengatakan dasar-dasar kita, Kerajaan PN ini tidak membela, saya rasa tidak tepat. Terima kasih.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, bantuan perumahan tak disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Bolehkah saya cadangkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Ya. Bolehkah saya tanya kepada Kementerian Pertahanan, bolehkah mereka berunding dengan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia yang memiliki harta berjuta-juta? Bolehkah mereka labur dan buat rumah dan ditawarkan kepada veteran-veteran yang tiada rumah? Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kita cadangkan Veteran City dibangunkan di tanah kosong di Sungkai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz:** Cadangan menarik dan baik. Walau bagaimanapun, kita kena memahami cadangan-cadangan tersebut. Apa-apa pun, cadangan itu akan dibawa dan kami akan kaji. Walau bagaimanapun, daripada segi persatuan-persatuan yang dikatakan mempunyai aset yang banyak, kita kena memahami. Persatuan ini ia di bawah perlembagaan masing-masing.

Jadi, Jabatan Hal Ehwal Veteran adalah pendaftar kepada persatuan veteran mengikut aset veteran. Jadi, daripada segi aspek pentadbiran, pengurusan kewangan, pelupusan aset adalah di bawah pentadbiran masing-masing. Jadi, jika berlaku percanggahan pendapat oleh persatuan, barulah kita boleh buat aduan kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran.

Akan tetapi yang dibangkitkan itu menarik. Walau bagaimanapun, saya akan bawalah. Akan tetapi ia bukannya perkara yang mudah, boleh dibuat dalam masa yang singkat. Ia perlu banyak perbincanganlah, kena tengok daripada segi perundangan dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Pecah kaca pecah gelas;  
Soalan saya nombor tiga belas .*

**13. Tuan Muhamad Zahid bin Md Arip** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, langkah jangka pendek dan panjang bagi memperkasakan sukatan pelajaran tadika KEMAS agar setanding dengan kualiti pendidikan pra-sekolah swasta termasuk dalam aspek kelayakan akademik tenaga pengajarnya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Yang Berhormat, pendidikan awal kanak-kanak di Jabatan KEMAS Masyarakat bukan sahaja setanding, namun telah mampu bersaing dengan pendidikan prasekolah di swasta. Buktinya, Jabatan Kemajuan Masyarakat telah menerima anugerah *Trusted Brand* dalam kategori Pusat Pembelajaran Prasekolah Pilihan Pengguna di Malaysia oleh *Reader's Digest* pada tahun 2017 dan juga pada tahun 2020.

Seperti mana agensi pelaksana prasekolah yang lain, tabika KEMAS mengguna pakai Kokurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Kokurikulum PERMATA NEGARA bagi taska KEMAS. Bagi langkah jangka pendek, untuk memperkasakan sukatan pembelajaran adalah:

- (i) memperkasakan pendidikan Sains, Teknologi, *Religion, Engineering, Arts, Mathematic* (STREAM) di tabika;
- (ii) menerapkan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21;
- (iii) meningkatkan kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul melalui pelbagai program seperti Kempen 'Seronoknya Membaca', Program *English Is Fun*; dan
- (iv) menerap nilai murni, patriotisme, keyakinan diri dan ketuhanan dalam diri kanak-kanak seawal usia.

Sebagai contoh, bagi kanak-kanak beragama Islam, Program Selawat Perdana telah diadakan secara serentak di tabika, taska Jabatan Kemajuan Masyarakat seluruh Malaysia pada 1 Mei 2020.

Bagi tempoh jangka panjang pula, terdapat sembilan strategi yang digariskan dalam Pelan Kualiti Perkhidmatan Pendidikan Awal Kanak-kanak (2020-2030) KEMAS. Salah satunya ialah meningkatkan kualiti kokurikulum dan juga pendidikan awal kanak-kanak KEMAS dengan kerjasama IPTA dan IPTS.

Bagi kelayakan akademik tenaga pengajar di tabika dan taska KEMAS pula adalah telah pun bertaraf Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dengan Gred S29. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pihak KEMAS bersedia untuk mengkaji untuk menambah beberapa lagi kurikulum dalam tadika KEMAS ini? Seperti penerapan pengajaran mata pelajaran Sivik dan juga kefahaman kepada Rukun Negara kerana kita perlu melentur buluh daripada rebungunya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sebenarnya telah melatih guru-guru dengan menaikkan taraf mereka ini iaitu seperti yang saya nyatakan sebentar tadi dan telah melibatkan 294 orang. Daripada itulah sebenarnya kita di bawah KEMAS ini, kita bekerjasama dengan KPM dan akan menyediakan perkhidmatan awal sama ada dalam dan luar negara iaitu peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang telah kita laksanakan sebenarnya.

Akan tetapi walau bagaimanapun, mungkin di setengah-setengah tempat, tabika yang masih belum kita laksanakan. Mungkin kadang-kadang kita ternampak di kawasan kita sendiri yang masih belum dilaksanakan. Akan tetapi walau bagaimanapun, di bawah pengiktirafan ini iaitu di bawah Program Sangkutan Bersama Pihak IPT Swasta dan Luar Negara, mengiktiraf personel PAK melalui pelbagai program anugerah. Mempelbagaikan latihan dalam subjek bidang selain subjek yang saya nyatakan tadi, kita telah memulakan apa yang dinyatakan oleh pihak Senator sebentar tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**14. Datuk Lee Tian Sing** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, bilangan syarikat atau jenama tempatan yang berjaya dibawa oleh MATRADE ke pasaran dunia sejak lima tahun lepas dan apakah inisiatif agensi tersebut dalam memperbanyakkan dan menggalakkan perniagaan tempatan untuk menembusi pasaran global pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini iaitu daripada tahun 2015 sehingga 2019, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah berjaya membantu sebanyak 13,813 syarikat tempatan untuk menembusi pasaran antarabangsa menerusi 466 aktiviti promosi eksport dan program pembangunan pengeksport.

Dalam tempoh lima tahun tersebut, sebanyak 337 jenama Malaysia dalam pelbagai sektor telah dipromosikan oleh MATRADE, di mana mereka berjaya meluaskan pasaran mereka di luar negara. Antara jenama-jenama Malaysia tersebut ialah *PETRONAS*, *Royal Selangor*, *Secret Recipe*, *Marrybrown*, *Brahim's*, *Adabi*, *Tanamera* dan juga termasuk *Upin & Ipin*.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif MATRADE dalam membantu perniagaan tempatan untuk menembusi pasaran global adalah seperti berikut:

- (i) Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTCDP), di mana MATRADE dengan kerjasama firma perunding, memberi khidmat nasihat yang berkaitan dengan hal ehwal eksport kepada peserta program tersebut;
- (ii) Program Pembangunan Pengeksport untuk Bumiputera, Wanita dan Belia (BWY), di mana di bawah program ini, syarikat yang menghasilkan produk yang berpotensi untuk dieksport, akan diberi latihan dan pendedahan dalam aktiviti-aktiviti promosi eksport;
- (iii) Geran Pembangunan Pasaran (MDG), membantu meringankan beban kewangan yang dialami oleh syarikat-syarikat pengeksport, pengusaha kecil dan sederhana (PKS) Malaysia; dan

- (iv) bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2020, geran berjumlah RM16.42 juta telah disalurkan kepada 1,072 syarikat.

#### ■1120

Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi penularan pandemik COVID-19, MATRADE juga telah mengambil langkah-langkah proaktif menerusi platform digital seperti berikut untuk meningkatkan jumlah eksport negara:

- (i) pelaksanaan sesi padanan perniagaan secara maya yang juga dikenali sebagai *eBizMatch* dengan berpandukan peluang eksport yang telah dikenal pasti oleh 46 Pejabat MATRADE di seluruh dunia. Hasilnya sehingga 31 Ogos 2020, MATRADE telah berjaya mengaturkan 628 sesi di mana 423 orang pembeli asing telah dipadankan dengan 586 syarikat Malaysia menghasilkan potensi eksport berjumlah RM483.21 juta;
- (ii) perkhidmatan *MyExport* yang menyediakan risikan pasaran secara atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2020, MATRADE telah menyebarkan 609 laporan pasaran dan 105 laporan kajian produk yang disediakan oleh 46 Pejabat MATRADE di seluruh dunia. Maklumat ini merangkumi perkembangan ekonomi dan pasaran semasa, peluang-peluang eksport, piawaian serta dasar dan peraturan dagangan luar negara dan melalui perkhidmatan *MyExport* ini juga, MATRADE telah menyebarkan 2,063 '*trade list*' yang diterima daripada pembeli luar negara;

- (iii) kita juga menggalakkan pengguna platform digital bagi tujuan eksport melalui program yang dinamakan *eTRADE*. Di bawah program ini setakat ini sebanyak 3,776 syarikat telah mengambil bahagian dalam program *eTRADE* dan dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Ogos 2020, sebanyak 774 permohonan daripada syarikat tempatan untuk menyertai program *eTRADE* telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi usaha di bawah platform digital ini ialah pemerkasaan pengeksport menerusi aktiviti latihan pengeksport melalui kaedah *webinar*. Untuk makluman dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2020, sebanyak 119 *webinar* telah dianjurkan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk bank dan juga firma perunding. Ini semua bertujuan untuk menyampaikan perkembangan situasi terkini, strategi promosi dagangan serta rantaian bekalan dan juga impak pandemik COVID-19 kepada syarikat tempatan.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, program-program yang dirancang dan dijalankan oleh MATRADE ini memberi pendedahan dan peluang kepada syarikat tempatan

untuk memasarkan produk mereka ke pasaran antarabangsa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri panjang sangat dan kita memberi peringatan kembali supaya jawapan-jawapan tepat, ringkas dan menerusi apa yang telah ditunjukkan. Hendak ditambah lagi ke soalnya, tidak, ada?

**Datuk Lee Tian Sing:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tambah juga lagi.

**Datuk Lee Tian Sing:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan beliau. Saya ada satu soalan tambahan, ringkas. Negara kita sedang menghadapi pandemik COVID-19 dan saya difahamkan pameran perdagangan tidak dapat dilaksanakan secara fizikal. Apakah pendekatan kita untuk mengatasi masalah ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Lim Ban Hong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada peringatan Tuan Yang di-Pertua kerana soalan tadi ia melibatkan bilangan, angka dan jenama. Jadi saya terpaksa memberikan semua angka yang terlibat dengan MATRADE.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kalau saya jawab itu separuh sahaja.

**Datuk Lim Ban Hong:** [Ketawa] Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ringkaskan untuk soalan tambahan ini. Selain daripada usaha dan inisiatif yang saya sebutkan tadi, kita juga melakukan pameran perdagangan secara maya. Contohnya kita adakan pameran perdagangan maya MyAPEC2020 yang berlangsung dari 1 September hingga 31 Disember.

Keduanya kita adakan juga satu lagi pameran maya perdagangan antarabangsa secara maya yang akan melibatkan 80 syarikat antarabangsa dalam sektor aeroangkasa yang dinamakan sebagai KLIABC- *Kuala Lumpur International Aerospace Business Convention* 2020. Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

**Tuan Balasubramniam a/l Nachiappan:** Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 15.

**15. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan, sejauh mana Kerajaan Pusat memberikan tumpuan membantu Kerajaan Negeri Kelantan terhadap masalah bekalan air bersih di Kelantan.

**Timbalan Menteri Alam Sekitar [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, untuk makluman terdapat dua inisiatif besar Kerajaan Pusat dalam membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha menghadapi masalah bekalan air bersih yang berlaku iaitu satu adalah usaha melalui Kementerian KASA dan yang kedua adalah melalui agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Dalam konteks usaha melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air ini, kerajaan telah pun melaksanakan inisiatif sebanyak yang melibatkan kepentingan kepada sebanyak 1.7 juta penduduk Kelantan untuk mendapat akses kepada bekalan air bersih dan berkualiti. Peruntukan sebanyak RM352.8 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi melaksanakan projek-projek bekalan air seperti berikut antaranya, lima projek bagi kerja-kerja menaik taraf loji dan rawatan air (LRA) dan kerja berkaitan sumber air dengan kos keseluruhan RM229 juta.

Statusnya sehingga kini bagi kerja menaik taraf loji rawatan air, dua projek telah pun siap pembinaannya iaitu LRA Merbau Chondong dan LRA Kampung Chap serta satu projek dalam proses pembinaan iaitu LRA Kampung Teluk. Manakala bagi kerja-kerja berkaitan sumber air satu kajian telah pun siap dan satu projek dalam peringkat perolehan iaitu yang melibatkan pembinaan- di Sungai Pahi, Kuala Krai dan juga Sungai Pangkalan Datu, Kota Bahru.

Kedua, melalui KASA juga kita begitu komited melaksanakan kerja-kerja berkaitan dengan *non-revenue water*, dengan izin, NRW dengan ataupun air tiada hasilan ini dengan jumlah kos projek keseluruhan sebanyak RM122.9 juta iaitu Program NRW Fasa 2 yang dibuat secara pinjaman dan Program NRW Nasional pendekatan 1 Negeri Kelantan Pakej 1, Pakej 2 secara langsung.

Ketiga, KASA juga selain daripada itu telah pun memperuntukkan sebanyak RM451,000,068 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) untuk melaksanakan kerja-kerja perbelanjaan modal *capex* bagi tempoh Operasi Ketiga (OP3)(2018-2020) Air Kelantan Sdn. Berhad (AKSB). Pembiayaan ini adalah bagi kerja-kerja meningkatkan infrastruktur bekalan air seperti pembinaan loji rawatan air, naik taraf loji rawatan air, penggantian paip dan juga pembinaan kolam takungan dan sebagainya. Ini adalah kerana Kelantan telah pun membuat mitigasi dengan kementerian kita melalui PAAB.

Keempat, sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi, kerajaan juga telah pun melaksanakan inisiatif melalui beberapa agensi kerajaan pusat yang lain yang selain daripada KASA iaitu antaranya ialah melalui *East-Coast Economic Region Development Council* (ECERDC), dengan izin, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, FELDA, KESEDAR dan sebagainya yang membiayai beberapa pembinaan rawatan loji-loji rawatan air dan kerja naik taraf loji rawatan air seperti LRA Tualang, LRA Tendong, LRA Kelar Fasa 2

dan Rancangan Kemajuan Tanah Khalil melibatkan peruntukan secara keseluruhannya RM87.2 juta.

Ini menunjukkan Kerajaan Pusat begitu serius untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha memastikan bahawa rakyat Negeri Kelantan seramai 1.7 juta mendapat bekalan air bersih dengan sempurna. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Balasubramniam a/l Nachiappan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapannya begitu jelas dan juga terperinci, tidak ada soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tan Sri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 16.

**16. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh manakah kajian dan dialog dengan rakyat mengenai kewajaran cadangan Kerajaan untuk meneruskan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PBT) dalam keadaan ketidakseimbangan komposisi kaum yang menetap di bandar-bandar utama atau luar bandar.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Abd Muttalib:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, Salam Hari Malaysia 16 September. Tan Sri Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail. Perkara berkaitan dengan Pilihanraya Kerajaan Tempatan (PBT) dibicarakan khusus melalui Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [*Akta 473*] tetapi akta ini telah digantung sejak tahun 1965.

Mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan dianggap setengah pihak boleh melicinkan perjalanan PBT walaupun ianya dilakukan di beberapa buah negara luar tetapi tidak semestinya apa yang mereka lakukan sesuai dan baik untuk negara kita.

#### ■1130

Beberapa perkara perlu diambil kira Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah memutuskan untuk tidak melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan yang merupakan manifesto kerajaan terdahulu iaitu Kerajaan Pakatan Harapan. Walau bagaimanapun, agenda pemerksaan PBT akan diteruskan melalui pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] khususnya bagi pelantikan Ahli Majlis dan semakan semula kadar Cukai Taksiran PBT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan mengadakan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh dalam usaha untuk memperkasakan perkhidmatan di PBT. Kajian serta pandangan diperoleh daripada pelbagai pihak termasuk orang ramai. Tiga aspek perkara penting perlu diambil kira iaitu perundangan, implikasi kewangan, mekanisme pelaksanaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ismail bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, sejauh mana KPKT dapat menambah baik kriteria pelantikan Ahli Majlis PBT seperti mana yang dinyatakan tadi agar anggota Majlis PBT merangkumi kepentingan kumpulan-kumpulan sosial penduduk setempat dan mendukung prinsip keluhuran Perlembagaan terutamanya bagi memartabatkan undang-undang Persekutuan dan juga negeri. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Seperti yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, beberapa aspek perlu diberikan perhatian dalam kita meningkatkan kredibiliti ataupun kebijakan atau kebaikan PBT ini. Antaranya ialah aspek perundangan di mana nasihat perundangan yang melibatkan akta-akta dan peraturan-peraturan yang perlu dibuat pindaan. Antaranya Akta Kerajaan Tempatan [*Akta 171*], Akta Pilihanraya Kerajaan Tempatan 1960, pindaan akta dan peraturan yang berkaitan di bawah bidang kuasa SPR dan merujuk peraturan-peraturan pilihan raya kerajaan tempatan.

Begitu juga mekanisme pelaksanaan perlu diambil kira peranan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan semua perundangan yang berkuat kuasa. Kita merasakan bahawa andai kata cadangan model pilihan raya dan kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan juga PBT, kita yakin bahawa prestasi PBT dan Ahli-ahli Majlis akan dapat kita tingkatkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju, saya benarkan supaya kita menyoal soalan 17 dan 18 dengan syarat tidak ada tambahan sebab masa telah terhad. Saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kebijaksanaan melanjutkan tempoh soalan. Soalan saya nombor 17.

**17. Dato' Haji Husain bin Awang** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, langkah bagi meningkatkan pelancongan domestik bagi memperkukuh industri pelancongan tempatan dalam musim COVID-19.

**Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum kejayaan Malaysia dalam membendung penularan pandemik COVID-19 ini fasa pertamanya telah membolehkan pengoperasian semula sektor pelancongan domestik bermula 10 Jun 2020

dengan kelonggaran peraturan diberikan bagi melaksanakan beberapa aktiviti termasuk perjalanan rentas negeri, aktiviti pelancongan domestik serta aktiviti sukan dan rekreasi.

Rentetan itu, industri pelancongan domestik dilihat mula kembali aktif dan rancak dengan permintaan yang amat menggalakkan daripada rakyat yang mula melancong semula terutamanya di destinasi-destinasi utama pelancongan negara seperti kawasan pulau dan pantai, destinasi yang menawarkan dan menjual juadah-juadah enak tempatan serta lokasi atau produk pelancongan yang berbaloi dengan belanja atau, dengan izin, *value for money*.

Pada peringkat permulaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengambil kira tiga objektif utama dalam pelaksanaan pembukaan sektor pelancongan domestik dan kebudayaan iaitu:

- (i) untuk memberi fokus dan menggalakkan rakyat untuk kembali melancong dalam negara;
- (ii) untuk menggerakkan semula produk-produk yang aktiviti-aktiviti di bawah sektor pelancongan bagi kembali menjana pendapatan dan menyumbang kepada ekonomi negara; dan
- (iii) mengekalkan perasaan dan persepsi bahawa adalah selamat untuk melancong di dalam negara.

Justeru, kerajaan melalui kementerian kami ini telah merancang pelaksanaan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan dalam usaha membantu industri pelancongan dan kebudayaan untuk bangkit semula. Usaha ini merangkumi pelan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang seperti:

- (i) memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat melalui penyediaan SOP dalam pelbagai aktiviti pelancongan;
- (ii) merancakkan semula pelancongan domestik;
- (iii) meneroka potensi ketibaan pelancong asing melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross-border tourism*, dengan izin, seperti mengadakan gelembung pelancongan atau, dengan izin, *tourism bubble* dengan negara-negara jiran atau negara-negara zon hijau yang telah dikenal pasti hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri; dan
- (iv) memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema dan *MICE-Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*.

Sekian, terima kasih.

**18. Datuk John Ambrose** minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, jumlah lesen pengeksport durian sejuk beku khususnya jenama Musang King, dan adakah cadangan meluluskan lebih banyak bilangan lesen pengeksport untuk mengelakkan sesetengah pihak memonopoli pasaran ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini aktif mengeksport buah durian dan durian sejuk beku dalam bentuk buah- *whole fruit*, ulas- *pulp*, dan juga pes. Pengeksportan ini bukan sahaja tertumpu kepada durian *variety* Musang King, malah *variety* premium yang lain seperti D24, dan juga Duri Hitam, ataupun D200 serta Durian Kampung turut dieksport.

Sehingga kini, durian Malaysia boleh dieksport ke semua negara Kesatuan Eropah, Timur Tengah, China, Australia, Amerika, Hong Kong dan juga Singapura. Malaysia telah mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula Mei 2011 dan seterusnya dalam bentuk buah bermula pada Jun 2019 ke negara China dan hanya dibenarkan kepada syarikat yang mempunyai fasiliti yang diluluskan oleh GACC oleh Negara China.

Syarat pengeksportan bergantung kepada syarat-syarat daripada negara pengimport seperti berikut:

- (i) mempunyai Sijil Fitosanitasi bagi mengesahkan buah durian yang dieksport adalah bebas daripada perosak dan juga penyakit tanaman;
- (ii) ladang durian yang mempunyai sijil Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian;
- (iii) fasiliti pemprosesan mempunyai sijil GMP daripada Kementerian Kesihatan dan berdaftar dengan DOA;
- (iv) fasiliti pemprosesan dan ladang perlu diaudit oleh pegawai dari negara pengimport dan lain-lain lagi; dan
- (v) melaksanakan rawatan ke atas buah durian mengikut keperluan kuarantin negara pengeksport.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Kementerian Pertanian ataupun MAFI tidak mengeluarkan sebarang lesen pengimportan untuk buah durian. Sebagai contoh, untuk mengeksport ke negara China, hanya fasiliti yang diluluskan oleh, dengan izin, *General Administration of Customs of the People's Republic of China* dibenarkan untuk mengeksport.

Sehingga kini, hanya terdapat 50 fasiliti pemprosesan durian yang telah diluluskan oleh GACC yang melibatkan 75 ladang dengan keluasan 528 hektar. Fasiliti ini merangkumi 14 fasiliti pemprosesan dalam bentuk buah dan 36 dalam bentuk ulas dan juga pes. Maka dengan ini, tiada unsur-unsur monopoli dalam pengeksportan durian. MAFI sentiasa

menyokong hasrat syarikat yang berminat dan bersedia membantu pemohon memenuhi syarat protokol yang telah ditetapkan oleh negara pengimport. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

***[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas." ***[10 September 2020]***

#### **■1140**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini merupakan hari kedua giliran Menteri-Menteri menjawab. Sebelum saya meneruskan urusan rasmi, Dewan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan sendiri di Dewan ini pada hari ini. Saya sebutkan, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara.

Terima kasih jua ditujukan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan dengan harapan semoga jawapan-jawapan masa depan tepat, mengenai sasaran dan memenuhi kehendak pihak yang menyoal, yakni Yang Berhormat Senator yang dihormati sekalian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dipersilakan menurut giliran yang telah diberi.

**11.41 pg.**

**Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad:]**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua Dewan, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) sepanjang tempoh Usul Menjunjung dan Perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara pada kali ini.

Untuk makluman sidang Dewan sekalian, seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat Senator telah pun membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan KASA terutamanya isu-isu yang membabitkan alam sekitar dan air yang telah dapat kami kategorikan atau kementerian kategorikan kepada empat isu utama. Pertama adalah pengurusan alam sekitar dan kedua, pengurusan banjir dan juga yang ketiga, perbekalan dan sumber air.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dan memberikan pandangan terhadap isu-isu dibangkitkan pada sesi perbahasan kali ini berdasarkan kepada empat isu utama tersebut.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang pertama ialah isu berkaitan dengan isu alam sekitar. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang berkaitan dengan memohon kerajaan menyatakan komitmen dan usaha-usaha terhadap penjagaan alam sekitar daripada tercemar.

Untuk makluman sidang Dewan sekalian, Kementerian Alam Sekitar dan Air mengambil serius isu-isu yang berkaitan dengan sumber air dan pencemaran sungai terutamanya isu berkaitan dengan pencemaran akibat pelepasan *effluent* perindustrian dan kumbahan yang tidak terawat serta pengurusan buangan terjadual yang tidak mengikut kehendak perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak KASA dalam usaha menangani isu ini adalah antaranya; Pertama, KASA telah pun melalui Jabatan Alam Sekitar mengambil tindakan tegas terhadap premis-premis yang gagal mematuhi Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Sehingga kini daripada Januari sehingga Ogos 2020, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengeluarkan

sebanyak 86 notis arahan, sejumlah 38 dikenakan kompaun ke atas premis-premis yang gagal mematuhi kehendak perundangan kumbahan di bawah jabatan ini.

Selain itu JAS juga telah membuka sebanyak 48 kertas siasatan dan sejumlah 39 premis telah didakwa di mahkamah dengan jumlah keseluruhan dakwaan itu adalah sebanyak RM1.05 juta ke atas pihak yang melakukan pelbagai kesalahan pencemaran air di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini.

Kedua, KASA juga telah pun melesenkan kemudahan perolehan kembali pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di seluruh negara yang mana ini telah melibatkan sebanyak 749 lesen bagi sejumlah 406 kemudahan dan sejumlah 343 pengangkutan bagi memastikan pengurusan buangan terjadual adalah berkesan dan juga mematuhi kehendak-kehendak di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Ketiga, Jabatan Alam Sekitar juga telah pun menyasarkan bagi mewujudkan kemudahan bersepadu bagi pengolahan dan pelupusan buangan terjadual di lima lokasi di seluruh negara iaitu yang dicadangkan antaranya di Johor, di Perak, di Terengganu, di Sabah dan juga di Pulau Pinang bagi tujuan untuk memenuhi keperluan ke arah pengurusan buangan sisa terjadual yang lebih cekap dan berkesan.

Keempat, KASA juga telah membangunkan program Program Denai Sungai Kebangsaan sebagai mekanisme kawalan pencemaran di samping melaksanakan langkah mengindahkan serta melestarikan sungai-sungai di seluruh negara. Ini adalah bagi bertujuan untuk mewujudkan tanggungjawab bersama atau *shared responsibility*, dengan izin, antara komuniti setempat, badan NGO, pelajar-pelajar serta rakyat yang tinggal berhampiran dengan sungai-sungai berkenaan. Adalah dicadangkan kawasan-kawasan rizab sungai ini dibangunkan sebagai kawasan rekreasi, taman-taman awam dan juga trek jogging.

Terakhir, KASA telah pun menyediakan satu garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) sebagai rujukan melalui konsep kualiti di peringkat punca ataupun, *control of sources*. Pemakaian dan pelaksanaan berkonsepkan MSMA ini bukan saja dapat mengatasi masalah banjir kilat, banjir lumpur serta pencemaran sumber air tetapi dalam masa jangka panjang ini akan dapat meningkatkan kualiti air yang mengalir ke sungai-sungai kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan sekalian, Kementerian Alam Sekitar dan Air juga telah pun melipat gandakan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini dan semua peraturan-peraturan di bawahnya ke atas semua premis-premis yang tertakluk kepada perundangan. Antaranya Jabatan Alam Sekitar juga telah melaksanakan apa yang dikatakan sebagai Ops Gempur pada tahun 2020 terhadap premis-premis yang berisiko.

Dalam hal ini, daripada 1 Januari 2020 sehingga 31 Ogos 2020, Jabatan Alam Sekitar telah pun menjalankan sebanyak 66 operasi Ops Gempur di seluruh negara yang melibatkan pemeriksaan ke atas 2,398 premis keseluruhannya. Sebanyak 2,819 tindakan

penguatkuasaan telah diambil ke atas premis-premis yang tidak mematuhi perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, KASA dalam proses sedang meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ini bagi memastikan ia dapat diperkasakan dan memastikan perundangan alam sekitar sedia ada, selain daripada meningkatkan jumlah denda maksima kepada pesalah yang melakukan pencemaran seperti yang berlaku di Sungai Gong, Rawang di negeri Selangor baru-baru ini.

Sidang Dewan yang dikasihi sekalian, dalam usaha KASA mengupayakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini, dua orang Yang Berhormat Senator telah pun bertanya soalan iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahya. Mereka telah pun bertanyakan soalan tentang sama ada KASA akan mewujudkan satu badan seperti *United States Environmental Protection Agency* ataupun tidak dan juga adakah KASA akan memperkasakan peruntukan undang-undang bagi menangani isu pencemaran sumber air di negara kita?

Untuk makluman Dewan, saya simpulkan kedua-dua soalan ini dalam bentuk jawapannya bahawasanya KASA ini melalui Jabatan Alam Sekitar dan Air (JAS) akan melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan berkaitan kawalan pencemaran dan JAS ini akan melaksanakan tanggungjawabnya melalui peruntukan-peruntukan sedia ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS) dan peraturan-peraturan di bawahnya. Kementerian Alam Sekitar dan Air juga sedang dalam proses meminda AKAS ini dan antara cadangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar alam sekitar adalah untuk memperluaskan skop akta ini merangkumi aspek-aspek perubahan iklim, meningkatkan penalti dan menggalakkan ekonomi kitaran.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, proses pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini akan mengambil kira cadangan untuk meningkatkan denda semaksimum yang mungkin bagi kes pencemaran air di samping memastikan pendekatan ini dapat digunakan sebagai pendekatan yang bersifat pencegahan. Jumlah denda maksima dan minima masih dalam proses perundingan, perbincangan dan sedang dimuktamadkan dengan mengambil kira pandangan pelbagai pihak dan mengambil kira pandangan daripada pemegang taruh serta pakar-pakar alam sekitar. Pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ini akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada tahun akan datang, *insya-Allah*.

Seterusnya Yang Berhormat Dewan sekalian, Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip telah meminta langkah drastik dan holistik dilaksanakan oleh semua kerajaan negeri dengan kerjasama agensi di peringkat negeri dan Persekutuan agar krisis pencemaran bekalan air di Selangor tidak berulang ke negeri-negeri lain. Untuk

makluman Yang Berhormat, premis yang beroperasi berhampiran dengan sungai berpotensi menyebabkan pencemaran kepada sungai.

■1150

Dalam hal ini, pembangunan di kawasan berkenaan perlu diberikan perhatian yang serius bagi mencegah berlakunya pencemaran sungai yang boleh menyebabkan henti tugas loji rawatan air dan menyebabkan terhentinya bekalan air bersih kepada rakyat. Daripada aspek ini, dari aspek penguatkuasaan KASA akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan melalui pemeriksaan ke atas punca-punca pencemar termasuk kilang-kilang loji-loji kumbahan, bengkel dan lain-lain terutamanya yang terletak di loji rawatan sungai ataupun *upstream*, dengan izin.

Dalam hal ini, operasi secara besar-besaran dan kerjasama daripada pelbagai agensi penguat kuasa serta pelbagai bidang kuasa penguat kuasa yang lain akan terus dilaksanakan bagi memastikan keberkesanan pemeriksaan kepada pencemar yang berlaku. Ini juga dapat dilihat melalui beberapa operasi yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air.

Pertama, antaranya operasi Ops Bau yang dilaksanakan Selangor pada awal tahun 2020, operasi Ops Air Raya yang dilaksanakan pada Mei hingga Julai 2020. Operasi gempur yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun di seluruh negara. Di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ini bagi kesalahan pencemaran berkaitan pencemaran air, denda maksimum yang boleh dikenakan adalah sebanyak RM100 ribu, atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar akan terus mengambil tindakan tegas ke atas pencemaran alam sekitar. Ini komitmen kita untuk memastikan warisan sungai kita ini dilindungi dengan cara kali ini pihak Jabatan Alam Sekitar akan bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan bahawasanya segala sudut penguatkuasaan termasuklah siasatan dapat dilaksanakan dengan rapi.

Bagi isu pengurusan banjir pula, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew telah pun meminta KASA menyegerakan pembiayaan Projek Tebatan Banjir Sibu. Ini khusus untuk Sibu bagi Fasa 5 yang melibatkan tiga stesen pam dan permatang sepanjang 3.5 kilometer dengan anggaran kos sebanyak RM280 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Rancangan Tebatan Banjir Sibu Fasa 3, Lembangan Batang Rejang, Sarawak telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, dengan kos projek berjumlah RM100 juta. Projek ini sedang dalam peringkat pelaksanaan yang telah bermula pada 7 Mei 2018 dan dijangka siap pada 6 Mac 2022. Status semasa kemajuan fizikal semasa di tapak adalah sebanyak 30.18 peratus hingga 24 Ogos

2020. Yang Berhormat Senator boleh maklumkan kepada rakyat di kawasan Sibu, itu adalah status projek semasa.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi pelaksanaan fasa seterusnya, RTBC Sibu ini pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memohon peruntukan tambahan sebanyak RM395 juta dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk memastikan rakyat di Sibu mendapat manfaat sepenuhnya daripada keadaan sungai dan banjir yang berlaku.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili ada? Ya, *sorry*. Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah meminta dan menyatakan sejauh manakah aspek melaksanakan dilakukan oleh kerajaan untuk menangani masalah banjir-banjir kilat di Sarawak, status projek pembangunan lembangan sungai bersepadu di Sungai Sarawak dan juga kedudukan semasa mengenai kajian pelan induk, saluran Bandar Serian bagi cadangan penyelesaian masalah banjir.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam usaha kerajaan untuk menangani masalah banjir di pelbagai bahagian di negeri Sarawak, kerajaan telah pun meluluskan pelaksanaan projek rancangan tebatan banjir ini ataupun dengan nama ringkasnya, RTB di negeri Sarawak sahaja dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, dengan kos peruntukan sebanyak RM392 juta. Ini akan dilaksanakan oleh agensi-agensi pelaksana dalam kementerian antaranya melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS)

Projek rancangan tebatan banjir ini dilaksanakan di beberapa bandar utama di negeri Sarawak seperti di Bandaraya Kuching sendiri, Bandaraya Miri, Bandaraya Bintulu, Bandar Sibu, Bandar Limbang dan beberapa buah bandar yang lain. Selain pelaksanaan projek pembangunan, kementerian melalui JPS juga sedang melaksanakan beberapa kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam ataupun lebih dikenali dengan nama PISMA untuk mengenal pasti punca-punca kejadian banjir yang berlaku yang melibatkan penyelesaian jangka masa panjang.

Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos projek sebanyak RM191 juta. Status semasa pelaksanaan PLSB di Sungai Sarawak ini dalam proses lantikan bagi kerja ukur. Manakala bagi Projek Rancangan Banjir (RTB) fasa kedua Bandaraya Kuching pula, ia telah dimohon di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan jumlah permohonan daripada pihak KASA sebanyak RM1.8 bilion.

Akhir sekali, kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Serian telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos peruntukan berjumlah RM1.453 juta dan status pelaksanaan dan kajian PISMA Serian ini dalam peringkat *Inception Report*, dengan izin. Kajian ini dijangka siap pada Mei 2021.

Seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari. Yang Berhormat telah meminta KASA untuk menjelaskan peruntukan yang dipohon bagi negeri Kelantan bagi menangani bencana banjir. Bagi mengatasi masalah banjir di negeri Kelantan ini, kerajaan telah meluluskan dua projek besar iaitu Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) untuk dilaksanakan oleh kementerian melalui agensi pelaksanaanya Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Pertama, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Kelantan Fasa 1 dan Fasa 2, Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1. Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan Fasa 1 telah dilaksanakan secara reka dan bina dengan kos projek berjumlah RM572.25 juta dan projek telah bermula pada 29 Januari 2018 dan dijangka siap pada 28 Mei 2021.

Setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, kemajuan kerja fizikal, status kerja fizikal semasa di tapak sehingga 31 Ogos Yang Berhormat dapat dikenal pasti oleh pihak KASA adalah sebanyak 42 peratus. Manakala bagi projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok ataupun KESBAN Fasa 1, Sungai Golok ada tiga fasa- telah bermula pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada 14 Ogos 2022 dengan kos berjumlah RM656 juta. Kemajuan kerja fizikal di tapak sehingga 31 Ogos 2020 yang telah pun diperiksa oleh pihak KASA adalah sebanyak 20 peratus.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob telah bertanya tentang peruntukan yang dipohon bagi negeri Kelantan dan menangani isu-isu bekalan air. Tadi isu menangani banjir, sekarang isu bekalan air. Dua soalan yang berkaitan dengan negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan 1.7 juta penduduk Kelantan mendapat akses kepada bekalan air bersih dan berkualiti. Peruntukan sebanyak RM352.8 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi melaksanakan projek-projek ini. Ia melibatkan sebanyak lima projek bagi kerja menaiktarafkan loji-loji rawatan air yang ada yang berjumlah keseluruhannya RM229.9 juta.

Selain daripada itu, kita juga ingin memastikan bahawanya *non-revenue water* ini, isu berkaitan dengan masalah air yang tidak berhasil. Air yang tidak berhasil ini dapat diatasi di negeri Kelantan, maka KASA telah pun memperuntukkan sejumlah RM122.9 juta melalui fasa kedua. Program *Non-Revenue Water* (NRW) Nasional Pendekatan 1 negeri Kelantan bagi pakej satu dan dua yang dibuat secara langsung. Selain daripada itu...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Sedikit. Berapa peratus NRW di Kelantan?

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Berapa peratus?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** NRW di Kelantan.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Kadar?

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Kadar NRW.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Kadar NRW di Kelantan. Mengikut maklumat yang saya ada ini, kadar NRW di Kelantan ini- sekejap saya kena merujuk kepada data SPAN ini menunjukkan peratusan ini, saya kena merujuk kepada data. Saya takut nanti saya tersalah memberikan maklumat.

■1200

Mengikut data yang ada dengan saya ini yang diberikan oleh pihak kementerian, sebanyak 50.8 peratus. Ia agak tinggi di Kelantan. Jadi, itu masalah kita di Kelantan. Air kita berkurang disebabkan oleh soal itu ya.

Seterusnya, saya mendapati bahawasanya untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan pembekalan air di Kelantan ini, maka melalui Rancangan Malaysia Kesebelas juga, pembiayaan sebanyak RM451.68 juta telah diperuntukkan melalui Pengurusan Aset Air Berhad di mana Kelantan telah pun terlibat dalam proses mitigasi dalam usaha memastikan bahawasanya bekalan air di Kelantan dapat dipertingkatkan dan sebagainya.

Dengan cara di mana Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) ini telah pun menaik taraf dan membaik pulih LRA Bukit Chupak di Gua Musang dengan anggaran kos sebanyak RM16 juta.

Kedua, PAAB juga telah menaik taraf dan membaik pulih LRA Tanjung Mas di Kota Bharu dengan anggaran kos sebanyak RM49.95 juta dan juga PAAB telah pun menaik taraf dan membaik pulih LRA Chicha Fasa 2 dengan anggaran kos sebanyak RM70 juta.

Seterusnya soalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Yang Berhormat telah menanyakan dua soalan kepada KASA iaitu berkenaan dengan status Empangan Nenggiri dan langkah-langkah mitigasi yang diambil untuk mengawal impak ekosistem di kawasan berkenaan.

Kedua, Yang Berhormat bertanyakan tentang perkembangan tebatan banjir di sepanjang Sungai Golok dari Tumpat ke Rantau Panjang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Empangan Nenggiri adalah untuk pembangunan projek hidroelektrik negeri yang melibatkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KTSA) yang mana sebelum sesuatu empangan dibina, kajian berkenaan *environment impact assessment* (EIA), dan *social impact assessment* (SIA) telah dilaksanakan untuk menilai kesan ke atas impak ekosistem dan sosial. Dengan adanya empangan ini, ia juga dapat menjadi kawasan tadahan dalam usaha menyelesaikan masalah kekurangan air pada musim kemarau di negeri Kelantan.

Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dengan kos projek sebanyak RM656 juta untuk dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air ini melalui agensi

pelaksananya iaitu JPS. Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa 1 ini melibatkan jajaran Tumpat dan Pasir Mas. Ia telah bermula sebenarnya pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada 14 Ogos 2022. Setakat ini, kemajuan sebagaimana dinyatakan sebentar tadi, ia mencapai ke tahap 20 peratus.

Bagi kawasan Rantau Panjang pula, pelaksanaan projek dijangka akan dilaksanakan dalam Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 2 sekiranya diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Jadi dalam hal ini, kita melihat bahawasanya masalah banjir yang akan kita cuba selesaikan bagi penduduk di sekitar Rantau Panjang dan juga dari Tumpat itu akan dapat kita cuba selesaikan melalui dua rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Kesebelas dan juga Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Seterusnya Yang Berhormat Puan...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencelahan.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Ya.

**Puan Asmak binti Husin:** Satu perkara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga pada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya fasal Empangan Nenggiri tadi. Adakah di bawah bidang kuasa kementerian tentang rundingan dengan perkampungan Orang Asli, penempatan semula? Sebab ia melibatkan juga ekosistem dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Sebenarnya apabila bercakap tentang perundingan bagi pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air ini, kita hanya lebih memfokuskan kepada membuat penilaian berkenaan dengan EIA. Jadi, perundingan dengan pihak Orang Asli itu di bawah bidang kuasa pihak kementerian yang lainlah. Akan tetapi, kita memastikan bahawasanya elemen-elemen berkaitan dengan *environment impact assessment* ini ataupun *social impact assessment* ini dipatuhi oleh setiap kontraktor ataupun setiap syarikat yang mendapat projek berkenaanlah.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga bertanya tentang-minta untuk menjelaskan model Wakaf Air yang akan digunakan dan menggunakan instrumen wakaf yang macam mana. Maka bagi pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air, kami sebenarnya komited untuk memastikan rakyat sentiasa mempunyai akses kepada bekalan air yang bersih. Komitmen tersebut dilaksanakan melalui pelbagai penyediaan projek-projek bekalan air sama ada melalui kaedah pinjaman mahupun melalui geran.

Namun begitu, sebagai alternatif kepada model pembiayaan projek perkhidmatan air yang sedia ada ini, maka kementerian ini bakal mewujudkan, sebagaimana yang dikatakan

tadi, bakal mewujudkan satu tabung yang dipanggil sebagai Tabung Wakaf Perkhidmatan Air Malaysia atau ringkasnya Wakaf Air melalui kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia. Ini adalah satu inisiatif yang cukup baik yang mana semua pihak boleh berpartisipasi membantu kerajaan secara langsung. Maksudnya sekarang ini tanggungjawab untuk memastikan bahawasanya kita dapat menguruskan sumber air negara dengan baik dan berkesan bukan hanya terletak pada tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi boleh melibatkan semua pihak yang mahu terlibat sama ada swasta dan sebagainya.

Wakaf Air ini bertujuan untuk mewujudkan akses rakyat kepada sumber pembiayaan alternatif yang mudah, cepat dan mampan bagi membiayai projek-projek perkhidmatan air yang merangkumi bekalan air, pemuliharaan sumber air dan juga pembedungan berskala kecil.

Inisiatif Wakaf Air ini berkonsepkan dana awam. Ini yang saya katakan bagus ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang mana sumbangan dana wakaf diperoleh daripada mana-mana pihak sama ada individu ataupun syarikat korporat atau sumber-sumber yang berpotensi. Bermakna, sekarang ini tidak ada alasan untuk kita mengatakan bahawasanya sumber air negara ini tidak mampu diuruskan dengan baik apabila kita terlibat dengan Wakaf Air ini.

Wakaf Air ini mempunyai beberapa ciri yang penting. Antaranya yang pertama yang saya boleh gariskan, Yang Berhormat Senator Puan Asmak, iaitu:

- (i) Wakaf Air ini akan menggunakan instrumen wakaf khas dan sistem wakaf tunai Malaysia di bawah Yayasan Wakaf Malaysia;
- (ii) sumbangan diterima secara sukarela daripada individu atau syarikat dalam bentuk wakaf tunai atau sijil wakaf tunai yang dikhaskan bagi tujuan yang ditetapkan melalui akaun yang dikhaskan untuk Wakaf Air;
- (iii) sumbangan dana ini akan diuruskan berdasarkan skop perbelanjaan yang ditetapkan melalui kaedah yang sistematik, telus, berintegriti serta berorientasikan kepada keperluan pengguna;
- (iv) pembiayaan pelaksanaan projek-projek bekalan air dan pembedungan berskala kecil yang dianggarkan tidak melebihi RM50 ribu, misalnya projek penggalian perigi, pembelian peralatan seperti pam, penyelenggaraan pemasangan paip sambungan ke rumah, penyediaan tangki simpanan air dan lain-lain; dan
- (v) struktur tadbir urus akan dibangunkan bagi menentukan kemajuan pelaksanaan dan operasi Wakaf Air berdasarkan nasihat Yayasan Wakaf Malaysia.

Ini adalah sebenarnya satu peluang rakyat Malaysia untuk sama-sama membantu. Kita membantu kita, bukan kita menjaga kita. Ini membantu kita ya.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Ada Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Tidak datang ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Saya akan memberikan jawapan bertulis nantilah kalau begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose?... *[Disampuk]* Tadi ada Yang Berhormat Datuk John. Tidak ada? Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad:** Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, maka setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan bagi pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada sesi Dewan kali ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia dapat menjawab kesemua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air. Bagi pihak kementerian, kami akan mengambil serius setiap soalan dan akan mengambil perhatian terhadap setiap tindakan yang telah pun diutarakan ataupun cadangan-cadangan yang diutarakan dan dibangkitkan.

Akhir kata daripada saya dan pihak Kementerian Alam Sekitar dan Air, komitmen kerajaan adalah tidak berbelah bahagi dalam usaha untuk mengurus alam sekitar dan air negara dengan lebih cekap dan berkesan walaupun negara sedang berhadapan dengan cabaran besar menguruskan kewangan pasca COVID-19. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dijawab oleh saya pada pagi ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan seterusnya. Sekian, terima kasih.

■1210

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air telah menjawab dengan perlahan dan panjang lebar. Saya faham ada setengah jam dia menjawab itu, jadi terima kasih sekali lagi atas penjelasan yang baik dan tepat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dipersilakan.

**12.10 tgh.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu Yang Berhormat Menteri, saya dan keluarga KPKT ingin mengucapkan terima kasih kepada 11 Ahli-ahli Dewan Negara Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan perkara berkaitan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, khususnya dalam tiga bidang atau *cluster* utama iaitu perumahan, kerajaan tempatan dan kebombaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam menyentuh isu berkaitan KPKT ialah Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran; Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad; Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid; Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing; Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew; Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi; Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu; dan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan mewajibkan pemaju perumahan dan komersial untuk memasang CCTV sebagai syarat kelulusan projek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa kini KPKT tiada perancangan mewajibkan pihak pemaju perumahan swasta yang memohon lesen APDL dengan KPKT untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) sebagai syarat wajib untuk komponen projek mereka. Ini kerana CCT merupakan aksesori keselamatan yang tertakluk kepada kelulusan pelan bangunan oleh pihak PBT masing-masing.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah mencadangkan agar kerajaan menangguhkan cadangan membina rumah mampu milik dengan keluasan minimum 1,000 kaki persegi dan menumpukan kepada pembinaan *compact home*, dengan izin, terutamanya di pusat-pusat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sentiasa memfokuskan pembangunan perumahan kepada golongan B40 dan M40, termasuk golongan muda. Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Perumahan Mampu Milik yang telah digubal oleh KPKT menetapkan keluasan lantai daripada 700 kaki persegi kepada 900 kaki persegi dengan komponen tiga bilik tidur dan dua bilik air adalah merupakan komitmen kerajaan dalam menyediakan perumahan mampu milik yang berdaya huni dan selesa untuk rakyat.

Selain itu, kerajaan juga sedang mengkaji inisiatif-inisiatif di bawah sebagai opsyen baru. Walau bagaimanapun, kerajaan menyambut baik akan cadangan mengenai pembangunan perumahan inovatif untuk golongan anak muda di kawasan bandar. Pihak kementerian telah merancang untuk membangunkan rumah transit belia yang berkeluasan 400 kaki persegi sehingga 550 kaki persegi. Kerajaan juga sedang mengkaji inisiatif-inisiatif di bawah sebagai seksyen baharu seperti pembangunan berlandaskan transit yang memberi fokus kepada pembangunan di sepanjang laluan sistem pengangkutan awam, khususnya di bandar-bandar utama.

Makna Tuan Yang di-Pertua, kita akan fokuskan pembinaan rumah di pinggir-pinggir laluan kemudahan awam ini. Pembangunan TOD ini diharapkan mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat, di samping mengurangkan perbelanjaan isi rumah untuk menampung kos pengangkutan.

Kedua ialah skim *rental voucher* sewaan. Untuk meningkatkan kapasiti kewangan golongan B40 untuk menyewa rumah di kawasan bandar, penyediaan bantuan sewa rumah diberikan kepada kumpulan B20 atas yang berpendapatan antara RM3,171 hingga RM4,850 dengan anggaran sebanyak RM400 sebulan.

Ketiga, Akta Sewa Kediaman sedang digubal yang mengandungi undang-undang sewaan kediaman yang lengkap dan mampu melindungi kepentingan pemilik dan penyewa. Kesimpulan, pihak kementerian amat mengalu-alukan cadangan-cadangan baik bagi kita mempertingkatkan kemudahan perumahan kepada rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad membangkitkan berhubung kelayakan Orang Asli memohon Rumah Mesra Rakyat di bawah SPNB.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT ada menyediakan Program Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB, tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat permohonan RMR adalah keperluan untuk membuktikan hak milik tanah dan seterusnya menyerahkan dokumen pemilikan tanah tersebut kepada SPNB untuk pelaksanaan rumah berkenaan. Berkenaan cadangan untuk mengeluarkan geran di atas tanah rizab Orang Asli ianya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Namun demikian, SPNB sentiasa bersedia untuk menerima sebarang cadangan daripada agensi yang berkaitan untuk membantu golongan Orang Asli menyertai program ini. Berdasarkan rekod, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) pernah menerima permohonan Rumah Mesra Rakyat daripada masyarakat Orang Asli, dan 3/5 permohonan telah diluluskan setelah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu pula membangkitkan berhubung pembinaan rumah di Bukit Beruntung yang tertangguh dan cadangan pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Bukit Tagar.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini sepatutnya disiapkan pada tahun 2000, namun terhenti kerana masalah kewangan pada tahun 1999. Projek ini telah disahkan sebagai projek perumahan swasta terbengkalai pada 31 Disember 2001 oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ketika itu. Kaedah pencairan yang telah dipersetujui adalah melalui kaedah pemulangan deposit kepada para pembeli oleh tuan tanah melalui firma guaman.

Namun, KPKT mendapati daripada 79 orang pembeli yang dikenal pasti, majoriti yang merupakan bekas pekerja ladang tidak menuntut bayaran deposit daripada firma guaman tersebut. Semasa mesyuarat susulan pada 10 Julai 2018, KPKT, dan seterusnya maklum balas melalui surat 26 Oktober 2018, tuan tanah telah menawarkan cadangan terbaharu kepada pembeli seperti berikut:

- (i) bayaran balik wang deposit berserta bayaran kadar faedah sebanyak 5 peratus setiap tahun bermula daripada tarikh perjanjian di tandatangani;
- (ii) bayaran balik wang deposit dan 100 peratus bayaran tambahan daripada wang deposit yang telah dibayar; dan
- (iii) bagi tuntutan tanah oleh pihak pembeli sebagai bayaran pampasan, pihak tuan tanah bersedia untuk menjual sekeping tanah dengan harga RM20 sekaki persegi dalam lot 3406 sebagai pilihan tambahan sekiranya dua pilihan bayaran balik di atas tidak dipersetujui.

Wakil para pembeli bersetuju dengan bayaran RM20 bagi sekaki persegi tetapi menuntut lot tanah yang berbeza, lot 2099. Tuntutan ini tidak diterima oleh tuan tanah menyebabkan perkara ini masih belum mencapai persetujuan. Justeru, pihak KPKT sedang mengatitkan satu perjumpaan di antara kedua-dua pihak bagi menyelesaikan isu ini. Berhubung dengan pembinaan perumahan di Bukit Tagar, tapak ini merupakan tapak cadangan asal PPR Bestari Jaya.

Walau bagaimanapun, tapak PPR ini kurang sesuai kerana terdiri daripada lot tanah yang terpisah dan akan menyebabkan kos tambahan untuk penyediaan kemudahan utiliti. Justeru, cadangan tapak PPR ini telah ditukar kepada tapak baru di Sungai Tinggi dan telah dimohon sebagai projek baru untuk RMKe-12 RP1 tahun 2021, tertakluk kepada kelulusan oleh agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kerajaan tempatan, Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili membangkitkan Program Bandar Selamat dapat diteruskan dan

jumlah peruntukan berkaitan program ini yang telah disalurkan kepada PBT di Sarawak daripada tahun 2017 hingga 2019.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT telah dan akan meneruskan Program Bandar Selamat ini. Bagi tahun 2017 hingga 2019, kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM14.91 juta untuk Program Bandar Selamat di lima PBT di negeri Sarawak iaitu Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Bandaraya Miri, Majlis Bandaraya Sibu, dan Majlis Perbandaran Padawan. Daripada jumlah itu, pecahan pelaksanaan adalah seperti berikut:

- (i) 84 unit CCTV;
- (ii) 254 unit elemen pencahayaan;
- (iii) 2,700 meter rel pengadang pejalan kaki;
- (iv) 10 unit elemen radaran trafik;
- (v) 48 unit papan tanda keselamatan;
- (vi) 40 unit tempat letak motosikal berkunci; dan
- (vii) 12 unit cermin keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran mencadangkan agar kebenaran untuk menjual minuman dan menghidangkan arak di kaji semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT melalui PBT hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan di bawah undang-undang kecil perniagaan dan perindustrian, selepas permohonan lesen penjualan arak memenuhi syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri, pejabat daerah, PDRM dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

#### ■1220

Kebenaran menjual dan menghidangkan arak seberapa yang berkenaan adalah dengan di bawah peruntukan Akta Eksais 1976, Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat Senator Robert Lau Hui Yew bertanyakan berkenaan peruntukan PB1 yang telah disalurkan kepada Majlis Daerah Luar Bandar Sibu dan cadangan projek di bawah Jabatan Landskap Negara di Sibu.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT memberi perhatian terhadap kawasan operasi PBT yang memerlukan kerja-kerja membaik pulih, menaik taraf infrastruktur, kemudahan awam dan sosial ekonomi masyarakat setempat. Selaras dengan itu, kerajaan melalui KPKT ada menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan projek-projek pembangunan berskala kecil PBT1.

Bagi tahun 2019, sebanyak RM1.1 juta telah di peruntukan kepada Majlis Daerah Luar Bandar Sibu untuk membiayai empat projek PB1. Manakala bagi tahun 2020- telah di peruntukan di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi untuk membiayai tujuh projek. Sekiranya PBT mempunyai keperluan di bawah kawasan masing-masing di bawah skop PB1, PBT boleh

mengemukakan permohonan tersebut kepada KPKT untuk pertimbangan. Berhubung projek di bawah Jabatan Landskap Negara sehingga kini semua projek bagi Rancangan Malaysia Ketujuh hingga ke Rancangan Malaysia Kesebelas di Sibit telah siap dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi membangkitkan isu kemudahan awam yang tidak mesra OKU dan kurangnya tindakan penguatkuasaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 telah diperkenalkan pada tahun 2016 untuk dilaksanakan oleh 18 kementerian agensi yang dilantik sebagai agensi peneraju. KPKT merupakan kementerian peneraju bagi program aksesibiliti di bawah Teras Strategik Satu meningkatkan aksesibiliti golongan OKU.

Sehingga tahun 2020, sebanyak 25 program audit aksesibiliti kemudahan OKU telah dilaksanakan di 25 buah PBT. Berdasarkan hasil daripada audit aksesibiliti tersebut, PBT telah menambah baik kemudahan OKU seperti tandas, tempat letak kereta, lif dan laluan ke bangunan. Pada tahun 2020, KPKT juga melaksanakan audit susulan bagi aksesibiliti kemudahan OKU terhadap PBT-PBT yang telah pun di audit sebelum ini.

KPKT memandang serius mengenai kekurangan dan penyalahgunaan kemudahan OKU yang disediakan di peringkat PBT. Selaras dengan itu, KPKT telah mengeluarkan surat kepada semua PBT pada 2019 mengenai pelaksanaan penalti dan penguatkuasaan terhadap ketidakpatuhan garis panduan dan undang-undang kecil yang di peruntukan.

Sehingga 2014 hingga tahun 2020 sebanyak 35,166 bilangan kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT di seluruh negara melibatkan kesalahan penggunaan parkir OKU dengan nilai RM3.21 juta. KPKT akan mengemas kini data berkaitan penguatkuasaan penyalahgunaan kemudahan OKU di PBT dari semasa ke semasa pada setiap tahun.

Dari segi pemantau pemakaian *Universal Design and Accessibility in the Built Environment of Practice*, dengan izin, MS11842014, sehingga kini KPKT telah melaksanakan audit akses OKU di 47 buah premis awam dan swasta di kawasan pentadbiran PBT mulai tahun 2014 hingga 2020. Yakni yang merangkumi laluan utama OKU termasuk ke bangunan atau premis serta kemudahan-kemudahan OKU yang lain seperti tandas, tempat letak kereta OKU dan kaunter. KPKT bercadang untuk menambah bilangan premis untuk diaudit pada masa yang akan datang.

Menyentuh kepada persoalan bomba, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili bertanyakan mengenai Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Sarawak dan perancangan kementerian untuk memperkasa Unit Udara dan Penyelamat Bomba Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, KPKT melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah memohon projek pembinaan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Wilayah Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, *Rolling Plan* Pertama (RP1). Tahun 2021 dengan kos projek berjumlah RM48 juta yang dirancang akan dibina di kawasan Samarahan dengan keluasan tapak 10.19 hektar.

Pada masa yang sama, projek menaik taraf simulator ABPM Wilayah Sarawak yang sedia ada di kawasan Bau juga dipohon dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, tahun 2021 bagi mempertingkatkan lagi kemudahan latihan. Berhubung dengan Pangkalan Udara Bomba di negeri Sarawak terdapat sebuah Pangkalan Udara Sementara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang berkongsi dengan Lapangan Terbang Miri dengan kekuatan keanggotaan tetap seramai 21 orang dan dibantu oleh dengan tujuh pegawai daripada Pangkalan Udara Bomba Subang yang bertugas secara *rotation* dua minggu sekali.

Pangkalan udara ini dilengkapi dengan dua buah helikopter jenis MI171 dan dibantu dengan sebuah lagi helikopter jenis AW189 dari Pangkalan Udara Subang yang diletakkan secara sementara. Pegawai bertugas adalah terdiri daripada juruterbang dua orang, *air quartermaster* dua orang pasukan khas udara bomba, dua kejuruteraan seorang dan bertugas secara tetap seramai tujuh orang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat untuk memperkasakan Unit Udara dan Penyelamat Bomba di Sarawak, Jabatan Bomba dan Penyelamat sedang dalam proses mengenal pasti tapak yang sesuai bagi pembinaan sebuah pangkalan udara bomba tetap dalam RMKe-12.

Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad membangkitkan berkenaan pembinaan balai bomba dan penyelamat di Pekan Trong di Taiping, Perak. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Trong ketika ini telah diluluskan dalam RMKe-11 *Rolling Plan* Kedua pada tahun 2017, dan dengan kos projek berjumlah RM3.675 juta.

Pada masa ini, status projek PBBBP Trong adalah dalam peringkat perolehan oleh Jabatan Kerja Raya dan surat setuju terima dijangka akan dikeluarkan pada bulan Oktober tahun ini. Tempoh untuk penyiapan projek pembinaan balai bomba ini mengambil masa selama 18 bulan. Dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2022. Kementerian mengambil maklum terhadap risiko kebakaran di kawasan Trong. Pada masa ini, kawasan Trong mendapat perlindungan kebakaran daripada PBP Taiping dengan jarak sejauh 18 kilometer yang mengambil masa selama 27 minit untuk tiba ke lokasi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kini di kawasan Trong terdapat sebuah pasukan bomba komuniti yang dikenali sebagai Pasukan Bomba Komuniti Baharu Batu Lapan dengan keahlian seramai 20 orang. Pasukan Bomba Komuniti ini telah didaftarkan pada 27 Februari 2020 dan sedang dalam perancangan untuk menjalani latihan kemahiran yang akan kita adakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid agar Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat pengambilan khas belia Orang Asli di dalam Skim Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat.

Untuk makluman Yang Berhormat, proses pengambilan serta lantikan pegawai-pegawai bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia adalah di bawah kawal selia dan bidang kuasa pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Setakat ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia tidak melaksanakan sebarang temu duga secara terbuka khusus bagi etnik atau kumpulan tertentu untuk jawatan-jawatan dalam Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sebaliknya, proses ini dibuat secara terus oleh pihak SPA berdasarkan keperluan perkhidmatan melalui penetapan kriteria-kriteria tertentu serta saringan kelayakan akademik yang telah ditetapkan mengikut jawatan.

Berdasarkan rekod Jawatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sehingga kini terdapat seramai 14 orang pegawai bomba berbagai-bagai gred dari etnik Orang Asli, orang asal yang bertugas di seluruh negara. Ini tidak termasuk 10 orang pegawai bomba bantuan yang telah berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing pula membangkitkan berkaitan punca kebakaran di rumah panjang dan langkah kerajaan mengelakkan daripada perkara ini berulang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian menunjukkan bahawa kegagalan elektrik berlaku adalah disebabkan oleh kaedah penyambungan pendawaian elektrik yang tidak baik. Penyambungan pendawaian elektrik dibuat di rumah panjang dibuat secara persendirian dan tidak melalui *competent person* atau mereka yang berkelayakan. Berdasarkan pecahan statistik sumber nyalaan yang dianalisis oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia daripada 54 kes yang berlaku iaitu sebanyak 30 kes adalah disebabkan oleh *short circuit*. Sejumlah 11 kes adalah disebabkan oleh litar pintas, sejumlah tujuh kes adalah disebabkan oleh *overload* atau lebih penggunaan tenaga dan sejumlah tiga lagi disebabkan oleh pendawaian. Salah satu faktor penting bagi menangani segala gejala kebakaran rumah panjang ialah reka bentuk rumah panjang.

#### ■1230

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menggubal satu garis panduan reka bentuk rumah panjang yang mematuhi aspek keselamatan. Kita telah menyediakan Tuan Yang di-Pertua, rangka pelan bentuk rumah panjang baharu yang mungkin akan kita cadangkan kepada kerajaan bagi memastikan supaya rumah-rumah panjang ini tidak terlibat dengan kebakaran seperti yang berlaku sekarang.

Selain itu, program-program komuniti yang menitik beratkan kesedaran, keselamatan kebakaran di rumah panjang telah dilaksanakan seperti ceramah pencegahan kebakaran, latihan pemadaman kebakaran, program *summer camp*, dengan izin, pengagihan alat pemadam api dan pam angkut.

Penglibatan komuniti di dalam pasukan kesukarelaan seperti pasukan bomba sukarela, bomba komuniti, dan *Community Emergency Response Team*, dengan izin, merupakan salah satu alternatif yang baik kerana mereka mampu bertindak sebagai *first responder*, dengan izin, seandainya berlaku sebarang kecemasan di kawasan rumah panjang.

Kementerian Perumahan mengucapkan terima kasih kepada penduduk-penduduk rumah panjang yang cukup responsif dan berikan kerjasama kepada kita mengurangkan kadar kemalangan akibat kebakaran di rumah-rumah panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahajalah jawapan yang dapat saya berikan kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon berikan pencelahan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Ya, sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Minta maaf. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya ada membangkitkan satu soalan berkaitan berlaku migrasi daripada bandar ke luar bandar sejak tahun 2016 di Malaysia. Saya ada membangkitkan soalan berkaitan apakah kerajaan mempunyai pelan tindakan jangka masa panjang.

Oleh sebab, apabila saya maksudkan daripada bandar ke luar bandar, bukan bermaksud di bawah Kementerian Luar Bandar. Akan tetapi, contohnya daripada Kuala Lumpur ke Kelantan, ke Perlis, ke Kedah dan sebagainya. Jadi, saya mohon adakah kerajaan mempunyai perancangan jangka panjang dari sudut penempatan, dari sudut perumahan mungkin dari sudut fasiliti dan pencapaian terhadap keperluan asasi.

Ini kerana berlaku migrasi yang agak ketara dari setahun ke setahun. Ada juga satu soalan saya kepada kementerian berkaitan juga, adalah tentang kuota ataupun kaedah bagaimana bila kita membangunkan sesuatu perumahan tetapi dalam masa yang sama menjaga asimilasi perpaduan penduduk. Oleh sebab kalau ikut sekarang, apabila membangunkan sesuatu taman perumahan, kita ada kuota bumiputera dan bukan bumiputera. Selain daripada itu, apa lagi? Okey, sekian terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan ini sebenarnya tidak termasuk persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator, saya bagi pihak kementerian meminta maaf, mungkin kesilapan dari pihak kita, mungkin kita jangkakan mungkin jawapan itu untuk

Kementerian Luar Bandar tetapi namun demikian saya ingatkan saya untuk menyediakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat dan kita akan berikan maklumat-maklumat lengkap tentang apakah ada tindakan-tindakan yang diambil, walaupun ada sebenarnya, tetapi saya tidak boleh memberi jawapan terus di sini kerana mungkin ada statistik perangkaan yang perlu saya sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab dengan jelas dan panjang lebar dan kena pada tempatnya dan terima kasih lagi sekali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Sekarang saya menjemput pula nombor 14, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dipersilakan.

### 12.34 tgh.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Diraja Dewan Negara yang diadakan selama lima hari daripada 2 September 2020, hingga 9 September 2020, yang lepas, seramai sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah sudi berbahas dan mengajukan beberapa pertanyaan, isu, cadangan ataupun pandangan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang terlibat.

Oleh itu, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan isu, cadangan ataupun pandangan yang telah disuarakan oleh semua Ahli Yang Berhormat semasa sesi perbahasan tersebut mengikut isu-isu seperti berikut:

- (i) peningkatan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar;
- (ii) Jabatan Kemajuan Orang Asli; dan
- (iii) Majlis Amanah Rakyat (MARA);

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan tersebut. Peningkatan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Pertama adalah mengenai peningkatan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim; Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid; dan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris kerana telah membangkitkan isu berkenaan di dalam sesi persidangan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad telah membangkitkan isu kesenjangan penduduk luar bandar dan juga bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, kemakmuran ekonomi yang dapat dinikmati oleh semua pihak dalam sesebuah negara merupakan elemen penting ke arah memastikan kewujudan sesebuah negara yang maju dan makmur. Pesanan agihan ekonomi secara saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah serta rantaian bekalan pasti boleh mewujudkan kesejahteraan masyarakat tanpa mengira kaum di Malaysia ini.

Justeru, KPLB memberi penekanan serius ke atas pembangunan ekonomi kawasan luar bandar dan ia menjadi teras utama dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030). Kementerian yakin bahawa, melalui dasar dan strategi yang digariskan di bawah DPLB 2030 tersebut, objektif untuk mengurangkan jurang pendapatan penduduk di luar bandar dengan kawasan bandar boleh dicapai.

Keberhasilan program dan inisiatif Kementerian dapat dilihat di mana berdasarkan laporan *survey* pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2019, pendapatan isi rumah kasar bulanan purata di luar bandar telah meningkat sebanyak 4.6 peratus dan peningkatan ini adalah lebih tinggi daripada paras nasional sebanyak 4.2 peratus.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin mengenai migrasi penduduk dari bandar ke luar bandar dan perubahan pola masyarakat pula, berdasarkan laporan *survey* migrasi 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pola migrasi penduduk negara ini menunjukkan berlaku peningkatan kepada migrasi bandar ke luar bandar sejak tahun 2011 hingga tahun 2018 iaitu purata 14.78 peratus berbanding migrasi luar bandar ke bandar iaitu purata 5.61 peratus.

Sebagai persediaan kepada perubahan pola masyarakat ini, Kementerian mengetengahkan strategi-strategi yang inklusif dan holistik di mana DPLB 2030 bagi mewujudkan luar bandar sejahtera merangkumi aspek infrastruktur ekonomi modal insan, sosial, budaya dan persekitaran tanpa mengira latar belakang bangsa, agama, status sosial, gender ataupun umur.

Antara pemacu perubahan yang dikenal pasti dan digariskan dalam strategi DPLB 2030 yang akan diberi perhatian untuk dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, mewujudkan sistem penyampaian dan tadbir urus luar yang berintegriti, profesional, cekap, berkesan melalui pemantapan kepimpinan Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK), penyelarasan dasar-dasar dan program-program pembangunan luar bandar dan di peringkat persekutuan dan negeri, pengukuhan kerjasama dengan kerajaan negeri, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan masyarakat yang kita laksanakan.

Kedua, membangunkan modal insan luar bandar secara menyeluruh meliputi aspek kemahiran, pengetahuan, jati diri, kerohanian bermula dari kanak-kanak hingga dewasa menerusi sistem pendidikan berkualiti termasuk dalam bidang TVET itu sendiri.

Ketiga, melengkapkan prasarana asas di luar bandar di mana menjelang tahun 2030 luar bandar disasarkan mencapai liputan 100 peratus infrastruktur asas, penyediaan sistem pengangkutan awam luar bandar yang cekap dan mampan. Kebolehcapaian rangkaian telekomunikasi dan jalur lebar berkelajuan tinggi termasuk pembangunan ekosistem digital ke arah tadbir urus serta rancangan pembangunan luar bandar yang cekap dan berkesan dan pengurusan sisa pepejal serta kumbahan yang inovatif.

#### ■1240

Keempat, membangunkan kluster baharu dalam pelbagai sektor ekonomi melibatkan pelancongan, bioekonomi dan ekonomi hijau melalui pewujudan persekitaran yang mengekalkan kerjasama dan perkongsian Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (R&D&C) antara pihak kerajaan, swasta, universiti penyelidikan dan komuniti luar bandar.

Kelima, mewujudkan kawasan perindustrian dan perniagaan yang kondusif berdasarkan keunikan dan faedah berbanding untuk menghasilkan produk yang eksklusif mengikut zon, termasuk pembangunan industri hiliran berasaskan kelebihan dan keistimewaan tempatan.

Keenam, membangunkan kapasiti golongan belia dan wanita sebagai penggerak pembangunan luar bandar dengan memperkukuhkan penglibatan mereka di dalam institusi pentadbiran dan pembangunan luar bandar, membangunkan kemahiran dan kapasiti dalam teknologi yang diperlukan terutama berkaitan Revolusi Industri 4.0 dan memantapkan sistem khidmat sokongan wanita luar bandar bagi menggalakkan penglibatan aktif wanita dalam sektor ekonomi luar bandar.

Ketujuh, menyediakan persekitaran yang kondusif dan sesuai dengan keperluan semua warga luar bandar termasuk daripada aspek ekonomi, kemudahan asas, pendidikan, penjagaan kesihatan, perumahan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon laluan. Sedikit sahaja. Okey Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya bangkitkan isu berkaitan dengan migrasi ini, kerana apabila kita melihat kepada teori berkaitan dengan perbandaran dan juga perkembangan yang berlaku di peringkat antarabangsa, memang berlakulah migrasi dari bandar ke luar bandar dan ia juga turut berlaku di negara-negara maju.

Apa yang ingin saya bangkitkan adalah, apabila kita membaca tentang teori-teori ini, maka kita jumpa bahawasanya apabila berlaku. Contohnya lah pandemik seperti sekarang,

sesuatu perbandaran di peringkat luar bandar itu dia sudah dilengkapi dengan kemudahan, pusat pencarian rezeki dengan keperluan asasi dan sebagainya.

Maknanya, cara kita membangunkan bandar itu dengan mengambil kira ia seolah-olah macam kembali kepada konsep kota pada zaman dulu di mana penempatan diletakkan dalam sesuatu tempat dan dilengkapi dengan kemudahan dan sebagainya. Bila berlaku apa-apa, kota ditutup tetapi keperluan asasi mencukupi. Jadi, saya melihat teori itu sudah berkembang juga di negara maju.

Jadi soalan saya, adakah proses perbandaran yang diceritakan tadi mengambil kira juga kita kata kemungkinan pada masa akan datang berlaku kita kata penyakit luar jangka seperti pandemik dan sebagainya. Itu soalan saya lah. Kedua, saya ingin bertanya, sejauh mana penglibatan dan kesediaan kerajaan negeri dalam pelan tindakan untuk mengubah komposisi dan juga penempatan luar bandar? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Oleh sebab itu kita di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kita telah melaksanakan beberapa tanggungjawab termasuklah kita juga mengatur langkah bagi membantu Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga.

Kalau dahulu kita namakan N-BOS dan hari ini kita meletakkan juga sasaran-sasaran tertentu yang masih dalam proses kita bersama dengan Yang Berhormat Menteri melancarkan beberapa program untuk luar bandar itu sendiri. Kita tahu sebenarnya kalau kita tidak laksanakan program-program luar bandar ini, migrasi ini akan lebih parah lagi sebenarnya kerana ruang-ruang dan peluang tidak ada di luar bandar.

Akan tetapi, sekarang ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya sendiri pun agak terkejut apabila saya pergi ke Kelantan baru-baru ini, saya pergi ke Sabah baru-baru ini, bahawa usaha-usaha yang kita lakukan ini telah menggambarkan kejayaan di KPLB sebenarnya. Kadang-kadang kita tidak lihat.

Oleh sebab itu, saya bersama dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu sendiri, kita mengatur langkah dengan bantuan-bantuan geran yang tidak lah besar tetapi boleh mewujudkan permulaan bagi anak-anak muda melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka yang tinggal di luar bandar. Ini seperti projek-projek fertigasi kalau anak-anak muda dan juga pelbagai projek untuk kepimpinan wanita umpamanya.

Saya sebenarnya memang terkejut. Apabila saya melawat, bahawa wanita ini memang hebat. Penglibatan mereka hari ini telah mencecah sehingga 48 peratus yang hampir mencecah mengalahkan orang lelaki tidak lama lagi. Jadi, berhati-hati Yang Berhormat Senator kita, kita kena melihat perkara ini sebenarnya. Jadi, boleh saya teruskan? Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim mengenai usaha kerajaan membasmi kemiskinan. Saya tidak mengenali lagi sebenarnya. Saya hendak tahu Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Kalau tidak ada dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan dengan yang ada dalam Dewan? Ini kerana, kita akan jawab dia sama juga seperti bertulis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Saya tengok Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose pun tiada di dalam Dewan. Ini sahabat baik saya. Jadi, saya cepat nampak dia tidak ada dalam Dewan. Akan tetapi, kita akan menjawab sepenuhnya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Oh, ada Dato'. Seterusnya mengenai cadangan untuk menaikkan elaun Pengerusi JPKK. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, kadar elaun semasa bagi Pengerusi JPKK adalah sebanyak RM500 sebulan, Setiausaha RM300 sebulan manakala seramai 11 orang Ahli Jawatankuasa akan menerima elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM50 setiap mesyuarat, tertakluk kepada maksimum enam kali mesyuarat setahun.

Kadar elaun yang diberikan kepada anggota JPKK adalah dibuat setelah mengambil kira bilangan anggota JPKK seluruh negara serta komitmen kewangan Kerajaan Persekutuan memandangkan negara kita sedang dalam proses pemulihan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang masih melanda sejak bulan Mac 2020 lalu. Kerajaan mengutamakan perbelanjaan yang boleh mengurangkan beban rakyat yang terjejas serta perbelanjaan berkaitan kesihatan dan keselamatan.

Sehubungan itu, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar elaun Pengerusi JPKK kepada RM1,200 seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator berdasarkan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan. Sungguhpun begitu, memandangkan lantikan JPKK adalah di bawah kuasa kerajaan negeri, kebanyakan negeri mengambil daya inisiatif untuk menambah elaun JPKK negeri masing-masing mengikut kemampuan kewangan di peringkat kerajaan negeri itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya kerajaan melihat pembangunan pekebun kecil terutamanya generasi kedua melalui pemerksaan koperasi luar bandar seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang ada dalam Dewan. Pada masa ini, bilangan Koperasi Pekebun Kecil (KPK) di bawah seliaan RISDA adalah sebanyak 63 buah dan satu Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Berhad (NASCO). Bilangan keahlian adalah seramai 134,767 orang dengan jumlah keseluruhan saham adalah sebanyak RM33.2 juta.

Dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2012 sehingga 2017, RISDA telah melaksanakan inisiatif bantuan pembangunan koperasi pekebun kecil dengan had maksimum sebanyak RM100 ribu bagi setiap KPK yang layak. Bentuk bantuan terbahagi kepada beberapa kategori iaitu bekalan input pertanian, pembangunan tanah, pengurusan kebun, pemasaran hasil dan juga bantuan pengurusan bayar gaji pengurus dan kerani. Kejayaan seterusnya dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada anggota di samping membimbing serta melahirkan usahawan-usahawan berjaya.

Setakat Julai 2020, jumlah pendapatan kasar KPK adalah sebanyak RM42.4 juta. Dalam usaha untuk menggalakkan penglibatan generasi kedua pekebun kecil dalam industri getah, dan Koperasi RISDA telah menubuhkan Kelab Generasi Muda RISDA (KGMR) di setiap negeri.

#### ■1250

Bilangan ahli setakat bulan Julai 2020 ialah sebanyak 10,680 orang. Manakala, bilangan Koperasi Peserta Rancangan (KPR) FELCRA adalah sebanyak 154 buah KPR dan ahli lembaga pengarah KPR ini juga adalah terdiri daripada kalangan peserta-peserta FELCRA dari setiap kawasan projek berkenaan.

Manakala, anak-anak peserta atau generasi kedua ini pula telah diberikan peluang untuk berkhidmat di dalam sektor pengurusan dan sokongan KPR tersebut. Jumlah anak-anak peserta yang terlibat adalah seramai 257 orang merangkumi kesemua projek di setiap wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim- saya ingat tidak ada di dalam Dewan ini ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim?

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Tiada dalam Dewan. Tuan Yang di-Pertua, saya jawab secara bertulis yang tidak ada di dalam Dewan.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, cuma saya hendak beritahu langkah jangka pendek yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail, kita ada beri secara *one-off* menjelang Aidilfitri sebanyak RM300, semasa Aidilfitri.

Kedua, kita akan berikan bantuan musim tengkujuh sebanyak RM600 kepada pekebun kecil yang layak bagi mengurangkan beban seramai 24,469 orang. Ini untuk makluman, sebab walaupun Yang Berhormat Senator tidak ada di dalam Dewan, sekurang-kurangnya Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan dapat maklumat dari segi tersebut yang melibatkan sejumlah RM14,681,400.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim- sebentar tadi adalah banyak tetapi terpaksa saya menjawab secara bertulis.

Seterusnya, berkaitan dengan isu masyarakat Orang Asli iaitu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin dan Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy. KPLB sentiasa memberikan perhatian khusus kepada kebajikan dan kesejahteraan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Kajian Pendidikan Orang Asli peringkat kebangsaan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Kajian penyelidikan merupakan salah satu keutamaan JAKOA bagi membantu jabatan ini dalam proses membuat keputusan, rancangan program dan penggubalan dasar yang secara holistik. Buat masa ini, JAKOA sedang bekerjasama dengan pihak *United Nations Development Programme* (UNDP), dan pendidikan universiti awal untuk melaksanakan draf penulisan Dasar Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA).

Selain itu juga, JAKOA turut melaksanakan kajian bersama dengan fakulti undang-undang UKM yang ini kami telah mengadakan mesyuarat dan saya sebagai Pengerusi, kita telah laksanakan untuk jangka panjang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator. JAKOA juga sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk melaksanakan Kajian Indeks Pembangunan Orang Asli di negeri Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, juga mengenai isu projek pembangunan yang terjejas akibat COVID-19, sehingga kini terdapat hanya satu projek yang berstatus lewat jadual iaitu melibatkan Projek Program Pembangunan Bersepadu Perkampungan Orang Asli di Sungai Siput, Perak. Peratus prestasi fizikal semasa projek ini adalah sebanyak 89 peratus dan dijangka dapat disiapkan selewat-lewatnya pada bulan Disember 2020. Kos projek ini pada tahun 2019 adalah berjumlah RM4.9 juta.

Berkaitan dengan bantuan kepada pelajar Orang Asli yang menuntut di universiti, pihak kerajaan melalui JAKOA ada menyediakan peruntukan biasiswa dari Peringkat Asasi sehingga peringkat Ijazah Pertama di universiti awam dalam negara. Kadar biasiswa ini ditawarkan kepada pelajar yang layak mengikut garis panduan Skim Bantuan Galakan Pendidikan JAKOA. Mengenai isu tunggakan beban bayaran wang saku pelajar Orang Asli pula, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberikan kerjasama kepada JAKOA berkaitan kebajikan murid Orang Asli.

Kehadiran murid sekolah KPM termasuk Orang Asli direkodkan secara dalam talian melalui sistem kehadiran murid. Analisis kehadiran murid dijana terus secara dalam talian. Guru kelas boleh terus mencatat laporan kehadiran murid Orang Asli melalui sistem kehadiran tersebut dan dikemukakan kepada pihak JAKOA bagi tujuan pengagihan bantuan. Pihak JAKOA seterusnya akan berurusan terus dengan PPD ataupun JPN bagi mendapatkan

senarai laporan kehadiran murid sekiranya pihak sekolah tidak menghantar senarai kehadiran murid dengan segera.

Berkaitan isu kelewatan watakah pelantikan batin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, JAKOA telah mengambil tindakan segera dengan memperakui seseorang batin untuk dilantik setelah melalui pemilihan di peringkat akar umbi. Pihak kementerian akan meneliti dan mengeluarkan watakah pelantikan. Namun, pada tahun 2020, kelewatan watakah pelantikan batin disebabkan juga kesan daripada pertukaran kerajaan semasa kerana perlu dipersetujui di peringkat kementerian. Selain itu, negara berdepan dengan pandemik COVID-19 yang menyebabkan kekangan prosedur dan secara tidak langsung melambatkan proses pelantikan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat berkaitan projek pembinaan jambatan Kampung Sepah Beruang, projek ini sedang...

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Okey. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Isu batin yang saya bangkitkan ialah isu tarikh pelantikan dengan tarikh watakah. Ini di mana tunggakan elaun perlu dibayar berdasarkan tarikh pelantikan waktu pemilihan di kampung. Waktu pemilihan tok batin dan pengerusi MPKK- katakan bulan tiga, tetapi watakah dapat pada bulan 10, maka, tujuh bulan itu sepatutnya dibayar tunggakan. Itu maksud saya.

Kalau boleh, di pihak kementerian boleh menyediakan satu kaedah untuk membayar tunggakan. Itu maksud saya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sememangnya- saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa. Beliau telah membangkitkan kepada saya dan saya telah panjangkan kepada pihak kementerian, melalui kementerian, melalui Menteri itu sendiri. Maka, kita sebenarnya dalam proses membuat pengiraan dan sepatutnya memanglah kita membayar elaun ini dari segi mengikut watakah.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, ada kebenaran apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Jadi, *insya-Allah* saya akan maklumkan semula kepada Yang Berhormat Senator sama ada dibangkitkan melalui surat ini ataupun saya akan menghubungi semula Yang Berhormat Senator untuk perkara ini yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai masa lebih kurang dalam dua minit sahaja lagi, maka, kalau sekiranya saya tidak dapat menjawab kesemua soalan ini saya akan menghantar secara bertulis- maknanya, helaian masih banyak, sebab yang dibangkitkan di dalam Dewan Negara ini banyak, maka...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri boleh sambung selepas pukul 2.30 petang nanti. Tidak apa [*Ketawa*] Banyak lagi? Teruskan.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan projek pembinaan jambatan Kampung Sepah- oh! Saya sudah baca tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi mengatasi keciciran masyarakat Orang Asli dalam daftar sistem eKasih, JAKOA telah menjalinkan kerjasama dengan ICU JPN bagi membekalkan data masyarakat Orang Asli untuk didaftarkan dalam sistem eKasih. Daftar masyarakat Orang Asli yang telah selesai dikemaskinikan akan dihantar kepada ICU JPN untuk didaftarkan dalam sistem eKasih secara berperingkat.

Bagi cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid berkenaan penubuhan jawatankuasa pembangunan Orang Asli dan jawatankuasa penasihat pembangunan Orang Asli, JAKOA sedang dalam proses menyemak semula terma Majlis Penasihat Kebangsaan Pembangunan Masyarakat Orang Asli sedia ada untuk menambah baik termasuk pemilihan dan pelantikan ahli-ahli baharu.

Majlis ini berfungsi sebagai penasihat kepada KPLB bagi memperakukan cadangan-cadangan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang selain berperanan untuk memberikan pandangan dan maklum balas berkaitan dasar serta keperluan bagi kemajuan Orang Asli dan strategi untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid juga membangkitkan isu pelantikan jawatankuasa pembangunan keselamatan Orang Asli di Kampung Baru Kuala Benut, Kampung Sri Mahkota, Pontian dan Kampung Bumiputera Dalam di Rengit.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, status terkini JPCKOA di ketiga-tiga kampung adalah seperti berikut Kampung Baru Kuala Benut adalah di atas kuasa pelantikan JPCKOA yang baru dijangka pada bulan Oktober 2020. Kampung Sri Mahkota- mesyuarat telah membuat keputusan bagi mengadakan Mesyuarat pelantikan pada 9 September 2020. Kampung Bumiputera Dalam, Rengit pihak JAKOA telah melanjutkan pelantikan JPCKOA sehingga 31 Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah isu penyelarasan bilangan batin dan JPCKOA supaya bilangan batin dan JPCKOA seimbang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini jumlah batin adalah seramai 618 orang dan JPCKOA pula adalah sebanyak 274 buah jawatankuasa. Pelantikan batin adalah melalui Yang Berhormat Menteri, manakala lantikan JPCKOA adalah melalui kuasa Ketua Pengarah JAKOA.

Mengikut garis panduan tatacara kerja dan syarat-syarat pelantikan serta penamatan perkhidmatan JPKKOA, JPKKOA ini yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab kepada pihak pentadbiran daerah serta mereka adalah penghubung antara rakyat dengan agensi-agensi kerajaan serta bertanggungjawab menyebarkan maklumat berkaitan program-program kerajaan yang dilaksanakan oleh kesejahteraan rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, panjang lagi? Kalau tidak minta sambunglah.

**Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad:** Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, sambunglah selepas pukul 2.30 petang ya. Boleh ya. Besar tu kes Orang Asli.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 lebih, dan sekarang saya tangguhkan Mesyuarat kita ke 2.30 petang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti biasa, janji ditepati.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar menyambung ulasannya. Silakan.

**2.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung kembali hujahan sebentar tadi dan saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Asmak tidak ada dalam Dewan. Saya teruskan kepada Yang Berhormat yang berada dalam Dewan. Saya pergi kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad yang ada dalam Dewan dan saya ingin minta maaf tadi ada tersalah beberapa sebutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA sentiasa berusaha dalam menyediakan kemudahan perumahan yang selamat dan selesa kepada ketua isi rumah (KIR) yang layak serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Bagi tahun 2019 dan 2020, KPLB telah

melantik GIATMARA sebagai agensi pelaksana dan pembayar bagi projek bina baharu baik pulih rumah PPRT.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kos siling projek baik pulih rumah adalah RM13 ribu. Namun, kos sebenar adalah tertakluk kepada keadaan kerosakan rumah yang ada kalanya di bawah kos siling yang ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi menangani isu kemudahan asas seperti bekalan air, jalan, elektrik dan lain-lain untuk perkampungan Orang Asli, sehingga tahun 2019, pencapaian kerajaan dalam menyediakan kemudahan asas di perkampungan Orang Asli adalah seperti berikut iaitu kemudahan jalan perhubungan sebanyak 84 peratus; bekalan elektrik, 80 peratus; bekalan air, 79 peratus; dan projek perumahan di bawah PPRT sebanyak 82 peratus daripada keseluruhan 853 perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung.

Pelan jangka pendek bagi memastikan perkampungan Orang Asli mendapat kemudahan asas meliputi penggunaan kaedah alternatif seperti *grading* dan *crusher run* untuk jalan perhubungan di kawasan ekstrem, *tube well* dan sistem tadahan bagi bekalan air serta sistem solar bagi bekalan elektrik. Pelaksanaan projek adalah dengan kerjasama pelbagai agensi seperti JKR, JPS, Kementerian Kesihatan, Jabatan Mineral Geosains (JMG), Bahagian Bekalan Air (BBA), pejabat daerah serta pihak swasta dan NGO.

Manakala bagi pelan jangka panjang, JAKOA telah mengemukakan permohonan bajet di bawah RMKe-12 untuk melengkapkan perkampungan Orang Asli dengan jalan *premix*, bekalan air retikulasi dan bekalan elektrik 24 jam menggunakan talian grid. Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek, JAKOA juga telah mengemukakan permohonan untuk membesarkan saiz unit teknikal sedia ada di samping meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan serta pihak swasta dan NGO.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Manolan juga, pihak JAKOA sentiasa mencari kaedah dan cara yang terbaik dalam memastikan penyampaian ilmu pengetahuan dan motivasi kepada masyarakat Orang Asli secara lebih berkesan dan tiada ketinggalan.

Untuk itu, cadangan Yang Berhormat supaya menggunakan dewan kampung memang dilaksanakan oleh pihak JAKOA terutama kepada masyarakat yang berada jauh ke pedalaman dan yang berhampiran. Sebagai contoh, mengadakan program PROKHAS di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di Batek, Aring 5, Gua Musang, Kelantan yang berperanan seperti sekolah komuniti dan tumpuan masyarakat setempat.

Dalam masa yang sama juga, sistem atau kaedah penyampaian juga memainkan peranan penting supaya maklumat yang hendak disampaikan tercapai. Untuk itu, JAKOA telah dan sedang mengusahakan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi mewujudkan Pusat Literasi Fungsian (PLF) di premis yang sedia ada di

kampung-kampung. Projek rintis ini melibatkan empat buah negeri iaitu Kelantan, Pahang, Perak dan Johor. Ini termasuklah program motivasi dan latihan kepada belia dan beliawanis.

Berkaitan isu pewartaan tanah Orang Asli seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, JAKOA sentiasa mengadakan rundingan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri bagi memastikan proses pengukuran tanah dan proses pewartaan di kawasan penempatan Orang Asli dapat dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kerja-kerja pengukuran tanah di kawasan penempatan Orang Asli hanya melibatkan 853 buah kampung yang diiktiraf sahaja.

Sehingga kini, sebanyak 192 buah kampung dengan keluasan 26 ribu hektar telah diwartakan. Manakala 661 buah kampung melibatkan keluasan tanah berjumlah 110 ribu hektar telah selesai dilaksanakan kerja ukur kejuruteraan perimeter bagi tujuan permohonan pewartaan. Manakala bagi kerja ukur halus untuk tujuan pewartaan telah selesai dilaksanakan kepada 597 buah kampung dengan jumlah keluasan tanah seluas 70 ribu hektar. JAKOA juga telah mengemukakan permohonan peruntukan yang secukupnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk menyelesaikan baki kerja ukur halus di kampung-kampung yang belum dilaksanakan kerja berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, peruntukan sejumlah RM200 juta yang diperuntukkan kerajaan melalui JAKOA untuk pembinaan jalan sejauh 122 kilometer di pedalaman Kelantan bakal memberi manfaat kepada 68 buah kampung dengan jumlah penduduk seramai 7,150 orang, terdiri daripada suku kaum Temiar di Daerah Gua Musang.

Pembinaan jalan ini melibatkan jajaran Kuala Betis ke Pos Tohoi, Pos Tohoi ke Pos Bihai, Pos Bihai ke Pos Belatim, Pos Belatim ke Pos Balar, Pos Balar ke Pos Hau dan Pos Hau ke Kuala Betis. Pembinaan jalan ini akan dilaksanakan oleh JKR bermula pada tahun 2021 dan dijangka siap pada tahun 2023.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pembinaan jalan dari Betau ke Simoi Lama sejauh 15.22 kilometer akan dibina oleh pihak JKR dijangka bermula pada tahun 2020. Bagi Jalan Simoi Lama ke Pos Lenjang pula, JAKOA telah mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk penyediaan peruntukan di bawah bajet Rancangan Malaysia Kedua Belas.

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan pembinaan jalan perhubungan di antara Sekolah Kampung Kucing ke SK Ulu Tembeling dan penempatan Kampung Keruing Orang Asli di Pos Iskandar Bera yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. JAKOA sentiasa berusaha untuk memastikan semua penempatan Orang Asli dilengkapi dengan kemudahan asas dan isu-isu pembangunan yang melibatkan masyarakat Orang Asli sentiasa diberi perhatian supaya masyarakat Orang Asli tidak tercicir dari arus perdana.

Sehubungan itu, perancangan pembinaan jalan perhubungan antara Sekolah Kampung Kucing ke SK Ulu Tembeling dan penempatan Kampung Keruing akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Namun begitu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan izin lalu daripada kerajaan negeri memandangkan perkampungan tersebut terletak di tanah kerajaan negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, perancangan pembinaan jalan perhubungan di penempatan Kampung Keruing akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas. Namun begitu, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan dan izin lalu kepada kerajaan negeri yang juga melibatkan kerajaan negeri.

Berkaitan isu Pilihanraya Kecil DUN Chini, Pahang kementerian telah menyediakan bekalan elektrik di kampung-kampung berkenaan menerusi projek bekalan elektrik luar bandar tahun 2017 dan 2018 melibatkan 19 buah kampung di negeri Kelantan, Pahang dan Perak. Walau bagaimanapun, untuk memastikan bekalan elektrik sampai ke rumah-rumah penduduk, perlu dilaksanakan satu kerja pendawaian elektrik di dalam rumah dan membayar deposit meter bagi membolehkan pihak TNB menyambung bekalan elektrik ke rumah mereka.

Bagi maksud tersebut, pada tahun ini JAKOA telah menyediakan peruntukan untuk membantu penduduk yang terlibat membuat kerja pendawaian dan membayar deposit meter kepada TNB. Merujuk kepada isu di Chini, rumah-rumah penduduk yang terlibat telah mendapat bekalan elektrik melalui inisiatif CSR swasta.

Bagi memastikan perkampungan Orang Asli diliputi capaian Internet, JAKOA juga bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan MEASAT untuk pemasangan struktur telekomunikasi dan peranti satelit supaya operator *cellular* dapat memberi liputan untuk kegunaan masyarakat Orang Asli di perkampungan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad juga, pengesahan pelantikan dan penamatan perkhidmatan Ketua Masyarakat Orang Asli, Batin atau Penghulu adalah termaktub di dalam Akta Orang Asli 1954 [*Akta 134*], di bawah peruntukan seksyen 16(1) dan 16(2) telah memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab mengenai JAKOA.

Seksyen 19(1)(c), akta tersebut juga memperuntukkan bahawa Menteri boleh membuat peraturan bagi melaksanakan maksud akta tersebut, termasuk mengadakan peruntukan bagi pelantikan mana-mana ketua dan menetapkan kelayakan dan cara melantik Ketua Orang Asli.

Berdasarkan kepada akta ini, jelas menerangkan tentang kuasa yang diperuntukkan kepada Yang Berhormat Menteri dalam melaksanakannya. Berkaitan dengan isu kelewatan

bayaran kepada penyediaan perkhidmatan pengangkutan pelajar sekolah Orang Asli pula, akibat daripada menularnya wabak pandemik COVID-19 juga telah menjejaskan proses pembayaran yang sepatutnya berlaku pada tempoh awal persekolahan.

Namun, pihak JAKOA pada ketika ini telah mengambil tindakan drastik dan sewajarnya bagi menyelesaikan isu pembayaran tambang pengangkutan pelajar Orang Asli pada tahun 2020. Ini secara berperingkat dan isu pembayaran ini dijangka akan selesai menjelang Oktober 2020.

Selain daripada itu, JAKOA juga telah menetapkan spesifikasi kenderaan pengangkutan yang digunakan untuk mengangkut murid-murid Orang Asli ke sekolah. Spesifikasi kenderaan yang ditetapkan adalah sama seperti yang disyaratkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat.

Namun begitu, bagi laluan ekstrem dan jalan tanah merah, adalah sukar untuk memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat. Pihak jabatan amat mengalu-alukan teguran sama ada di peringkat ibu bapa, pemimpin setempat sekiranya terdapat pengusaha yang telah melanggar syarat dan peraturan-peraturan dalam perjanjian tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, KPLB dan JAKOA memberi perhatian yang serius mengenai pindaan Akta 134, Akta Orang Asli 1954. Pihak JAKOA telah pun mendaftarkan semakan perundangan di BHEUU di JPN. Selain itu, pindaan akta ini juga akan mengambil kira hasil dari laporan *inquiry* hak tanah Orang Asal, Orang Asli oleh SUHAKAM.

Umum juga mengetahui tiada istilah tanah adat di Semenanjung melainkan tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka. Untuk itu, usaha-usaha melaksanakan kajian tanah adat oleh JPN selaku penyelaras dengan kerjasama agensi berkepentingan sebagai ahli-ahli akan dijalankan agar takrifan tanah adat itu sendiri dapat ditafsirkan, diguna pakai dalam perundangan sedia ada di Malaysia.

Berkenaan isu pampasan pula, JAKOA sedang dalam penyediaan garis panduan pampasan tanah Orang Asli sebagai rujukan dalam menentukan pampasan meliputi bangunan, tanaman dan tanah yang munasabah kepada masyarakat Orang Asli yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi projek-projek tertentu seperti ECRL.

Untuk makluman Yang Berhormat, JAKOA telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Panduan Pengurusan Pampasan Kepada Orang Asli pada 20 Julai 2020. Berkenaan dengan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Isu-isu Masyarakat Minoriti, khususnya untuk Orang Asli pula seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan, perkara ini adalah di bawah tanggungjawab JPN. Saya difahamkan perkara ini sedang dalam

penelitian BHEUU JPN mengenai peranan tersebut selaras dengan objektif serta hala tuju bagi memastikan fungsi yang lebih fokus, tersusun dan holistik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan pindaan seksyen 67 dan Akta Orang Asli yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy. Dia tidak ada dalam Dewan, maka saya akan jawab secara bertulis.

Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. Ada dalam Dewan? Berkenaan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator, supaya MARA membina MRSM khusus untuk generasi kedua FELCRA. MARA tiada perancangan untuk pembinaan MRSM khusus yang baharu setakat ini. Hal ini adalah kerana terdapat 53 buah MRSM sedia ada di seluruh negara dengan kapasiti pelajar seramai 38 ribu orang. Bermula tahun 2021 sehingga tahun 2024, sejumlah sembilan buah MRSM baharu akan dibuka secara berfasa yang akan turut meningkat jumlah MRSM sedia ada kepada 62 buah dengan jumlah kapasiti pelajar seramai 47,700 orang pelajar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, permohonan kemasukan ke MRSM adalah terbuka kepada semua pelajar dan pemilihan akan dilaksanakan berasaskan kepada dasar dan peruntukan yang telah ditetapkan oleh pihak MARA. Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengubahsuaian tempoh pengajian dan semester di institut pendidikan agensi di bawah KPLB seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. MARA telah membuat pindaan hari persekolahan dan takwim peperiksaan agar guru dan pelajar mempunyai masa yang mencukupi untuk mengikuti pembelajaran dan membuat persediaan peperiksaan sepanjang tahun 2020.

Program pendidikan menengah, kemudian program TVET, program pendidikan tinggi, seterusnya kepada program-program yang telah kita rancang bermula daripada sesi awal tahun lagi dan juga sesi November-April, dan Mei-Oktober. Program pendidikan tinggi termasuk dalam program-program yang kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan sosial ekonomi dan modal insan masyarakat di kawasan luar bandar. Selaras dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 dan Warisan Kemakmuran Bersama, komitmen dan iltizam ini adalah demi memastikan masyarakat luar bandar menikmati hidup yang lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan yang telah mengemukakan soalan-soalan kepada kementerian kami. Kami merakamkan ucapan tahniah dan *insya-Allah* kami akan melakukan yang terbaik di kementerian kami. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, yang telah menjawab

dengan panjang lebar dan tepat dan semoga kita faham. Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula, Kementerian Wilayah Persekutuan.

■1450

2.50 ptg.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ya ada tiga isu yang dibawa oleh. Pertamanya adalah Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen yang menyentuh mengenai isu mengenai PATI atau warga asing yang membanjiri Kuala Lumpur, dan isu yang kedua adalah Ahli Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying menyentuh isu kesejahteraan hidup wanita dan kanak-kanak berpendapatan rendah, dan isu yang ketiganya dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu yang menyentuh mengenai isu gangguan bekalan air di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen yang telah menyentuh isu mengenai PATI ataupun warga asing yang membanjiri Kuala Lumpur. Saya ingin menjawab secara ringkas. Pertama sekali penguatkuasaannya adalah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Pada tahun 2019, sebanyak 5,745 tindakan sitaan telah dilaksanakan, manakala pada tahun 2020 sehingga bulan Julai sebanyak 1,375 tindakan sitaan telah dilaksanakan.

Keduanya, DBKL juga dengan beberapa agensi-agensinya yang berkaitan telah melaksanakan operasi tegas iaitu tindakan bersepadu pelbagai agensi di Kuala Lumpur melibatkan PDRM, APM, Jabatan Imigresen dan lain-lain. Sehingga Julai 2020, sebanyak tiga operasi telah dilaksanakan dan sebanyak 92 tindakan sitaan telah diambil.

Ketiga, penguatkuasaan Jabatan Imigresen di sekitar kawasan pasar borong Kuala Lumpur. Sehingga 12 Mei, sebanyak 7,551 orang warga asing telah diperiksa dan di antaranya seramai 1,125 orang warga asing telah pun ditangkap.

Keempat, bagi memastikan warganegara Malaysia sahaja yang bekerja di pasar borong sehingga 25 Ogos 2020, kita ada seramai 448 pelesen dan seramai 1,930 orang pekerja rakyat ataupun warganegara Malaysia.

Pada masa yang sama, saya ingin juga menyentuh mengenai isu penjaja di Sri Petaling ataupun Petaling Street yang sering kali dibawa dan pada baru-baru ini yang terdapat juga dalam surat khabar. Kita mendapati daripada sejumlah 750 lesen penjaja yang ada dan kita mendapati ramai juga di antara warga asing yang dahulunya menjaja tetapi sekarang mereka tidak menjaja ataupun tidak membuka perniagaan mereka. Maka, DBKL telah pun mengenal pasti dan juga telah menjalankan siasatan dan juga pantauan dan juga mendapati

hampir sebanyak 174 petak tidak berniaga agak lama dan tindakan untuk menarik balik lesen tersebut akan diambil.

Pada masa ini, di Sri Petaling ini kita mendapati di antara pecahan lesen diberikan masyarakat Melayu adalah seramai 2.8 peratus, masyarakat India seramai 0.53 peratus, lain-lain seramai 0.4 peratus dan masyarakat China adalah sebanyak 96.26 peratus. Tidak ada satu pun diberikan kepada warga asing dari segi lesennya, melainkan pelesen menyewakan kepada warga asing.

Beralih pula kepada isu yang kedua iaitu isu yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying yang menyentuh mengenai isu mengenai kesejahteraan hidup wanita dan kanak-kanak dalam keluarga berpendapatan rendah ataupun B40 di Kuala Lumpur akibat kesan krisis COVID-19, satu soalan yang bagus. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kesan krisis COVID-19 terhadap golongan miskin bandar, dengan izin, *the urban poor* termasuk mereka daripada golongan wanita. Kita mengenal pasti sebanyak empat tindakan yang telah diambil oleh KWP.

Pertamanya adalah Program Usahawan Ketua Isi Rumah (UKIR) untuk ibu tunggal. Pada tahun 2019, seramai 25 orang wanita telah diberikan latihan di dalam bidang kecantikan, jahitan dan juga bakeri. Manakala pada tahun 2020, DBKL telah mula memberikan beberapa premis unit kedai di bawah pengurusan DBKL dan akan diberikan juga kepada usahawan ibu tunggal yang dipilih untuk menjalankan operasi perniagaan.

Keduanya ialah memberikan hak kepada wanita dalam pemilikan Rumah Wilayah Prihatin, PPR ataupun PA. DBKL juga sedang mengkaji dan meneliti beberapa kaedah-kaedah tertentu bagi memastikan hak isteri terpelihara dengan memasukkan nama isteri dalam pemilikan. Ini untuk mengelakkan apabila berlaku penceraian dan sebagainya, rumah itu diberikan kepada suami sahaja. Kita hendak pastikan bahawa hak kaum wanita itu harus dijaga dan kita telah pun mengambil tindakan ini.

Ketiganya, adalah pelaksanaan Program MY5 ia program seperti *MYJob*, *MYSchoolBus*, *MYMedic*, *MYGrocer*, *MYFood*. Dalam ini kita mendapati golongan yang miskin di 178 kawasan perumahan rendah dan sederhana rendah telah pun mendapat manfaat dan kita sekarang sedang mengkaji bagaimana hendak memperbanyakkan lagi kawasan-kawasan ini agar ia dapat mencapai lebih ramai masyarakat yang betul-betul memerlukan.

Akhirnya adalah penyediaan tapak niaga. DBKL telah menyediakan sebanyak 1,122 tapak niaga untuk golongan muda berniaga termasuk kaum wanita. Program usahawan ini kalau kita mendapati sehingga hari ini telah mendapat sambutan yang baik iaitu sebanyak 1,785 permohonan dan terdapat sebanyak 683 orang wanita yang mohon. Ini kali pertamanya

kita mendapati bahawa terdapat begitu banyak permohonan daripada wanita ataupun sebanyak 38.6 peratus.

Maka DBKL mengambil keputusan tidak akan adakan sebarang kuota tetapi kita akan berikan mengikut kelayakan. Kalau semua 38.3 peratus itu layak, maka kita akan berikan untuk memastikan bahawa hak wanita itu dipertahankan di Kementerian Wilayah Persekutuan dan ia akan menjadi satu contoh untuk ataupun yang lain untuk ikuti.

Beralih kepada isu yang ketiga, isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu yang menyentuh mengenai isu gangguan bekalan air di Kuala Lumpur baru-baru ini. Isu yang dibawa ini adalah bertanyakan mengenai bekalan tetapi masalahnya terdapat dalam sumber dan saya cuba menjawab secara yang terbaik mungkin.

Pertama sekali, kita mendapati di Selangor di mana menjadi punca kita mendapatkan sumber iaitu di Sungai Gong di Rawang disebabkan pencemaran, maka terdapat gangguan. Maka, kita telah merangka strategi jangka panjang. Pertama sekali adalah untuk merangka perundangan bagi tujuan mengurus dan mengawal selia sumber air di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Perundangan yang ada pada masa ini adalah iaitu *Waters Act 1920 [Akta 418]*. Akta ini adalah akta pramerdeka ataupun begitu lama sekali yang tidak lagi relevan untuk dikuatkuasakan. Akta 418 ini satu lagi ialah ia tidak menyeluruh. Tidak menyeluruh dari segi tafsiran, pengurusan mahupun penguatkuasaan.

Oleh yang demikian, Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah kerajaan yang prihatin ini sebagai merangka satu strategi jangka panjang. Kita telah bercadang untuk mengubah satu rang undang-undang baharu untuk memastikan air sumber di Wilayah Persekutuan ini dikendalikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Cadangannya ialah untuk merangka perancangan jangka masa panjang untuk pastikan bahawa urusan pembekalan air di Kuala Lumpur, Putrajaya setelah tamatnya perjanjian air konsesi yang sedia ada iaitu pada tahun 2034. Maka, cadangannya adalah untuk penggunaan sepenuhnya sumber air yang sedia ada seperti air tasik, air sungai, lombong, air bawah tanah, termasuk juga dengan penggunaan teknologi baharu dan yang terkini untuk meningkatkan kualiti air dan seterusnya jadikan sebagai sumber bekalan air alternatif.

Pada masa yang sama, KWP juga ingin mengkaji kemungkinan untuk menawarkan sumber air tersebut sebagai konsesi air mentah kepada pihak operator yang sedia ada ataupun operator yang baharu.

Ketiganya adalah untuk mengkaji kemungkinan untuk mewujudkan sistem pembekalan air yang tersendiri yang melibatkan penubuhan sewaktu Perbadanan Pengurusan Air bagi Wilayah Persekutuan. Pada masa ini, Kuala Lumpur memerlukan hampir sebanyak 70 *million liter per day* untuk kegunaan Kuala Lumpur. Kita mendapati di mana kita

mendapat air bawah tanah yang kita ada boleh mendapat maksimum sebanyak *15 million liter per day*.

Apabila kita mengkaji semua dan sebagainya kita mendapati walaupun kita membuat segala usaha-usaha ini tetapi dengan pertambahan penggunaan air di Kuala Lumpur, maka mustahil untuk inisiatif yang baharu ini sahaja untuk memenuhi semua keperluan. Maka konsesi yang sedia ada dan juga sebagainya daripada Selangor akan terus kita pantau dan kita akan gunakan pada masa yang sama untuk mengelakkan dari berlakunya pemotongan sebanyak 100 peratus di Kuala Lumpur. Maka inisiatif ini akan membantu untuk memastikan kita mempunyai satu *backup plan* ataupun satu sumber baharu yang boleh digunakan juga.

#### ■1500

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu, seperti yang saya katakan tadi yang air ini terperingkat kepada dua. Satu, ialah sumber di mana daripada sungai dan juga sebagainya. Keduanya adalah dari segi bekalan ataupun edaran ataupun pembekalan.

Pada masa ini pembekalan ini adalah di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan juga di Kuala Lumpur ini kita ada perjanjian konsesi dengan tiga pihak. Satu adalah dengan kerajaan Selangor dan keduanya adalah dengan Kerajaan Persekutuan pada masa itu adalah KeTTHA, seterusnya KATS iaitu Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, dan ketiganya adalah konsesi ataupun operator seperti SYABAS yang mana perjanjian pada tahun 2005 dan ia telah diperbaharui dengan Air Selangor pada tahun 2018. Maka daripada tahun 2005 hingga ke 2034 selama 30 tahun. Maka itu adalah rancangan yang Kementerian Wilayah Persekutuan telah ambil di bawah kerajaan prihatin ini untuk strategi menyelesaikan masalah air jangka panjang.

Saya rasa, itu sahaja daripada saya Tuan Yang di-Pertua bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekian, Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Santhara Kumar yang mewakili Menteri Wilayah Persekutuan memberi jawapan dengan padat dan bernas.

Sekarang saya jemput pula Menteri Belia dan Sukan.

#### 3.01 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail

bin Ibrahim yang telah memberikan pandangan, pertanyaan dan cadangan berkaitan Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbincangan Titah Diraja. Secara keseluruhannya KBS menerima empat isu utama.

Pertama ialah isu-isu sukan dan melibatkan program pembangunan sukan di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui, negeri Sarawak telah berjaya melahirkan ramai bintang sukan bertaraf dunia seperti Pandelega Rinong, Bryan Nickson Lomas, Welson Sim, dan Bujang Taha.

Kementerian melalui Majlis Sukan Negara (MSN) terus berusaha untuk menyokong program pembangunan sukan di peringkat negeri bagi memastikan atlet pelapis dapat digilap untuk meneruskan kesinambungan atlet-atlet kebangsaan atau senior yang sedia ada. Namun kejayaan program bergantung kepada bantuan daripada pemegang taruh utama di peringkat negeri iaitu majlis sukan negeri dan persatuan sukan negeri. Kerjasama dan bantuan daripada Kementerian Pendidikan serta pihak berkuasa tempatan turut ditagih bagi memastikan kelancaran serta kelangsungan program.

Sehingga kini sebanyak 22 pusat latihan telah ditubuhkan di bawah program pelapis negeri bagi 14 jenis sukan di bawah 16 disiplin di seluruh negeri Sarawak seperti di Kuching, Miri, Sarikei dan Bintulu. Ini melibatkan 295 orang atlet yang menjalani latihan secara separa masa dan 18 orang jurulatih bertauliah.

Dalam usaha menjadikan pengumpulan bakat sukan, kementerian sentiasa menjalankan aktiviti sukan untuk semua di peringkat akar umbi. Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sarawak sentiasa menawarkan kerjasama dan khidmat nasihat kepada badan-badan sukan di peringkat daerah untuk program pembangunan sukan melibatkan belia. Contohnya, penganjuran bersama dan promosi, antaranya ialah pembangunan bola sepak, futsal, renang para, petanque, silat, *esport* dan sebagainya.

Bantuan turut diberikan untuk mencungkil bakat para belia di daerah-daerah, dengan izin, *talent scouting* yang melibatkan beberapa sukan teras, contohnya Kem Bakat Badminton, Kursus Struktur Kecergasan Senamrobik, pertandingan *esport*, Klinik *Pocket Bike*, *Motocross Championship*, Liga Sukan Untuk Semua, Hari Sukan Negara, Bulan Sukan Negara dan banyak lagi. Kerjasama turut melibatkan penyelarasan pasukan-pasukan tempatan bagi mewakili bahagian ke peringkat negeri dan seterusnya ke peringkat kebangsaan. Kementerian juga bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri, terutama pejabat residen dan pejabat daerah. Contohnya dalam penganjuran Samarahan *Bridge Half Marathon*, pertandingan *esport*, acara *fun run*, Pertandingan Orang Kuat dan Pertandingan Badan Cantik Mr. Simunjan dan lain-lain lagi.

Di bawah Pelan Strategik KBS 2016-2020, program-program pembangunan potensi dalam sukan seperti Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), sukan wanita, pembangunan sukan

Orang Kurang Upaya, sukan luar bandar, kem-kem bakat seperti badminton, bola sepak dan lain-lain telah diperkasa. Pemain, pengurusan dan jurulatih yang dikenal pasti akan diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi dan dilatih pihak Institut Sains Sukan dan Majlis Sukan Negara.

Program yang sama juga dijalankan di seluruh Sabah. Program-program yang direncanakan juga bertujuan menyediakan platform yang luas untuk belia-belia yang berpotensi untuk menyerlahkan bakat serta mengatasi kekangan seperti kewangan, penajaan, peluang pertandingan dan kedudukan geografi. Isu yang kedua adalah melibatkan rundingan Sekolah Sukan Malaysia di Sarawak.

Adalah persoalan ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang rundingan antara Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Sukan Malaysia di Sarawak. Sekolah Sukan Malaysia adalah ditadbir secara langsung oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Buat masa ini tiada sebarang makluman atau perbincangan rasmi antara Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan dalam hal ini. Walau bagaimanapun, kementerian ini komited untuk menyokong sebarang inisiatif seperti pembangunan sekolah sukan di negeri Sarawak.

Isu yang ketiga ialah melibatkan kemudahan sukan. Tuan Yang di-Pertua, menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin tentang permohonan peruntukan bagi penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) Kelantan 2024. Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kemudahan sukan di seluruh negara berada pada tahap terbaik. Pelbagai kemudahan sukan sedang dan akan dinaiktarafkan berdasarkan keperluan dan permohonan yang diterima. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Kelantan telah diberikan hak untuk menganjurkan Sukan Malaysia bagi tahun 2024.

Sebagai tuan rumah, kerajaan negeri Kelantan akan menentukan *venues* yang akan diguna pakai untuk penganjuran temasya tersebut sebelum sebarang pembinaan atau proses menaik taraf dilakukan. Kerajaan negeri juga melalui kementerian telah memohon peruntukan naik taraf Stadium Sultan Muhammad IV, manakala peruntukan bagi Kompleks Sukan Bukit Merbau, Pasir Putih masih dalam perancangan. Kerajaan Negeri Kelantan juga telah mengenal pasti sebuah kawasan seluas 260 ekar untuk dibangunkan sebagai *Kelantan Sport City* yang juga berkait rapat dengan persediaan SUKMA 2024 nanti.

Kementerian Belia dan Sukan sedang meneliti cadangan-cadangan yang diberikan untuk diangkat kepada Jemaah Menteri. Memandangkan negeri Kelantan mempunyai tempoh empat tahun lagi bagi penganjuran SUKMA 2024, Kerajaan Negeri Kelantan bersama-sama pihak kementerian sedang mengadakan perbincangan lanjut bersama Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Segala kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak EPU.

Isu yang terakhir adalah berkenaan isu kemahiran, iaitu sumbangan pegawai latihan vokasional semasa tempoh PKP, PKPB dan PKPP. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan berkenaan sumbangan pegawai latihan vokasional semasa tempoh PKP ini. Kementerian Belia dan Sukan melalui 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) iaitu Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG) menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari tahap satu hingga tahap lima.

ILKBS juga menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia, Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta pensijilan profesional. KBS telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di ILKBS secara dalam talian- *online* semasa tempoh PKP dilaksanakan bermula pada 18 Mac 2020 yang lalu.

Kelas teori dilaksanakan melalui aplikasi *Google Classroom, Zoom, Skype, Whatsapp group, Telegram* dan *web based learning* di semua ILKBS. Manakala kelas praktikal dan latihan amali telah bersambung pada kemasukan selepas PKPB iaitu secara berperingkat pada 20 Julai, 1 September dan 28 September akan datang. Sesi pengajian 1/2020 telah dipanjangkan sehingga bulan Disember 2020. Ini membolehkan pelajar melengkapkan pembelajaran dan menduduki peperiksaan.

#### ■1510

Selain itu, ILKBS telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan kursus-kursus *online* bagi peserta luar sepanjang PKP. Selain itu juga, untuk mencegah penularan wabak COVID-19, ILKBS sentiasa merujuk pihak-pihak berkuasa yang terlibat seperti Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, pelajar juga turut terlibat dalam menyebarkan keperluan amalan ini melalui video kreatif yang dihasilkan serta dikongsi kepada warga institut. KBS juga memastikan semua ILKBS mematuhi Garis Panduan Pengurusan Institut Latihan Kemahiran Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia kepada semua institut latihan pada 22 Jun yang lalu. Lawatan pemantauan garis panduan tersebut telah dilaksanakan pada 18 dan 19 Ogos yang lalu di tiga buah ILKBS dan akan dilaksanakan di semua ILKBS bagi memastikan setiap ILKBS mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sejak kemasukan semua pelajar secara berperingkat, sanitasi sentiasa diutamakan dengan penggunaan *hand sanitizer, face mask* dan bahan disinfeksi yang disediakan untuk semua warga. Agensi TVET di bawah KBS turut menghasilkan bahas *Personnel Protective Equipment (PPE)* secara *in-house*. Selain untuk kegunaan dalaman, Kementerian Kesihatan dan MKN turut menerima sebanyak 80 ribu unit PPE untuk manfaat pekerja barisan hadapan.

Setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan ke atas cadangan, pandangan dan pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap usaha-usaha kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal, Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Beliau telah menjawab dengan padat dan kemas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sekarang saya jemput pula nombor 17, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Silakan.

### **3.12 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Tuan Ali anak Biju]:** Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sepanjang tempoh ini. Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja di dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara pada kali ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai empat Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan empat isu yang berkaitan dengan bekalan elektrik, perhutanan dan biodiversiti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi ulasan dan pandangan terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan pada sesi perbahasan kali ini. Sektor tenaga, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) komited dalam menyokong usaha kerajaan memastikan industri berkenaan elektrik negara diurus secara strategik bagi menjamin perkhidmatan bekalan elektrik yang berdaya harap, mampu bayar dan lestari serta tabir urus sumber asli yang bersepadu berteraskan penggunaan sumber secara cekap dan optimum. Oleh itu, dalam memastikan bekalan tenaga elektrik terjamin, kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan dipastikan berada pada tahap yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon izin untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin secara bersekali. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari memohon supaya kerajaan menambah peruntukkan pembangunan bagi meningkatkan infrastruktur bekalan elektrik di Kelantan.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin mohon supaya kerajaan menyatakan apakah perkembangan projek pembinaan Empangan Nenggiri di Kelantan. Kedua, apakah langkah-langkah mitigasi yang telah diambil untuk mengawal impak ekosistem dan rancangan pembangunan impak ekonomi seperti pelancongan dan lain-lain di

persekitarannya. Ketiga, apakah status rundingan penempatan semula Orang Asli yang terjejas dengan pembinaan empangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan pada 28 November 2019 telah bersetuju untuk meneruskan pembinaan Loji Jana Kuasa Hidro Elektrik Nenggiri dengan kapasiti 300 megawatt di Sungai Nenggiri Kelantan. Projek ini akan dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad dengan kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada tahun 2022 dan tarikh operasi komersialnya pada tahun 2027.

Fungsi utama projek ini adalah untuk menjana tenaga melalui sumber hidro. Namun, dengan adanya empangan ini ia secara tidak langsung akan membantu mengawal aliran air dari hulu sungai ke Sungai Kelantan dan seterusnya mampu untuk membantu menangani masalah banjir di negeri Kelantan terutamanya semasa musim tengkujuh. Empangan ini akan dapat mengurangkan kesan kemusnahan banjir seperti yang berlaku pada tahun 2014 dan memberi lebih masa kepada penduduk untuk lebih bersedia menghadapi keadaan banjir yang buruk.

Selain itu, air yang dilepaskan daripada empangan utama semasa penjanaan akan ditakung di dalam kolam pengatur aliran sebelum dilepaskan secara konsisten sepanjang tahun. Ini membolehkan air tersebut digunakan untuk keperluan bekalan air terawat domestik di kawasan hiliran empangan terutamanya pada musim kemarau. Oleh itu, pembangunan Loji Jana Kuasa Hidro Elektrik Nenggiri ini juga merupakan strategi serampang dua mata yang membantu dalam usaha menangani isu-isu banjir dan bekalan air terawat di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan empangan dan loji jana kuasa hidro elektrik di Semenanjung adalah tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Pada Alam Sekeliling) 2015. Di bawah perintah ini, pihak pelaksana projek perlu menjalankan *Environmental Impact Assessment* (EIA), dan *Social Impact Assessment* (SIA) untuk melihat kesan pembinaan empangan terhadap pelbagai aspek alam sekitar dan sosioekonomi para penduduk. Dalam membuat hubungan ini, EIA telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 13 April 2018 dan SIA pada 11 Julai 2019 oleh PLANMalaysia.

Cadangan tapak ini melibatkan lebih daripada seribu orang penduduk asli tempatan. Pada tahun 2015 dan tahun 2018, pihak TNB telah menjalankan *Public Acceptance Survey and Social Impact Assessment* (PASIA), dan *Social Impact Assessment* (SIA) terhadap sejumlah 167 orang ketua isi rumah pada tahun 2015 dan seramai 215 orang isi rumah pada tahun 2018 kepada penduduk asli yang tinggal berhampiran ditapak projek berkenaan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh perunding bertauliah, didapati bahawa tiada penentangan yang kuat terhadap pembinaan Empangan Nenggiri dan kadar sokongan adalah

melempi piawaian yang diguna pakai untuk pembangunan projek yang mempunyai impak sosial.

Bagi memastikan kebajikan penduduk Orang Asli di kawasan tersebut berjaga dengan baik, TNB juga perlu mematuhi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan Ke-6 (2017) yang mewajibkan TNB memindahkan penduduk Orang Asli yang terlibat dengan pelaksanaan projek ini dengan kos pemindahan dan pembangunan penempatan semula dibiayai penuh oleh TNB. Dalam hubungan ini, Orang Asli yang terkesan daripada projek ini akan dipindahkan ke lokasi penempatan semula mereka yang telah dipersetujui sendiri oleh masyarakat Orang Asli di situ dan lokasi tersebut juga telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Yang Berhormat, mohon mencelah boleh tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Boleh? Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, semasa kerajaan terdahulu, perkara-perkara baharu telah dibawa kepada perhatian kerajaan terutamanya tentang terdapatnya tapak warisan masyarakat orang asli yang melebihi seribu tahun dan tiada apa-apa langkah yang boleh diambil untuk menyelamatkan tapak-tapak warisan tersebut.

Jadi, dalam kerajaan kini, adakah kerajaan telah mengambil kira tapak warisan ini yang tidak dapat diselamatkan dan saya juga dapat tahu ramai Orang Asli di situ yang sebenarnya tidak bersetuju dengan cadangan projek tersebut. Projek tersebut juga bukannya suatu keperluan bagi masyarakat orang Kelantan kerana isu masalah banjir ini boleh ditangani dengan cara-cara lain selain daripada membina empangan tersebut. Jadi, apakah komen Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

■1520

**Tuan Ali anak Biju:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan tapak warisan Orang Asli yang berusia lebih 1000 tahun ini, saya sebenarnya belum ada perincian mengenai usaha tersebut maka saya akan memberi jawapan secara bertulis mengenai isu tersebut.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh mencelah, Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Boleh tak Yang Berhormat beritahu keluasan yang akan terlibat dalam empangan ini, berapa ribu hektar akan ditenggelamkan?

**Tuan Ali anak Biju:** Memandangkan projek ini masih di peringkat permulaan, masih dalam kajian kawasan dia, maka keluasan yang sebenar yang akan ditenggelami ini akan diketahui kemudian. Saya akan maklumkan Yang Berhormat sekiranya ada apa-apa maklumat mengenai kawasan yang akan ditenggelami air ini.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Yang Berhormat, lagi satu perkara. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara, sedikit sahaja. Dalam memberi pampasan kepada masyarakat Orang Asli ini, dalam kerajaan terdahulu, saya sendiri telah mencadangkan supaya sekiranya keputusan diambil untuk meneruskan dengan projek tersebut, maka Orang-orang Asli ini perlu diberikan suatu ekuiti ataupun satu *share* dalam projek tersebut supaya mereka mendapat manfaat yang sepenuhnya, bukan hanya memberi ganti rugi *one-off* ataupun pemindahan ke kawasan lain dan sedikit wang.

Jadi adakah kerajaan masih akan *consider*, dengan izin, cadangan kerajaan terdahulu untuk memberikan ekuiti kepada mereka? Terima kasih.

**Tuan Ali anak Biju:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan ekuiti yang diutarakan tersebut, saya masih belum mendapat jawapan daripada pihak kerajaan. Maka, saya akan memberi jawapan yang bertulis juga. Akan tetapi walau bagaimanapun, ada banyak jawatankuasa yang melibatkan Orang Asli di dalam projek ini iaitu Jawatankuasa Kecil Pampasan dan Penempatan Orang Asli, Jawatankuasa Sehenti Isu Orang Asli dan Sekretariat Pemantauan Isu Orang Asli di peringkat akar umbi. Maka segala isu yang diketengahkan dan dibahaskan akan dibicarakan, dilibat uruskan di dalam kesemua jawatankuasa tersebut.

Sektor sumber asli. Tuan Yang di-Pertua, peningkatan permintaan terhadap sumber mineral biodiversiti dan perhutanan dijangka akan terus meningkat dengan pertambahan penduduk serta perkembangan ekonomi berasaskan ketiga-tiga sumber ini. Penerokaan peluang ekonomi baharu berasaskan sumber asli juga membuka ruang kepada penjanaan kekayaan negara. Pada masa yang sama, pendekatan turut diberikan dalam mengimbangi pembangunan fizikal dan ekonomi negara dengan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber asli di negara ini.

Pengiktirafan Malaysia sebagai salah sebuah daripada 12 buah negara mega kepelbagaian biodiversiti di dunia perlu dikekalkan dengan memanfaatkan kekayaan biodiversiti ini secara lestari supaya berkekalan untuk manfaat generasi yang akan datang. Malaysia juga komited untuk melaksanakan segala keputusan yang dipersetujui di pelbagai konvensyen dan persidangan di peringkat serantau dan antarabangsa berkaitan pengurusan sumber asli.

Isu biodiversiti. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat mohon kerajaan supaya membuat kajian serta mencari kaedah yang sesuai bagi mengekalkan spesies Burung Botak Upeh ataupun *Asian Openbill Stork*, sejenis burung hijrah di kawasan sawah padi di negeri Perlis bagi membasmi populasi siput gondang yang merupakan ancaman utama kepada penanaman padi.

Tuan Yang di-Pertua, nama sebenar Burung *Asian Openbill Stork* atau nama saintifiknya *Anastomus oscitans* adalah Burung Botak Asia dan bukannya Burung Botak

Upeh. Burung ini tidak dilindungi di bawah Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] kerana tidak dikategorikan sebagai burung hijrah sebelum tahun 2013.

Bukan spesies tempatan dan tidak disenaraikan di bawah Konvensyen Antarabangsa Mengenai Spesies Flora dan Fauna Terancam. Menurut rekod Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), burung ini dilihat telah bermigrasi ke Semenanjung Malaysia dalam bilangan yang banyak dan menggunakan sawah padi sebagai habitat utama di Semenanjung Malaysia sejak 2013.

Sehingga kini, burung ini telah menjadikan Semenanjung Malaysia sebagai habitat tetap dan menjadi burung berstatus residen. Musim penghijrahan burung ini adalah pada bulan September hingga April setiap tahun. Bagaimanapun, burung ini dilihat telah bermigrasi keluar dari Semenanjung Malaysia secara besar-besaran dalam kumpulan yang besar pada tahun 2020 seperti yang dilaporkan di akhbar tempatan dan sosial media.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan PERHILITAN akan menjalankan kajian dengan lebih lanjut mengenai spesies ini seperti taburan, ancaman dan fungsi ekologi termasuk faktor yang mempengaruhi migrasi. Selain itu, kementerian akan bekerjasama dengan Jabatan Pertanian bagi mengkaji peranan Burung Botak Asia sebagai agen pengawal biologi terhadap siput gondang di sawah-sawah padi di seluruh Semenanjung Malaysia dan program kesedaran awam dalam kalangan pesawah dan masyarakat setempat.

Isu perhutanan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya mohon kerajaan untuk melaksanakan satu kerangka kewangan inovatif bertujuan menyediakan insentif kewangan kepada semua kerajaan negeri bagi melindungi dan memelihara kawasan berhutan. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan menyedari bahawa usaha mengekal dan mengurus hutan memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua kerajaan negeri sama ada daripada segi kewangan, sumber manusia dan sumber hasil yang terpaksa dilepaskan.

Sehubungan itu, kerajaan sedang membangunkan kerangka kewangan alternatif yang dikenali sebagai Kerangka Kewangan (REDD) Plus (*REDD+ Finance Framework*). Ia merupakan satu inisiatif kewangan bagi membantu kerajaan negeri mendapatkan sumber kewangan untuk aktiviti mengekal, memelihara, melindungi serta mengurus hutan secara berkekalan. *REDD+ Finance Framework* ini akan membawa masuk sumber dana pihak swasta melalui penjualan Sijil Pemeliharaan Hutan (FCC), dan Sijil Offset Karbon Hutan (FCO). Dana tersebut akan disalurkan kepada kerajaan negeri bagi usaha pemeliharaan dan pengurusan hutan masing-masing dan bukan sebagai pampasan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada Mesyuarat ini. Saya berharap daripada penjelasan ini, ia dapat menjawab soalan-soalan

yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh saya pada kali ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ali anak Biju, Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Terima kasih banyak. Jawapannya tepat dan padat.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Silakan.

**3.29 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]:** *Assalamualaikum warahmatullah* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan penggulungan Titah Diraja 2020 dalam Dewan yang mulia ini.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan penghargaan kepada lima Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan membawa isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri semasa membahaskan Titah Diraja iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang; Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah; dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose.

■1530

Isu-isu yang mereka berlima bangkitkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkaitan dengan isu Laut China Selatan, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan isu konflik di antara Palestin dan Israel.

Pertamanya, saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali kerana membangkitkan isu berkaitan dengan isu Laut China Selatan. Memandangkan bahawa soalan ini telah pun saya jawab di sebelah pagi tadi, oleh sebab itu, kalau saya meneruskan ulasan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali ini, ianya semata-mata mengulangi apa yang saya telah bentangkan pagi tadi. Saya mohon persefahaman Yang Berhormat Senator Datuk Razali dan

juga keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk saya tidak mengambil masa terlalu panjang dan menjawab soalan ini, kalau dibenarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih begitu, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator.

Begitu juga yang keduanya iaitu isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Kita mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan juga Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose kerana membangkitkan isu ini.

Kita juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose kerana telah memberikan sokongan terhadap kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Malaysia tidak akan tunduk terhadap mana-mana tuntutan terhadap negeri Sabah dan tidak kompromi terhadap apa sahaja isu yang melibatkan kedaulatan negeri Sabah serta akan mempertahankan Sabah sehingga ke akhir.

Seperti juga isu yang kita sebut berkaitan dengan isu Laut China Selatan tadi, isu berkaitan tuntutan Filipina ke atas Sabah ini sudah pun kita bahaskan di Dewan yang mulia ini apabila ada usul tergepar berkaitannya dan Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang membangkitkannya dan ada empat lagi Yang Berhormat Senator yang telah turut berbahas.

Ulasan saya, walaupun saya teruskan jawapan ini, ia adalah hampir dan lebih kurang sama dengan apa yang telah pun kita bahaskan tempoh hari. Saya sekali lagi memohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua supaya tidak perlu lagi saya ulangi ulasan sebagaimana yang saya telah berikan pada tempoh hari.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, isu yang ketiga yang dibangkitkan yang berkaitan dengan peranan Kementerian Luar Negeri ialah berkaitan dengan isu-isu konflik Israel-Palestin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator sahabat saya, Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah dan juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menerusi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan pada 15 Ogos 2020 yang berpandangan bahawa keputusan untuk normalisasi hubungan Israel oleh Emiriah Arab Bersatu (UAE) adalah merupakan hak kedaulatan negara tersebut. Pendirian kerajaan ini iaitu pendirian Kerajaan Malaysia kekal bagi mana-mana negara yang berhasrat mempunyai hubungan dengan Israel.

Tanpa mengira hubungan-hubungan negara-negara lain dengan Israel, pendirian Malaysia dalam isu Palestin tetap konsisten dan berprinsip. Malaysia tetap berpegang kepada

pendirian yang sama sejak sekian lama bahawa pembentukan negara berdaulat Palestin yang bebas melalui penyelesaian dua negara atau, dengan izin, *two states solution* berdasarkan sempadan sebelum tahun 1967 dengan Baitulmuqaddis sebagai ibu kota Palestin merupakan satu-satunya sahaja penyelesaian terhadap konflik Palestin-Israel.

Malaysia menentang pelan haram dan unilateral oleh rejim Israel untuk melaksanakan rancangan pengilhakan atau, dengan izin, *annexation* sebahagian wilayah Palestin yang diduduki di Tebing Barat. Pendirian tegas Malaysia ini tidak akan berubah demi mencapai penyelesaian yang adil dan berkeadilan khususnya menerusi rundingan melibatkan pihak-pihak yang berkaitan berdasarkan kepada undang-undang antarabangsa serta resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang relevan.

Dalam konteks usaha yang diambil oleh Malaysia dalam membela nasib rakyat Palestin, Kerajaan Malaysia sememangnya amat konsisten dalam pendekatannya apabila berhadapan dengan isu-isu yang melibatkan Palestin ini. Sejak dahulu lagi Kerajaan Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Palestin dan perjuangan rakyatnya sama ada dari segi politik, ekonomi dan kemanusiaan.

Baru-baru ini, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama pihak Parlimen dan Kedutaan Besar Palestin di Malaysia telah menganjurkan kempen, dengan izin, *Unite for Palestine* di Bangunan Parlimen kita ini. Kempen ini adalah bertujuan untuk memberi pencerahan kepada Ahli-ahli Parlimen mengenai situasi serta sokongan rakyat Malaysia dan Ahli-ahli Parlimen Malaysia terhadap Palestin.

Tambahan itu, Kementerian Luar Negeri sedang dalam proses untuk menubuhkan Unit Palestin di Kedutaan Besar Malaysia di Amman, Jordan selain daripada melantik Konsul Kehormat di Ramallah dan Gaza di Palestin itu.

Selain itu, Malaysia sentiasa lantang mengutuk tindakan Israel yang menindas rakyat Palestin serta mencabul hak mereka di peringkat antarabangsa melalui platform-platform Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC), dan juga Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM).

Antara kejayaan signifikan dan bersejarah untuk rakyat Palestin adalah penerimaan pakai Resolusi 2334 pada 23 Disember 2016 oleh Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai penempatan haram Israel di wilayah jajahan Palestin. Inisiatif resolusi ini diterajui oleh Malaysia sebagai anggota Majlis Tidak Tetap atau *Non-Permanent Member*, dengan izin, Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dari tahun 2015 hingga 2016 bersama-sama dengan New Zealand, Senegal dan Venezuela. Ini merupakan kali pertama Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu menerima pakai resolusi mengenai penempatan

haram Israel setelah kali terakhir ianya diterima pakai ialah 37 tahun sebelumnya iaitu pada tahun 1980.

Jadi, inilah ulasan daripada pihak Kementerian Luar Negeri, Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak Yang Berhormat Mulia Senator Dato' Raja bangun. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ada soalan?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Ada. Saya ingin mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri.

Kita memang akui bahawa kerajaan telah mengadakan atau membuat kenyataan pada lebih kurang pertengahan bulan Ogos, tetapi apa yang saya maksudkan apabila saya berucap tentang isu ini adalah peranan Malaysia, peranan tradisi Malaysia sebagai pembela kuat Palestin telah bermula sejak begitu lama sejak penubuhan OIC di mana Malaysia merupakan tonggak utama. Kebelakangan ini tidak kelihatan Malaysia begitu bersemangat seperti pernah dilakukan dahulu. Itulah yang menghampakan banyak pihak-pihak pembela Palestin termasuk rakyat Palestin sendiri kenapa Malaysia tidak lebih agresif.

Kita akui bahawasanya adalah hak negara tertentu seperti UAE dan baru-baru ini Bahrain pula yang telah mengiktiraf Israel tetapi kita perlulah memberi lebih sokongan moral walaupun mungkin tidak melalui tindakan diplomatik kerana kita perlu membuktikan atau menunjukkan simpati setia kawan kepada kaum yang tertindas yang selama ini kita membela dengan begitu kuat.

Jadi, saya rasa memanglah di saat-saat begini, rakyat Palestin dan seluruh rakyat Islam seluruh dunia mengharapkan sokongan yang lebih kuat diberi secara terbuka. Walaupun tidak melalui *official diplomatic channel* tetapi sekurang-kurangnya kita memberi lebih *prominence* atau keutamaan atau penonjolan melalui media-media kita.

Akan tetapi malangnya, kebelakangan ini, keadaannya begitu hambar dan tidak seperti dahulu. Itulah yang menjadi harapan kita supaya kerajaan memberi lebih perhatian dan lebih bersungguh-sungguh menonjolkan keprihatinan kita kepada rakyat Palestin supaya mereka tidak ingat atau merasa mereka telah dilupai. Terima kasih sahabat saya.

■1540

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Dato' Kamarudin Jaffar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah. Saya amat yakin bahawa walaupun mungkin tindakan kita, pendirian kita dan langkah-langkah kita

tidak mungkin ditafsirkan sebagai seperti yang sebelumnya tetapi yakinlah Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, bahawa tindakan kita, pendirian kita dan apa yang kita sedang dan akan lakukan adalah, kalaulah tidak lebih daripada yang sebelum ini, ia adalah sama sebagaimana yang menjadi tradisi kerajaan kita. Bukan sahaja dalam bidang diplomasi tetapi dalam bidang kemanusiaan juga seperti sokongan dan bantuan kita kepada rakyat Palestin yang terjejas dengan menjadi mangsa kepada bukan sahaja serangan oleh Israel tetapi juga penyakit, wabak COVID-19 ini. Jadi, yakinlah Yang Berhormat Senator bahawa ini masih pendirian kita dan ia akan berkekalan selagi kita kekal menjadi kerajaan dalam negara kita ini.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa kita bersedia untuk mendengar dan mengambil perhatian tentang cadangan, kritikan dan juga teguran untuk memastikan Kementerian Luar Negeri kekal memainkan peranan untuk mempertahankan negara kita di medan antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Kamarudin Jaffar, yang telah memberi penerangan begitu terang dan jelas mengenai Kementerian Luar Negeri kita. Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

**3.42 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Usul Perbahasan Titah Diraja di Dewan Negara bagi Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang telah membangkitkan pertanyaan berhubung tindakan kementerian di dalam pencarian vaksin COVID-19. Ahli-ahli Yang Berhormat, vaksin merupakan antara sumbangan terbesar perubahan moden kepada manusia, memberikan intervensi yang efektif dan mengawal penyakit yang boleh menyebabkan kematian.

Walau demikian, penyakit berjangkit masih boleh membunuh jutaan orang setiap tahun. Pembangunan dan penghasilan vaksin merupakan proses yang rumit dan mengambil masa yang sangat lama. Pembangunan vaksin manusia daripada peringkat konsep

sehinggalah pelesenan, kebiasaannya mengambil masa sehingga 15 tahun. Di dalam kes COVID-19, Malaysia sedang mengkaji maklumat genetik virus SARS CoV-2 melalui penjujukan genom. Kandungan maklumat genom diperlukan bagi memahami epidemiologi tempatan dan sebelum kajian ke atas penghasilan vaksin tempatan dapat dijalankan. Berkemungkinan virus SARS CoV-2 yang menyerang warga Malaysia berbeza dengan serangan yang berlaku di negara-negara yang lain.

Sehingga kini, Malaysia telah menjujuk lebih daripada 100 genom virus SARS CoV-2 yang dipencilkan daripada kes-kes COVID-19 di dalam negara kita. Data telah didepositkan ke pangkalan data *Global Initiative on Sharing All Influenza Data* (GISAIID) yang boleh diakses melalui laman sesawang [www.gisaid.org](http://www.gisaid.org)

Kajian berkemungkinan berlaku mutasi ke atas genom virus SARS CoV-2 sedang giat dijalankan. Pendekatan Malaysia di dalam hal ini iaitulah melalui usaha sama Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Luar Negeri melalui diplomasi sains adalah dengan berkolaborasi dengan negara-negara lain di dalam menjalankan penyelidikan bersama dengan pusat-pusat vaksin antarabangsa.

Ia adalah untuk memudahkan dan untuk mempercepatkan pemerolehan pengetahuan teknologi vaksin, latihan sumber manusia dan pengembangan kepakaran yang spesifik. MOSTI turut giat menyelaraskan kerjasama dengan institusi penyelidikan di dalam mengenal pasti calon vaksin COVID-19 yang sedang giat dibangunkan di Fasa 3 di seluruh dunia. Fasa 3 ini ialah fasa klinikal di beberapa buah negara yang sedang dilaksanakan untuk kemudiannya dipertimbangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tindakan susulan selepas calon vaksin dikenal pasti adalah untuk pengeluaran vaksin di dalam negara menerusi model perniagaan secara perkongsian awam persendirian iaitu, dengan izin, *public private partnership*. Seperti yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Majlis Sains Negara, Bilangan 2, Tahun 2020 pada 14 Julai 2020.

Hasil daripada input ini akan digunakan untuk menentukan ketersediaan atau, dengan izin, *readiness* pelaksanaan *fill and finish*, dengan izin, dan kapasiti bagi calon vaksin COVID-19 ini. Walau bagaimanapun, pemerolehan vaksin sama ada dengan pelaksanaan *fill and finish*, dengan izin, atau pembelian bergantung kepada Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu entiti yang akan memutuskan jenis vaksin yang akan diterima pakai di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya mengulas mengenai gesaan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh supaya kerajaan memperluaskan penggunaan teknologi dron di dalam revolusi pertanian moden bagi memastikan bidang pertanian yang mapan, meningkatkan status pendapatan usahawan tani, meningkatkan kualiti dan hasil serta mengurangkan kos.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penggunaan teknologi baharu seperti penggunaan dron di dalam sektor pertanian merupakan salah satu inovasi di dalam merevolusikan industri pertanian supaya lebih berdaya saing di dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pertanian dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan serta ekonomi para petani secara amnya dan negara secara khususnya.

Teknologi kecerdasan buatan dan dron sebagai contoh, dapat digunakan untuk pemetaan, pengiraan bilangan pokok atau tanaman dan penyemburan racun serangga. Penggunaan teknologi baharu seperti dron ini dapat membantu serta memperkasakan para petani ke arah pertanian moden melalui konsep pertanian pintar atau, dengan izin, *smart farming* iaitu mengintegrasikan teknologi terkini di dalam membantu para petani untuk melaksanakan pertanian dengan lebih berkesan, kos yang lebih efektif dan cepat. Selain itu, melalui penggunaan teknologi dron ini juga akan menarik minat lebih ramai kalangan golongan muda untuk turut terlibat di dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, MOSTI melalui Agensi Angkasa Lepas Malaysia (MYSA) telah memulakan inisiatif penyelidikan dan pembangunan di dalam bidang teknologi dron dan *remote sensing* semenjak daripada tahun 2008 lagi. MYSA telah pun memulakan inisiatif mengaplikasikan teknologi dron di dalam bidang pertanian berkaitan komoditi yang dilihat berpotensi untuk diperluaskan lagi kepada jenis tanaman lain menerusi jaringan kerjasama, kolaborasi dengan institusi pertanian yang berkaitan. Terkini, MYSA bersama dengan Lembaga Lada Malaysia telah memulakan inisiatif mengaplikasikan teknologi satelit dan dron di dalam bidang pengusahaan komoditi yang mana data cerapan satelit dan dron digunakan di dalam urusan pemantauan dan pengurusan penanaman lada hitam.

Sehingga kini, dianggarkan seluas 30 ekar kawasan tanaman lada di selatan Semenanjung Malaysia telah pun dibuat melalui pemantauan menggunakan teknologi dron. Di bawah Program Pengkomersialan Nano Teknologi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) Nano Malaysia Berhad telah menjalinkan usaha sama pintar bersama syarikat pembina dron tempatan untuk membangunkan dron yang dikuasakan oleh sel bahan api- *fuel cells* dengan sistem penjanaan hidrogen secara *on board*, dengan izin, dengan bantuan nano teknologi.

#### ■1550

Penggunaan sistem penjanaan hidrogen yang novel ini akan mengurangkan berat dron secara keseluruhan dan seterusnya membolehkan masa penerbangan empat kali lebih lama berbanding dengan dron konvensional yang biasa digunakan pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS) yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun yang lalu merupakan suatu platform bagi

mempercepatkan proses penciptaan, penerimaan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan khususnya di dalam sektor pertanian melalui penggunaan teknologi dron. Bagi fasa pertama pelaksanaan NTIS, keutamaan diberikan kepada lima bidang sektor termasuklah sektor pertanian yang kita perkatakan pada hari ini.

Di bawah inisiatif NTIS juga, MOSTI dan badan-badan pengawal selia berkaitan Kementerian Pengangkutan (MOT), *Civil Aviation Authority of Malaysia* dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia sedang bekerjasama untuk menambah baik serta mengkaji akta, peraturan yang sedia ada berkaitan dron bagi menggalakkan lagi perkembangan industri ini. Antara projek perintis NTIS ini adalah penggunaan dron di ladang kelapa sawit Ijok di Kuala Selangor untuk aktiviti semburan racun serangga. Melalui penggunaan dron tersebut, ianya telah dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga kerja warga asing serta menarik minat warga tempatan untuk bekerja di dalam sektor pekerjaan 3D- kotor, bahaya dan sukar ini melalui permodenan alat-alat yang digunakan misalnya dron ini.

Selain itu antara projek NTIS di dalam sektor agromakanan pula adalah kerjasama strategik MOSTI dan FELDA untuk membangunkan dan mengkomersialkan robot semburan baja dan racun serangga, dron pemetaan dan sistem *aquaculture* pintar berasaskan kecerdasan buatan yang melibatkan peneroka-peneroka FELDA. Teknologi yang masih perlu di ujian lapangan akan dibiayai melalui NTIS yang dilancarkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pada masa ini MOSTI sedang membentuk satu kumpulan pakar pembangunan teknologi, dengan izin, *expert group technology development* di dalam bidang teknologi dron. Kumpulan pakar bagi teknologi dron yang dibentuk ini akan memberikan nasihat, pandangan berkaitan dron dan sebagai kumpulan rujukan MOSTI untuk penerokaan teknologi yang berbentuk *industry driven*, dengan izin, atau didorong oleh industri dan teknologi memunculkan atau, dengan izin, *emerging technology*.

Keahlian bagi EGTD bagi teknologi dron ini akan terdiri daripada tokoh dan pemain industri, akademia, pakar-pakar, wakil-wakil kementerian, jabatan, agensi kerajaan dan pihak-pihak lain yang berkaitan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing. EGTD bagi teknologi dron yang dibentuk ini akan mencadangkan projek-projek untuk menyokong *National R&D&C&I, top down programme*, dengan izin, di samping memantau, menilai dan menyelaras keseluruhan aktiviti pembangunan teknologi strategik di dalam bidang teknologi dron selaras dengan bidang keutamaan yang digariskan di dalam rangka kerja *10 to 10 STIE*, sains, teknologi, inovasi dan ekonomi.

Sebagai penutupnya sekian sahajalah maklum balas saya tentang isu-isu di bawah MOSTI yang telah dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat di dalam Perbahasan Titah Diraja di Dewan Negara, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas ini, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil

bahagian di dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed yang mewakili Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi tadi dan terima kasih atas jawapan yang panjang lebar dan padat ya, terima kasih banyak.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara iaitu ada di sini ya. Silakan.

### 3.54 ptg

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Menteri Perpaduan Negara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam Sejahtera, Salam Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada 14 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan yang ada kaitannya dengan kementerian saya.

Izinkan saya untuk menyebutkan satu persatu Tuan Yang di-Pertua, iaitu Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim bin Abu Shah; Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin; Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair; Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy; Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing; Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew; Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; dan Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

Mereka telah pun mengambil bahagian membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dalam perbahasan Titah Diraja. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada persoalan ini dan sekiranya kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya jawab bersekali ada, saya jawab dan sekiranya ada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat yang berasing daripada kluster bersama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya akan jawab bertulis sekiranya ahli Yang Berhormat Senator yang berkenaan tidak ada dalam Dewan.

Yang pertama persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, Yang Berhormat Senator Tuan Suresh Singh dan Yang Berhormat Prof. Emeritus

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah berkaitan dengan isu usaha untuk mengatasi isu perkauman yang telah pun dibahaskan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memaklumkan, Kementerian Perpaduan Negara ini telah pun ditubuhkan bermula pada 10 Mac 2020 dan telah pun mula mengambil langkah, walaupun baru enam bulan ditubuhkan, telah pun mengambil beberapa langkah untuk kita terus memupuk dan menggerakkan perpaduan kaum di Malaysia.

Antaranya yang pertama ialah merangka Dasar Perpaduan Negara untuk memayungi semua inisiatif dan perancangan strategik kementerian seperti menubuhkan yang pertama Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang berperanan menasihati kerajaan dalam hal ehwal perpaduan dan integrasi nasional.

Yang kedua menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara. Bagi Majlis Penasihat Perpaduan Negara ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kluster Sosial iaitu Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia. Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara dipengerusikan oleh saya dan dianggotai oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat Exco-Exco Perpaduan daripada semua negeri termasuk daripada negeri Pulau Pinang, negeri Selangor, Negeri Sembilan dan juga Sabah pada waktu itu.

Seterusnya menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri yang dipengerusikan oleh semua Exco-Exco kerajaan negeri yang memegang portfolio perpaduan dan seterusnya ialah usaha untuk kita mengukuhkan perpaduan masyarakat melalui Pelan Tindakan Perpaduan yang bersifat spesifik, inklusif dan holistik dan bagi Pelan Tindakan Perpaduan ini, *roadshow* sedang berjalan di seluruh negeri dan kita sudah laksanakan pelancaran di peringkat negeri dan sekarang dia turun di peringkat daerah dan juga kepada kelompok-kelompok masyarakat. Saya akan memberikan satu taklimat ya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada minggu depan *insya-Allah* ya tentang perkara yang berkaitan dengan Pelan Tindakan Perpaduan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya...

**Dato' Wira Othman bin Aziz:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pencilahan *sat* saja. Saya hendak tanya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Tinggi ini dia Menteri kah, Timbalan Menteri, tidak tahu? Sebab saya tengok di skrin tadi dia tulis Timbalan Menteri. Kalau boleh itu perbetul sikit lah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila *check* ya.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okey terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Okeylah, tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, rakan saya dulu Yang Berhormat Parlimen Jerlun. Terima kasih banyak-banyak.

■1600

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, termasuk penjenamaan semula kawasan rukun tetangga, tadika perpaduan dan penghayatan pendidikan Rukun Negara yang sedang kita usahakan untuk kita perkasakan lagi kelab-kelab Rukun Negara dan juga Sekretariat Rukun Negara. Kita juga telah mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Agama yang dipengerusikan secara bersama oleh saya di peringkat Kementerian Perpaduan Negara bersama dengan Menteri Agama dan semua pengerusi-pengerusi, badan-badan agama diletakkan sebagai ahli jawatankuasa dalam usaha untuk kita mengharmonikan kepelbagaian agama yang ada di negara kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya ini ada batuk sikit tetapi bukan COVID-19 lah ya. Saya ada batuk sikit saya kalau Menteri Kesihatan ada sihatlah saya.

Okey, seterusnya saya beralih kepada perkara seterusnya iaitu berkaitan dengan Pelan Tindakan Perpaduan. Tadi saya ada sebutkan sedikit berkaitan dengan pelan tindakan. Ini menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator 'Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Tuan Suresh termasuk Yang Berhormat Senator Puan Susan; Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau; Yang Berhormat Senator Puan Asmak; dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad.

Yang telah saya sebutkan tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat maaf sekejap ya.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Ya, ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya ada batuk sikit tetapi bukan COVID-19.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa itu batuk kerja namanya.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Ya batuk kerja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sudah jawab tadi Yang Berhormat tentang Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang juga berteraskan kepada lima prinsip Rukun Negara dengan mempunyai lima teras yang telah pun ditetapkan.

Pertama teras pertama membangunkan perpaduan kefahaman baru iaitu perpaduan baru; teras kedua, memelihara sistem demokrasi- Raja Berpelembagaan bagi kerajaan beraja; ketiga ialah teras agihan sosioekonomi yang adil dan saksama untuk kemakmuran rakyat dan negara bagi tajuk maju kita bersama; teras keempat, menjamin keterbukaan terhadap tradisi kebudayaan yang berbeza dan rencah yang perlu dipertahankan, hormat kepada semua; dan teras terakhir Tuan Yang di-Pertua, membina masyarakat progresif melalui sains dan teknologi di bawah perkara yang berkaitan dengan masyarakat berilmu.

Jadi Pelan Tindakan Perpaduan Negara ini dia merangkumi tempoh tahun 2021 sehinggalah kepada tahun 2025. *Insyaa-Allah* akan dilancarkan pada akhir tahun ini, terima kasih Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya perbetulkan sedikitlah saya belum lagi gelaran 'Dato'. Akan tetapi yang hendak saya tegaskan di sini ialah apabila kita bercakap tentang Pelan Tindakan Perpaduan Negara saya ingin memberi sedikit input di sini iaitu bahawa dalam penubuhan kementerian ini waktu zaman 80-an dulu diberi penekanan bahawa adanya aspek perhubungan masyarakat dan juga kejiranan. Jadi dalam merangka Pelan Tindakan Perpaduan Negara saya ingin tahu di manakah aspek kejiranan mesra dan juga aspek perhubungan masyarakat ini kerana penting. Bila sebut konsep perpaduan nasional, ia nampaknya begitu luas meliputi berbagai-bagai kaum.

Akan tetapi bila kita dekatkan kepada aspek perhubungan masyarakat, ianya satu perkara yang penting ini kerana perhubungan masyarakat boleh jadi interaksi di antara kita sama kaum sendiri mahupun dengan kaum-kaum yang lain. Aspek kejiranan mesra iaitu boleh jadi jiran kita mungkin jiran yang sama terdiri daripada sama kaum mahupun jiran kita daripada kaum yang lain ataupun agama yang lain iaitu dalam aspek Pelan Tindakan Perpaduan Negara. Saya rasa elemen-elemen ini mesti diberi penekanan juga. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh saya minta maaf Yang Berhormat tak lama lagi jadi Dato' lah itu- masin mulut.

Ia berdasarkan kepada lima prinsip Rukun Negara, lima teras dan dalam lima teras ini Yang Berhormat kita ada teras strategik. Kalau bangkit pada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, bagi teras membudayakan perpaduan kita letakkan membina kefahaman, kesepaduan sosial di Malaysia ini melalui pendidikan itu kita letakkan secara bersama bagi komuniti.

Bagi memperkukuhkan keharmonian komuniti dalam masyarakat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dekat mana agaknya kita letakkan itu kita masukkan di

bawah teras empat memperkasakan khidmat komuniti yang ada berteraskan kepada lima strategi salah satu daripada lima strategi yang telah saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang mendapat input, nasihat, teguran, cadangan daripada rakyat, daripada semua kepelbagaian rakyat. Kita bukan buat Pelan Tindakan Perpaduan Nasional ini di peringkat kementerian sahaja, syok sendiri sahajalah yang buat dengan pegawai atau siapa-siapa yang kementerian berhajat untuk panggil.

Akan tetapi kita turunkan pelan tindakan perpaduan ini dalam konsep membudayakan perpaduan dalam masyarakat. Jadi kita hendak dengar, agaknya apa nasihat, apa cadangan kalau ada teguran bantahan daripada rakyat yang berkaitan dengan lima prinsip Rukun Negara berdasarkan kepada lima strategi dan juga kepada lima teras strategik yang saya nyatakan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat saya akan bagi taklimat kepada minggu depan *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua dan dalam soal jawab itu nanti kita akan berikan kefahaman yang lebih mantap lagi. Ini kerana dalam waktu yang amat terbatas ini susah saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat secara menyeluruh berkaitan dengan pelan tindakan perpaduan ini. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen; Yang Berhormat Senator Puan Asmak; Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam; Yang Berhormat Senator Puan Susan; berkaitan tentang dengan pendidikan Rukun Negara.

Saya hendak memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memperkasakan penerapan lima matlamat rukun negara berdasarkan kepada lima prinsip Rukun Negara.

Jadi antara perkara yang sedang direncanakan oleh kementerian Tuan Yang di-Pertua, ialah mewujudkan satu jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh KSU Kementerian Perpaduan Negara yang ahlinya ialah KSU Kementerian Pendidikan Malaysia, KSU Kementerian Pengajian Tinggi dan KSU Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jawatankuasa ini diwujudkan untuk kita memikirkan cara pelaksanaan, pendidikan penghayatan Rukun Negara itu. Bukan diletakkan sebagai satu mata pelajaran baru tetapi yang mana perlu untuk diserapkan dalam mana-mana pendidikan mata pelajaran yang difikirkan sesuai dan kemudian bukan sahaja di peringkat pendidikan mata pelajaran akademik semata-mata tetapi juga akan diterapkan kepada aktiviti kokurikulum.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan ini termasuk penerapan elemen Rukun Negara kepada semua 8,274 kawasan rukun tetangga yang kita ada di seluruh negara. Jadi kita mulakan dengan ejen yang dalam kementerian yang mana entiti yang ada dalam kementerian itu terdiri daripada KRT, terdiri daripada kelab-kelab Rukun

Negara, terdiri daripada Sekretariat Rukun Negara- jadi kita gerakkan agenda ini secara bersama dengan menggunakan entiti yang sedia ada dalam kementerian.

Maka kerana itu bagi tahun hadapan pada tahun 2020, kita akan pinda struktur yang ada kepada KRT, kepada semua kawasan rukun tetangga selain daripada kita tambahkan lagi penubuhan kawasan-kawasan rukun tetangga yang baru untuk kita libatkan penyertaan komuniti secara bersama dalam kita menterjemahkan perkara yang telah saya sebutkan tadi.

■1610

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya beralih kepada persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy yang telah mencadangkan kerjasama antara NGO bersama dengan kementerian. Ini mantan Yang Berhormat Menteri. Dia lebih tahu daripada saya kerana dia berada di situ 22 bulan, saya berada di kementerian ini enam bulan sahaja. Baru enam bulan Tuan Yang di-Pertua.

Saya harap kementerian ini akan berpanjanganlah. Ini kerana, sejarah bermula pada tahun 1972 wujudnya “Kementerian Perpaduan Negara”, dan selepas tempoh dekat 47 tahun itu Tuan Yang di-Pertua, ini kali pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewujudkan kembali Kementerian Perpaduan Negara ini. Jadi menjawab...

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Lama agaknya itu.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Ya, ya, lama Tuan Yang di-Pertua, sangat lama.

Jadi, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh mantan Yang Berhormat Menteri KPN, NGO ini adalah merupakan rakan kongsi Yang Berhormat, rakan kongsi dan rakan strategik kepada Kementerian Perpaduan Negara. Waktu Yang Berhormat Senator ada di situ pun, Yang Berhormat Senator telah pun memulakannya. Ada NGO yang telah pun kita lantik, duduk dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara yang saya sebutkan. *That is the Advisory Council.* Badan Penasihat tertinggi yang memberikan nasihat kepada kementerian.

Contoh, pelantikan baharu yang akan dibuat ini adalah pada Pengerusi Majlis Belia Malaysia dan ada lagi beberapa NGO yang telah pun dilantik di dalam Majlis Penasihat Perpaduan Negara. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, termasuklah jalinan kerjasama baik seperti Yayasan Perpaduan Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Lee Lam Thye dan juga lain-lain NGO yang ada agenda untuk menggerakkan agenda perpaduan nasional. Sudah tentu akan dibawa secara bersama untuk menjadi rakan strategik dan rakan perpaduan kepada kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Yang Berhormat Senator ada bangkitkan tentang IPNas. Ada bangkitkan tentang IPNas. Ada Yang Berhormat Senator?

IPNas atau Indeks Perpaduan- okey, okey. Ia Indeks Perpaduan Nasional. Indeks Perpaduan Nasional Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita sebut IPNas.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, IPNas ini kita wujudkan Yang Berhormat Senator berteraskan kepada beberapa teras utama. Pertama, ialah kesepaduan nasional yang melihat kepada perhubungan kekuatan perpaduan di peringkat negara. Kedua ialah kesepaduan sosial pada peringkat komuniti dalam masyarakat.

Jadi, atas dasar teras utama ini, maka Indeks Perpaduan Nasional ataupun kita sebut selepas ini sebagai IPNas telah pun diwujudkan. Strategi utama, peranan utama kepada IPNas ini ia bersifat sebagai penyelidikan dan juga pembangunan yang diperlukan untuk kita melihat- perlu dilakukan penyelidikan ke atas apa-apa perubahan pembangunan yang ada untuk kita melihat perubahan tahap perpaduan nasional.

Jadi, maka kerana itu Indeks Perpaduan Nasional ini sangat penting. Kajian-kajian dan penyelidikan yang dilakukan untuk melihat atau mengesan sebarang perubahan pada tahap perpaduan nasional. Indeks Perpaduan Nasional ini adalah merupakan satu kajian empirikal yang dilaksanakan bagi mengukur tahap perpaduan nasional sesuai pula dengan perubahan-perubahan semasa yang berlaku yang mungkin agaknya dipengaruhi oleh pasaran, oleh globalisasi, oleh migrasi dan sebagainya.

Jadi, maka kerana itu IPNas ini adalah kajian indeks untuk memberikan petunjuk Yang Berhormat Senator, adalah satu kajian indeks untuk memberikan petunjuk kepada tahap perpaduan nasional yang menjadi rujukan penting akan suasana semasa negara dalam membantu Kementerian Perpaduan Negara mengenal pasti, mengatur, menyusun strategi intervensi yang sesuai dengan citra mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.

Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kita adakan kerjasama bijak. Banyak, bukan sahaja NGO termasuk pihak universiti. Jadi, Kementerian Perpaduan Negara telah pun mengadakan satu kerjasama bersama dengan Institut Kajian Etnik yang disebut sebagai KITA di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Jadi, kita telah pun menandatangani satu MoU supaya pihak Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM ini yang akan menjalankan kajian-kajian yang berkaitan dengan Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) yang saya sebutkan tadi.

Okey, Yang Berhormat Senator ya? Itu dah *detail* sangat itu. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, persoalan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair- ada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair? Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair berkaitan dengan isu- ini akta dan sebagainya ini. Yang Berhormat Senator Dato' bangkitkan tentang akta.

Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya telah pun menjawab soalan ini dalam soalan lisan. Bukan soalan daripada Yang Berhormat Senator tetapi daripada soalan Yang Berhormat Senator yang lain.

Jadi, saya tegaskan sekali lagi di sini bahawa, kerajaan tidak ada niat sama sekali untuk menggubal mana-mana, atau apa undang-undang baharu dalam memupuk keharmonian kaum, agama dan malahan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional ini telah pun kita tolak. Jadi, tidak ada sebarang cadangan ke arah itu. Ini kerana, Yang Berhormat Senator undang-undang yang sedia ada ini sudah cukup. Undang-undang yang sedia ada di negara kita ini sudah cukup untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama.

Kepada mana-mana, kalau ada siapa-siapa yang cuba hendak dan sengaja memecahbelahkan perpaduan, keharmonian boleh disiasat dan didakwa sama dengan jawapan yang telah diberikan sebelum. Antara undang-undang yang akan diguna pakai, sama seperti yang telah dijawab iaitu:

- (i) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] iaitu kesalahan menghasut;
- (ii) seksyen 504 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu kesalahan dengan niat, dengan sengaja mahu mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan sebarang unsur pecah keamanan;
- (iii) seksyen 505 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] juga, kesalahan mengeluarkan sebarang kenyataan-kenyataan yang boleh mendatangkan khianat awam;
- (iv) seksyen 506 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah; dan
- (v) seksyen 233 di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], kesalahan penggunaan tidak wajar kepada kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Ini termasuk media sosial dan sebagainya. Saya harap itu sudah menjawab kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** [*Bangun*]

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Alah Yang Berhormat Senator nak tanya apa? Yang Berhormat Senator pernah jadi Yang Berhormat Menteri lah.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Bagilah sikit.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okeylah, okeylah, saya bagi.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Cuma hendak sebut yang perkara ini. Tentang cara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengerusinya sini, bukan sana.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Ha! Pengerusi sana.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta celah. Mohon celah sedikit.

Dalam kerajaan tidak- dengan izin, *consider* Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional ini. Memang terdapat undang-undang di negara kita, pelbagai undang-undang. Akan tetapi, pada masa tersebut cadangannya begini, kerana tidak semestinya untuk semua perkara yang diungkit oleh ramai itu mesti dibawa ke mahkamahlah.

Tidak semestinya semua orang perlu dipenjarakan atau dihukum oleh mahkamah. Kadang-kadang boleh diadakan rekonsiliasi di mana pihak yang menyatakan kata-kata yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat berbilang kaum itu boleh dipanggil untuk satu rekonsiliasi supaya perkara itu dapat diselesaikan. Ia supaya orang yang membuat kenyataan yang menyakitkan hati itu faham dan minta maaf.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okey, saya sudah faham. Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator. Ia ada tiga rang undang-undang Yang Berhormat Senator yang waktu Yang Berhormat Senator jadi Menteri dulu hendak dibawa. Dua itu Yang Berhormat Senator sendirilah batalkan, Kerajaan Pakatan Harapan. Akan tetapi, Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional itu di waktu saya. Jadi, kerajaan tolak. Ini kerana saya sudah sebut tadi ada undang-undang sedia ada.

Kita di peringkat kementerian Tuan Yang di-Pertua sudah tentulah kalau kita- bila kita membicarakan soal rakyat ini, kementerian sebaik-baiknya, kita tidak hendak sampai kepada rakyat kita akhirnya perlu didisiplinkan dengan peruntukan undang-undang semata-mata.

#### ■1620

Salah denda, salah kompaun, salah bawa ke mahkamah. Jadi kita tidak hendak mengajar rakyat Malaysia sampai begitu caranya. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kementerian, Yang Berhormat pun maklum. Yang Berhormat ini sengaja hendak saya suruh jawab lebih. Kita sudah mewujudkan *mediator*, ahli-ahli mediasi- ahli-ahli *mediator* yang membuat mediasi kepada mana-mana perbezaan, kepada mana-mana persoalan yang berbangkit atas isu perpaduan Tuan Yang di-Pertua.

Ahli-ahli *mediator* yang akan membuat mediasi berada di tengah-tengah masyarakat, berada di tengah-tengah komuniti dan sekiranya berbangkit sesuatu perkara yang dapat di bau dengan jelas kedengaran dan sebagainya, sebelum menjadi kelihatan kepada sebarang tindakan maka ahli-ahli mediator ini akan mengambil peranan Yang Berhormat. Kita seboleh-bolehnya kita hendak mendidik rakyat Malaysia dengan cara-cara yang baik, sikap,

pengamalan berdasarkan kepada prinsip Rukun Negara dan sebagainya tetapi bukan untuk mengajar dan mendidik rakyat Malaysia dengan menggunakan undang-undang semata-mata. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, super kepelbagaian. Saya ingat Yang Berhormat Senator Asmak ini dia menunggu sahajalah saya menjawab ini dengan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan. Saya hendak sebut, ini kerana dibangkitkan oleh profesor ulung Datuk Dr. Shamsul Amri. Beliau adalah merupakan penasihat kepada Kementerian Perpaduan Negara. Saya mungkin dapat menjelaskan sedikit apa itu super kepelbagaian? Saya pun baru dengar ini apabila Yang Berhormat profesor ulung menjadi penasihat kepada kementerian, baharu saya dengar perkataan baharu- “super kepelbagaian.”

Super kepelbagaian ini maknanya ia adalah kepelbagaian yang sedia ada ditambah pula dengan kepelbagaian-kepelbagaian baharu. Kepelbagaian sedia ada ditambah pula dengan kepelbagaian baharu maka ia jadilah super kepelbagaian. Jadi kepelbagaian ini termasuklah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah perkataan “super” itu dalam Kamus Dewan, agak-agaklah?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya menjawab terus kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak. “Super” itu maknanya sesuatu yang luar biasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ingatkan kalau profesor itu yang bagi. Saya hendak tanya sahaja.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak lama lagi *superman* pula masuk.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Okey Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ya lah kalau sebut banyak kali super jadi *superman* pula nanti. Super itu maknanya sesuatu yang luar biasalah. Keluarbiasaan yang melibatkan kepelbagaian. Mungkin saya boleh letak dalam ayat yang lebih- menterjemahkan pernyataan Yang Berhormat Senator Puan Asmak- “keluarbiasaan kepelbagaian.”

Makna dia buka terlalu luas. Ia termasuk contoh- saya pun takut hendak sebut perkataan ini yang ada berbunyi bahasa Inggeris ini. Mungkin *social capital*. Bahasa Melayu mungkin macam ini sosial kapital- contoh. Contoh pelaburan asing, *My Second Home*- rumah Malaysia sebagai rumah kedua pelajar-pelajar asing datang ke Malaysia, belajar dan tanggungan sosial pula kepada pekerja-pekerja yang tidak mahir, yang kita import dan sebagainya, pendatang asing tanpa izin termasuk kalau ada pelarian yang masuk.

Jadi ini semua ia menjadi antara sebab kecil yang menyebabkan akhirnya berlaku keluarbiasaan kepada kepelbagaian itu. Yang Berhormat faham ya Yang Berhormat ya? Baguslah kalau Yang Berhormat faham, yang lain tidak apalah. Sebab Yang Berhormat yang membangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara mesti sentiasa bersiap siaga, mesti sentiasa bersedia dan bersiap siaga untuk mendepani bentuk-bentuk transformasi, perubahan masyarakat, transformasi masyarakat. Makna perubahan yang berlaku dalam masyarakat dalam apa juga bentuk sekalipun. Maka kerana itu, saya sudah sebut, saya sebut balik juga pada akhirnya kepada Pelan Tindakan Perpaduan Nasional ini. Akhirnya ia akan berbalik kepada situ iaitu merangkumi perpaduan yang berasaskan kepada kefahaman baharu.

Saya sebut tadi antara teras kepada pelan tindakan perpaduan ialah kefahaman baharu perpaduan baharu. Jadi perpaduan baharu itu keterangkumannya termasuklah kepada keluarbiasaan kepelbagaian yang sedang berlaku di Malaysia ini dalam konteks perpaduan. Yang Berhormat jangan tanya saya lebih, kalau ada nanti dekat belakang, kita berbual ya. Nanti saya terpaksa guna perkataan bahasa Inggeris pula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua sahaja lagi, tiga. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam, ada Yang Berhormat? Mana? Oh minta maaf Yang Berhormat dekat tepi sana. Ini berkaitan dengan soal merangka modul silang budaya Yang Berhormat ya- betul Yang Berhormat? Yang Berhormat bangkitkan kan? Okey.

Modul silang budaya Yang Berhormat minta kita rangka model silang budaya yang kita perlu terapkan dalam sistem pendidikan di sekolah, ya? Okey. Saya tambah termasuk di universiti. Jadi modul silang budaya ini Tuan Yang di-Pertua, sedang diterapkan melalui- kita ada modul silang budaya, kita ada. Ia dilaksanakan secara pendedahan praktikal, ia bukan teori sahaja tetapi kita menggalakkan contoh dia pergi ke Sabah, pergi ke Sarawak jadi dia dapat melihat, belajar secara praktikal.

Untuk kita menerapkan tiga elemen penting ini Yang Berhormat, pertama ialah moral dan sivik, kedua budaya dan ketiga adat serta kenegaraan. Yang Berhormat, tujuan utama modul silang budaya ini. Ini Tuan Yang di-Pertua merupakan satu pengalaman yang perlu kita letakkan supaya pelajar boleh lalui dan alami. Pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza termasuk budaya dan sebagainya untuk mereka faham dengan lebih lagi selain daripada belajar dalam kelas sahaja.

Jadi modul- mungkin saya boleh terangkan sedikit sahaja tentang modul ini. Pertama dalam modul ini ada budaya dan adat resam. Kedua dalam modul ini ada kenegaraan dan

ketiga dalam modul ini ada moral dan sivik. Jadi tiga pengisian ini ia menjadikan- ia adalah pengisian kepada modul silang budaya. Kita ada Sekretariat Rukun Negara. Sekretariat Rukun Negara ini ada sebanyak 172 peringkat awal ini, kita wujudkan di semua IPTA dan IPTS. Kita menggunakan modul silang budaya ini juga kepada universiti bukan sahaja kepada sekolah rendah, sekolah menengah tetapi juga kepada universiti.

Mungkin Yang Berhormat tanya saya jadual pencapaiannya, mungkin saya boleh bagi tahun 2018 sebanyak 14 program, tidak ramai 175 orang murid sahaja. Tahun 2019, sebanyak 30 program melibatkan 8693 orang. Makna keseluruhan yang terlibat ialah 8838 orang pelajar atau murid merangkumi 44 program.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, ada Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat membangkitkan adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa seperti UNIFOR di Sarawak. Yang Berhormat ya? Saya sudah turun Sarawak ini. Saya pun sudah bertemu dengan UNIFOR yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri, Yang Amat Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah. Saya pun sudah berjumpa dengan semua ahli UNIFOR.

Sesuatu yang berbeza yang ada kepada Sarawak dan dinaungi oleh kerajaan negeri. Maka kerana itu, mengambil pengalaman balik daripada UNIFOR Sarawak itu, sewaktu mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan yang dipengerusikan oleh saya dan dianggotai oleh semua EXCO perpaduan kerajaan negeri, kita telah pun bersetuju menubuhkan- tetapi ia tidaklah seperti UNIFOR tetapi menubuhkan satu jawatankuasa kepelbagaian agama di negeri-negeri. Jadi buat masa ini semua negeri telah pun menubuhkan jawatankuasa tersebut yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat EXCO perpaduan negeri-negeri. Makna kalau ada perkara yang berkaitan dengan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) boleh dibawa kepada jawatankuasa tersebut.

#### ■1630

Jadi kita nasihatkan kepada kerajaan negeri lah, bukan sahaja setuju dengan penubuhan jawatankuasa itu tapi letaklah sedikit peruntukan untuk bantu jawatankuasa ini bagi membantu apa yang perlu dilakukan. Jadi, saya harap itu sudah jawab ya, Yang Berhormat.

Itu sahaja nampaknya, Tuan Yang di-Pertua. Akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon laluan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Hai, takkan hendak tanya fasal super itu lagi? Okey.

**Puan Asmak binti Husin:** Ada soalan lain tertinggal. Terima kasih. Allah, gagap sudah ini. Saya ingin bertanya- saya ada satu soalan. Saya bertanya hari itu tentang

Sekretariat Rukun Negara, dan bagaimana Sekretariat Rukun Negara ini diaktifkan sebagai petugas di alam maya? Sebab, kita ada juga isu perpaduan yang melibatkan generasi muda yang ramai aktif di alam maya. Itu satu.

Kedua, saya juga ada bertanya hari itu tentang adakah kementerian mengadakan rundingan atau kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Ini kerana isu perpaduan melibatkan juga penempatan dan penempatan melibatkan polarisasi kaum. Setakat ini, orang tengok, perumahan ini dia guna dasar kuota bumiputera dan bukan bumiputera. Selain daripada itu, apa lagi inisiatif perpaduan? Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Asmak. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf Yang Berhormat. Tadi dia sudah terselit-selit, dah menimbun itu. Sudah ada dah jawapan itu. Jawapan itu sudah ada tentang apa yang dilakukan daripada segi program.

Sekretariat Rukun Negara ini, ia dianggotai oleh pelajar-pelajar kita di universiti. Bagi Kelab Rukun Negara, ia di sekolah rendah dan sekolah menengah. Kita ada 6,621 bagi sekolah rendah dan sekolah menengah, termasuk sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Bagi universiti, kita wujudkan Sekretariat Rukun Negara. Siapa yang lantik ini? Pelajar-pelajar, mereka sendiri. *Consensus* pelajar-pelajar secara bersama. So, siapa yang difikirkan sesuai dan patut jadi pemimpin, atau ketua kepada Sekretariat Rukun Negara, contoh dalam kalangan pelajar universiti, maka dialah dan dianggotai oleh kepelbagaian kaum pelajar-pelajar yang ada.

Kita akan memperkasa- tadi saya sudah sebut dah dalam jawapan saya, akan memperkasakan bukan sahaja Kelab-kelab Rukun Negara tetapi termasuk Sekretariat Rukun Negara. Dia ada modul yang telah pun disediakan sebelum ini tetapi kita hendak lebih memantapkan modul ini termasuk mengambil kira tentang cadangan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak.

Berbalik kepada kerjasama antara kementerian. Bila kita membicarakan soal perpaduan ini, dia merentasi segala-galanya. Dia tidak ada sempadan-sempadan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kah, Kementerian Kesihatan kah, mana-mana sahaja, dia boleh melangkaui segala-galanya. Contoh, Menteri Kesihatan ada di sini, Menteri Kesihatan telah pun memperkenalkan program- agenda kesihatan Malaysia ya?...  
*[Merujuk kepada Menteri Kesihatan] Agenda Malaysia Sihat.*

Dalam Agenda Malaysia Sihat itu perlukan sokongan daripada NGO-NGO. Bila sebut perpaduan ini, dia tidak boleh digerakkan oleh kerajaan semata-mata. "Kementerian Perpaduan Negara, tugas kaulah untuk menggerakkan supaya negara ini dalam keadaan aman dan damai, rakyat berpadu". Dia tidak boleh. Tidak boleh jadi tanggungjawab kita sahaja tetapi dia perlu juga tanggungjawab bersama daripada rakyat.

Jadi, contoh saya sebut Kementerian Kesihatan tadi, kita sedang mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan. Ini Menteri Kesihatan ada. Kementerian Perpaduan Negara bersama dengan Kementerian Kesihatan. Kementerian Perpaduan Negara bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah program, contoh bomba perpaduan, di bawah program- contoh, dulu ada Jawatankuasa Penduduk tetapi sekarang sudah tidak ada tetapi itu kita melalui negeri.

Jadi, saya hendak beri keyakinan kepada Yang Berhormat, tanggungjawab perpaduan ini dia merentasi segala-galanya dan bukan sahaja tanggungjawab semata-mata kepada kementerian tetapi kerjasama bijak selaku rakan strategik dengan kementerian-kementerian selain daripada dengan pihak swasta, NGO dan sebagainya. Saya harap saya menjawab ya, Yang Berhormat Senator, okey.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya mengambil kesempatan ini- saya minta maaf kalau ada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya tidak dapat hendak jawab secara detil. Saya berdoa dalam hati saya sambil menjawab, saya harap Tuan Yang di-Pertua takkan beritahu dengan saya, "Sudah habis masa". Jadi nampaknya saya ada masa sedikit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada apa-apa Yang Berhormat Senator tidak jelas tentang jawapan yang diberikan, saya belanja kopi, saya boleh jelaskan dengan lebih baik lagi.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Perpaduan Negara. Segala cadangan, teguran, pandangan dan sebagainya akan diberikan perhatian yang mendalam untuk dijadikan input kepada penambahbaikan berterusan bagi pelaksanaan dasar dan juga apa yang berkaitan dengan kementerian saya. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak.

Sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kembali dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara. Kita beralih kepada Kementerian Kesihatan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

Sebelum beliau meneruskan ucapan, saya suka menarik perhatian kepada Peraturan Mesyuarat 36 iaitu cara untuk menegur tidak boleh menyoal. Dalam pada itu, mesti dihalakan kepada Pengerusi, bukan terus kepada Ahli. Saya lihat perkara ini sudah biasa agaknya. Jadi, kita cuba perlahan-lahan betulkan balik. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**4.36 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Pertama sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 22 isu yang telah dibangkitkan oleh 15 orang Ahli Yang Berhormat yang saya telah kategorikan kepada kategori berikut:

- (i) pandemik COVID-19;
- (ii) hal ehwal sumber manusia;
- (iii) kawalan penyakit;
- (iv) penyampaian perkhidmatan kesihatan;
- (v) penyakit jarang jumpa;
- (vi) pembangunan ataupun naik taraf hospital;
- (vii) pembangunan atau naik taraf klinik-klinik kesihatan;
- (viii) pembangunan projek-projek fasiliti kesihatan KKM di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas;
- (ix) infrastruktur di hospital;
- (x) perbelanjaan kesihatan per kapita;
- (xi) perubatan tradisional dan komplementari; dan
- (xii) kes yang melibatkan pengamal perubatan berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berkaitan pandemik COVID-19. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, kerajaan sememangnya telah memperuntukkan pembayaran pelbagai elaun dan insentif termasuklah Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal yang diberikan kepada anggota kesihatan dengan mengambil kira keadaan persekitaran tempat kerja pegawai yang berisiko. Kerajaan juga menyediakan kemudahan bayaran pampasan kepada pegawai atau waris bagi kecederaan yang berlaku semasa pelaksanaan pekerjaan dan kemudahan perubatan di fasiliti KKM yang meliputi rawatan untuk diri sendiri, pasangan, anak-anak dan ibu bapa.

Selain itu, dengan keputusan kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat pada 27 Februari 2020, kementerian telah melaksanakan pembayaran elaun khas COVID-19 kepada doktor dan anggota kesihatan yang terlibat dalam usaha menangani penularan COVID-19. Sehingga 31 Ogos 2020, jumlah tuntutan yang telah diterima dan dibayar ialah sebanyak RM201 juta.

Daripada aspek keselamatan dan perlindungan kepada anggota kesihatan, KKM telah menyediakan pelbagai garis panduan dan kawalan dalaman bagi langkah-langkah

pengecahan dan kawalan infeksi di fasiliti KKM. Contoh, sebagai perlindungan, alat yang penting ialah PPE yang bersesuaian untuk kegunaan anggota kesihatan seperti meliputi pelitup muka- *face mask* N95, alat pelindung mata, *fluid repellent*, *long sleeve gown*, dengan izin, dan sarung tangan semasa menguruskan COVID-19.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, KKM sentiasa mempertingkatkan langkah-langkah kesiapsiagaan sedia ada bagi membendung penularan COVID-19 termasuk semasa sesi persekolahan berlangsung dan juga musim tengkujuh. Antara perkara yang kita hendak laksanakan ialah meningkatkan kelengkapan logistik, tenaga kerja, set kelengkapan pelindung diri, alat bantuan pernafasan dan katil untuk pesakit di hospital. Kita mengaktifkan *rapid assessment team*, dengan izin, dan *rapid response team*, dengan izin, di daerah dan negeri bagi memastikan respons terhadap kes COVID-19 dapat dijalankan dengan pantas dan segera.

#### ■1640

Kita juga memperkasakan komuniti melalui pendekatan cegah dan didik, amal, patuh dan pantau (CAPP) dalam Program Pengurangan Risiko Daerah COVID-19. Seterusnya, kita membangunkan prosedur operasi standard untuk pelbagai sektor dan subsektor, termasuklah sektor pendidikan seperti yang dimahukan. Kita membangunkan garis panduan pencegahan dan pengurusan COVID-19 di pusat pemindahan sementara mangsa bencana musim tengkujuh yang merangkumi proses sebelum, semasa dan selepas tamat penempatan mangsa banjir.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu hal ehwal sumber manusia dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; dan Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew seperti berikut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, sehingga 30 Jun 2020 terdapat seramai 421 orang pakar perubatan yang berkhidmat di seluruh negeri Sarawak. Jumlah ini kalau kita bandingkan pada tahun 2015, ia hanyalah ada seramai 263 orang pakar perubatan. Kini pada tahun 2020, terdapat 421 orang pakar perubatan di negeri Sarawak. Selain itu, terdapat juga tiga orang pakar perubatan lantikan kontrak berbanding dahulu, dan terdapat 2,001 orang Pegawai Perubatan Lantikan Tetap, dan seramai 920 orang Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak yang berkhidmat di negeri Sarawak.

Nisbah Pegawai Perubatan awam dan swasta kepada penduduk di negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, nisbah pegawai perubatan awam dan swasta kepada penduduk di negeri Sarawak pada tahun 2019 iaitu pada tahun lepas adalah 1:682 orang, berikutan pada tahun 2019 hanyalah 1:979 orang.

Dalam usaha untuk mengurangkan lagi jurang nisbah ini, kementerian merancang untuk menempatkan sekurang-kurangnya 100 orang lagi pegawai lantikan tetap dan 50 orang pegawai kontrak bagi memenuhi keperluan di fasiliti kesihatan di Sarawak pada tahun ini. Selain daripada itu, pelbagai inisiatif telah dan sedang dibuat bagi menarik minat Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di Sarawak, antaranya ialah dengan pemberian pelbagai elaun seperti Bayaran Insentif Wilayah, bayaran insentif mengikut lokasi dan tahap kesusahan, dan Bayaran Insentif Pedalaman.

Bagi Pakar Onkologi di negeri Sarawak, sehingga kini terdapat 133 orang Pakar Onkologi di seluruh Malaysia yang mana seramai 35 orang iaitu bersamaan dengan 26 peratus berkhidmat di hospital KKM. Manakala selebihnya, berkhidmat di hospital universiti ataupun di hospital swasta. Daripada jumlah 35 orang tersebut, di negara kita seramai empat orang Pakar Onkologi berkhidmat di hospital KKM di negeri Sarawak. KKM bercadang untuk meningkatkan lagi bilangan Pakar Onkologi di dalam perancangan kita, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu seramai 80 orang.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, pada masa ini terdapat 730 orang anggota kesihatan di kalangan Orang Asli yang berkhidmat di KKM dalam pelbagai skim perkhidmatan.

Untuk makluman, golongan belia Orang Asli yang berminat boleh memohon untuk menjadi pelatih di Institut Latihan KKM dan berpeluang untuk berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Paramedik antaranya seperti jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi Pergigian. Walau bagaimanapun, mereka perlulah lulus latihan terlebih dahulu sebelum boleh dilantik, ditempatkan di fasiliti KKM, termasuk sekiranya mereka mahu berkhidmat di Hospital Orang Asli di Gombak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, buat masa ini tempoh maksimum lantikan kontrak yang ditawarkan kepada Pegawai Perubatan adalah sehingga lima tahun iaitu selama tiga tahun bagi latihan siswazah dan selama dua tahun lagi bagi khidmat wajib. Kerajaan pada masa ini sedang meneliti semula penetapan gred Pegawai Perubatan Kontrak yang, menjalani khidmat wajib daripada Gred UD41 kepada Gred UD43 berdasarkan prinsip *rate for the job*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan selaras dengan laluan kerjaya Pegawai Perubatan Lantikan Tetap.

Bagi laluan kerjaya serta peluang untuk melanjutkan pengajian kepakaran, kementerian sedang meneliti kebolehlaksanaan pemberian tempoh kontrak yang lebih panjang untuk mereka. Walau bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat awal dan perlu saya angkat untuk kelulusan terlebih dahulu.

Berkenaan dengan isu kekurangan pakar perubatan, terutama Pakar Perubatan Keluarga di Betong dan Mukah Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan

Robert Lau Hui Yew, buat masa ini klinik kesihatan di Betong dan Mukah hanya ditempatkan Pegawai Perubatan bukan pakar sahaja. Namun begitu, bagi memenuhi keperluan perkhidmatan di kawasan tersebut, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *visiting specialist* dibuat oleh pakar perubatan keluarga daripada fasiliti kesihatan yang lain.

Untuk mengatasi isu ini, KKM sedang meneliti keperluan untuk menaik taraf klinik kesihatan *mid layer* di Betong serta Klinik Kesihatan Belawai di Mukah dan seterusnya akan menempatkan Pakar Perubatan Keluarga di klinik-klinik berkenaan. Bagi memenuhi perkhidmatan kepakaran klinikal di Sarawak, KKM telah menyediakan perkhidmatan berikut:

- (i) menyediakan perkhidmatan kepakaran klinikal di hospital dan institusi berpakar seperti Hospital Umum Sarawak, Pusat Jantung Sarawak, Hospital Sibu dan Hospital Miri;
- (ii) melaksanakan konsep hospital kluster iaitu perkongsian kemudahan antara hospital bagi Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan menyampaikan rawatan kesihatan dalam lingkungan hospital-hospital yang di klusterkan; dan
- (iii) melaksanakan *visiting specialist*, dengan izin, bagi Pakar Perubatan bagi menyampaikan rawatan kepada penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu kawalan penyakit. Perkara ini dibangkitkan...

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Ya.

**Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas penjelasan mengenai kemudahan-kemudahan perubatan, khususnya dari segi pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan. Akan tetapi satu perkara sahaja yang saya hendak beri perhatian di sini, bahawa kalau kita mengira nisbah doktor ataupun Pakar Perubatan di Sarawak, tidak boleh kita mengambil indikasi seperti mana kalau kita menggunakan nisbah di Semenanjung Malaysia ataupun khususnya, kalau kita lihat di Lembah Klang ataupun di Kuala Lumpur.

Ini kerana tempat-tempat ini ialah satu densiti, kepadatan penduduknya begitu besar. Akan tetapi kalau kita ambil di Sarawak, kita harus melihat faktor keluasan negeri Sarawak dan faktor geografi. Jadi, pertimbangan nisbah ini tidak semestinya boleh kita ambil untuk perkiraan bagi negeri Sarawak. Ini kerana taburan penduduk kita begitu luas, jadi kita harus menempatkan doktor-doktor ini, pakar-pakar ini bukan sahaja kita tumpukan di hospital-hospital tertentu, di bandar-bandar besar tetapi juga mengambil kira kawasan-kawasan yang berada di pedalaman.

Kita harus mengambil kira betapa susah payahnya pesakit itu untuk mendapat perkhidmatan yang diberi oleh doktor-doktor atau pakar-pakar perubatan. Jadi, perkara ini harus diambil kira. Jadi, dalam nisbah tadi, kita berterima kasih kerana ada- kita boleh mengecilkan nisbah satu doktor kepada bilangan penduduk. Akan tetapi harus diambil kira juga ialah faktor geografi dan juga taburan penduduk di negeri Sarawak. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua, memang saya akui satu bahagian di Sarawak besar tetapi kita juga melihat bahawa penduduk Sarawak, populasi pada tahun 2019 ialah sebanyak 2,812,800 orang. Ini merangkumi apa yang saya sebut tadi nisbah 1:682 orang, berbanding kalau kita lihat di tempat lain. Contoh, kita beri di negeri yang besar jugalah, di Johor nisbah ialah 1:639 tetapi macam di Wilayah Persekutuan Putrajaya nisbah doktor ialah 1:20.

#### ■1650

Walau bagaimanapun untuk Yang Berhormat Senator, kita telah pun agihkan semua doktor mengikut keperluan dan kepakaran. Saya ingin maklumkan di sini bahawa setakat ini untuk kepakaran yang dipohon ada 361 termasuk 30 Pakar Perubatan Keluarga.

Saya maklumkan, hospital yang ada di Sarawak seperti Hospital Umum Sarawak, Hospital Sibu, Miri, Bintulu, Sarikei, Kapit, Sri Aman, Limbang, Hospital Jantung Sarawak, Hospital Sentosa dan Hospital Serian. Ini merupakan satu distribusi ataupun agihan-agihan yang boleh kita laksanakan dan KKM akan mengambil berbagai-bagai faktorlah selepas ini untuk menentukan Pegawai Perubatan daripada pendekatan yang dibuat.

Walau bagaimanapun, kita ada *flying squad*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kita ada *flying squad*. Kita pun dah lantik dan juga tempatkan Doktor Kontrak di hospital dan akan terus mengambil berat tentang kedudukan doktor di negeri Sarawak dan pada 16 September ini, Hari Malaysia akan diadakan di Sibu. Saya sendiri akan pergi ke Sibu dan akan meneliti kedudukan Sarawak dalam distribusi jumlah doktor sama ada di bandar atau pun di luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi pihak Yang Berhormat Senator.

Isu yang berkaitan dengan kawalan penyakit yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Ras Adiba binti Mohd Radzi dan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip berkenaan dengan promosi kesihatan mental.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Ras Adiba, bagi mengatasi stigma dan mempromosi kesedaran kesihatan mental, KKM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang mana antaranya adalah pertamanya kita telah pun mempromosi kesihatan mental melalui program KOSPEN. KOSPEN itu *short form* ataupun ringkasan kepada '*Komuniti Sihat Pembina Negara*' dan sekarang kita telah mengadakan program KOSPEN Plus melibatkan lebih banyak agensi.

Keduanya, mengadakan kempen promosi nasional '*Let's TALK Minda Sihat*' melibatkan kolaborasi antara beberapa agensi kerajaan dan pihak NGO. Ketiga, berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Contoh yang kita laksanakan program *mental health* ialah Program Ekspresi Anak Remaja Lestari, dan Program Siswa Sihat.

Keempat ialah memperkasa amalan cara hidup sihat dan Agenda Nasional Malaysia Sihat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan tadi menerusi komponen yang akan turut mempromosikan kesihatan mental.

Isu yang menarik perhatian kita ialah penggunaan *vape* iaitu untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. berhubung isu penggunaan rokok elektronik yang semakin berleluasa terutama di kalangan anak-anak dan remaja, kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Kerja Pakar bagi memperkukuhkan kawalan rokok elektronik sejak tahun 2019 yang lalu yang bertujuan untuk mengumpul kajian saintifik yang terkini akibat penggunaan rokok elektronik.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu penyakit baharu telah dilaporkan di Amerika Syarikat yang disebabkan oleh penggunaan rokok elektronik iaitu rokok *e-cigarette* atau *vaping associated lung injury* (EVALI) yang menyebabkan kerosakan kepada dinding salur pernafasan di dalam paru-paru yang mana sehingga bulan Februari sebanyak 2,807 kes dan 68 kematian dicatatkan di negara Amerika Syarikat.

Pakar-pakar di Malaysia juga telah mengesan dua kes EVALI berlaku di Wilayah Persekutuan Labuan dan Kuching, Sarawak yang melibatkan dua remaja sehingga menyebabkan kecacatan kekal dan terpaksa menggunakan bantuan oksigen yang berterusan. Berdasarkan bukti saintifik ini dan kejadian kes EVALI ini, pihak jawatankuasa telah berpandangan bahawa penggunaan rokok elektronik diharamkan sama sekali.

Walau bagaimanapun, keputusan Jemaah Menteri pada tahun 2016 kita ambil kira di mana penjualan cecair rokok elektronik bernikotin kekal di bawah kawalan Akta Racun 1952 yang merupakan satu cara *de facto ban*, dengan izin, iaitu larangan secara tidak langsung. Justeru, dalam hal penggunaan rokok elektronik ini ia adalah tidak wajar memandangkan penggunaan rokok elektronik lebih mendatangkan kemudaratan kepada rakyat daripada kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili yang membangkitkan isu berkaitan penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Saya ingin maklumkan bahawa reformasi sektor kesihatan merupakan antara 10 keutamaan kerajaan sekarang yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 1 September yang lepas. Antara tujuan utamanya adalah untuk meningkatkan

akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mampan dan berkualiti serta mampu milik dengan integrasi sektor awam dan swasta dan meningkatkan liputan kesihatan sejagat iaitu, dengan izin, *universal health coverage* di Malaysia.

Antara penambahbaikan penyampaian perkhidmatan KKM yang dirancang adalah seperti Agenda Nasional Malaysia Sihat, pendigitalan perkhidmatan jagaan kesihatan termasuklah pelaksanaan yang terkini ialah *electronic medical records* dan perkhidmatan *virtual clinic*. Urbanisasi perkhidmatan kesihatan dan juga pengukuhan kesiapsiagaan terhadap wabak. Manakala, inisiatif transformasi yang sedang berterusan dan diperluas adalah seperti Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 iaitu PeKa B40, pengukuhan hospital kluster, penggunaan *lean management*, Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) yang saya sebut tadi, perkhidmatan jagaan *domiciliary* dan program sokongan pekerjaan.

Mengenai peruntukan penyelidikan dan pembangunan, kementerian telah diperuntukan sebanyak RM119 juta untuk penyelidikan bagi tempoh lima tahun di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dan merangkumi enam bidang keutamaan penyelidikan iaitu:

- (i) Kaji Selidik Kesihatan Kebangsaan;
- (ii) beban penyakit;
- (iii) penyakit tidak berjangkit;
- (iv) persekitaran dan perubahan iklim;
- (v) akses sejagat dan jagaan kesihatan berkualiti; dan
- (vi) *biomedical*.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM3.1 juta juga telah diagihkan kepada 18 projek COVID-19 yang terkini pada tahun ini.

Selain itu, dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan primer pula, KKM sedang dan akan melaksanakan beberapa program antaranya ialah perluasan sistem *Teleprimary Care - Oral Health Clinical Information System* (TPC-OHCIS) yang merupakan sistem *electronic medical record* bersepadu di fasiliti kesihatan primer perubatan dan pergigian. Klinik *virtual* ataupun *virtual clinic* iaitu perkhidmatan kesihatan secara maya, langsung dan interaktif.

Seterusnya ialah *uberization* atau perkhidmatan kesihatan terus kepada pelanggan di rumah mereka sebagai opsiyen tambahan kepada perkhidmatan sedia ada. Pada fasa permulaan, perkhidmatan ini akan dilaksanakan di dua klinik terpilih Selangor iaitu di Bukit Kuda dan Kelana Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan pusat kanser di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, Hospital Umum Sarawak, Kuching ialah antara salah satu daripada enam buah pusat kanser yang terdapat di negara kita. Bagi memastikan Hospital Umum Sarawak mempunyai perkhidmatan rawatan kanser yang terbaik,

ia turut mempunyai empat orang tenaga Pakar Radiologi dan Onkologi, serta kini dilengkapi dengan peralatan *linear accelerator (LINAC)*, *treatment planning systems*, *conventional simulator*, *CT simulator*, dan *brachytherapy*.

Selain daripada Hospital Umum Sarawak, KKM juga menyediakan Perkhidmatan Rawatan Kemoterapi di beberapa buah hospital di negeri Sarawak iaitu di Hospital Sibul, Hospital Bintulu dan Hospital Miri bagi menangani kesukaran pesakit berulang alik untuk menerima rawatan dan turut menyediakan Perkhidmatan Tele-Konsultasi dengan pesakit. Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang dinyatakan ini ia masih mampu untuk memberi rawatan kanser terbaik di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan dan naik taraf hospital. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad; Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose; Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid; dan Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang telah membangkitkan isu berikut, pembinaan hospital baharu.

Projek menyiapkan baki kerja terbengkalai Hospital Petrajaya oleh Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili berada di fasa perolehan kepada para penender yang telah lulus di peringkat pra kelayakan dan tarikh tutup tender pada 7 Ogos yang lepas. Projek kini berada dalam penilaian peringkat penilaian tender dan *insya-Allah*- Surat Setuju-Terima dijadualkan pada Januari 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, projek pembinaan Hospital Bera sedang memasuki fasa akhir penyiapan dengan peratus penyiapan kerja ialah sebanyak 93.25 peratus dan kini pihak kontraktor sedang giat melaksanakan kerja-kerja kemas terakhir dalaman hospital dan kuarters dan menyiapkan kerja-kerja pemasangan sistem penyaman udara dan kelengkapan sistem gas perubatan.

#### ■1700

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, projek pembinaan bangunan tambahan Hospital Sri Manjung, Perak-*alhamdulillah*, kini berada di peringkat pengeluaran Surat Setuju-Terima yang dijangka dikeluarkan pada bulan depan iaitu 19 Oktober 2020, dan tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama 156 minggu, ataupun 39 bulan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, projek menaik taraf Hospital Umum Sarawak secara *public-private partnership build-lease-maintain-transfer* melalui perolehan secara *Swiss Challenge* telah dimulakan pada 27 April 2017 dahulu. Sehingga bulan Ogos 2020, status projek ini adalah sekitar 83 peratus berbanding jadual sepatutnya 96 peratus iaitu sedikit kelewatan sebanyak 13 peratus akibat wabak pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, status kemajuan ini belum diambil kira semakan semula

program kerja setelah lanjutan yang diberikan oleh pihak kerajaan atas sebab Perintah Kawalan Pergerakan dan projek ini dijangka siap pada tahun 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, kementerian telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Hospital Pontian secara berfasa. Antaranya ialah kerja menaik taraf sistem elektrik dan kerja menaik taraf panel kebakaran. Selain daripada itu, KKM juga sedang melaksanakan kerja-kerja naik taraf sistem gas perubatan yang mana dijangka siap pada hujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan klinik kesihatan, untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, ada? Tidak ada. Saya jawab bertulislah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu, KKM telah mengemukakan permohonan projek Klinik Kesihatan Bukit Sentosa pada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang mana keputusan pembangunan projek ini akan diumumkan oleh pihak UPE, JPM yang dijangka pada hujung tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, KKM sedia maklum akan keperluan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan di kawasan Matang, kawasan Yang Berhormat bagi menampung kedatangan pesakit yang semakin meningkat. Untuk itu, KKM telah membuat perolehan sebidang tanah berkeluasan 3.325 ekar di Matang dan cadangan pembinaan Klinik Kesihatan Matang akan dipohon dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Untuk Klinik Kesihatan Benut, Jenis 3 untuk Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, sebanyak RM30 juta kos membangunkan Klinik Kesihatan Jenis 3 Benut di peringkat akhir penyiapan yang dijangkakan akan beroperasi sepenuhnya pada bulan Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara lagi yang perlu di akhir ini iaitu pembangunan fasiliti KKM di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Untuk permohonan-permohonan di Sarawak berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Kesebelas, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili, 25 projek pembangunan di Sarawak dilaksanakan meliputi fasa pra pelaksanaan, fasa pelaksanaan dan juga fasa pelaksanaan. Eloklah saya terangkan beberapa projek yang sedang dilakukan.

Projek yang berada di fasa pra pelaksanaan iaitu akan dibina iaitu:

- (i) sebuah hospital baru;
- (ii) lima buah klinik kesihatan baru; dan
- (iii) dua projek menaik taraf hospital.

Projek yang sedang dilaksanakan sekarang ialah:

- (i) dua buah hospital baru;
- (ii) tujuh buah klinik kesihatan baru termasuk sebuah klinik pergigian; serta
- (iii) tiga projek menaik taraf hospital.

Projek yang telah siap ialah:

- (i) pembinaan dua buah klinik kesihatan baru; dan
- (ii) tiga projek menaik taraf hospital di negeri Sarawak.

Untuk projek infrastruktur hospital yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, keperluan tempat sementara untuk pesakit atau waris yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan menunggu temu janji pakar. KKM sentiasa mengambil maklum mengenai keperluan tempat penginapan sementara untuk pesakit sendiri atau waris. Antara yang kita telah ambil ialah menyediakan balai pelawat iaitu ruang rehat atau tempat penginapan sementara di hospital.

Yayasan Kebajikan Negara dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama KKM telah melaksanakan projek Anjung Kasih yang mana buat masa ini terdapat 13 buah hospital mempunyai Anjung Kasih. Secara keseluruhannya, 83 buah hospital KKM telah menyediakan balai pelawat dan Anjung Kasih.

Isu perbelanjaan kesihatan per kapita yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew. Perbelanjaan kesihatan per kapita, kerajaan telah menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti, menyeluruh dan mudah diakses dengan bantuan tinggi untuk rakyat bagi memberi manfaat kepada semua. Bagi tahun 2018, sejumlah perbelanjaan RM60,147 juta iaitu hampir RM60 bilion dengan perbelanjaan kesihatan per kapita bernilai RM1,857.

Manakala perbelanjaan kesihatan bagi negeri Sarawak pada tahun 2018 tahun yang sama bernilai RM3.3 bilion dengan perbelanjaan kesihatan per kapita bagi negeri tersebut sebanyak RM1,208.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dua isu lagi iaitu perubatan tradisional dan komplementari. Untuk perubatan Islam yang beroperasi di fasiliti hospital KKM, untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, secara amnya penawaran perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari di hospital KKM adalah berlandaskan konsep *evidence based* dan berperanan sebagai pelengkap kepada perkhidmatan perubatan moden yang sedia ada.

Buat masa ini, perkhidmatan tradisional dan komplementari yang ditawarkan di hospital KKM adalah terhad kepada perubatan tradisional sahaja. KKM tiada halangan sebenarnya bagi pesakit yang berhasrat untuk mendapatkan rawatan pengubatan Islam di samping rawatan perubatan moden tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada.

Akhir sekali, kes melibatkan pengawal perubatan berdaftar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, Majlis Perubatan Malaysia telah selesai menyasat kes kematian Mendiang Madam Si Sew Yin yang mana Majlis Perubatan Malaysia (MMC) melalui Jawatankuasa Penyasatan Permulaan telah

pun meneliti fakta yang telah dikemukakan dan memutuskan bahawa Dr. Cheong Yip Bun telah pun mematuhi *Code of Professional Conduct* dalam menjalankan tugas.

Justeru, tiada tindakan diambil ke atas pengamal perubatan tersebut, selaras dengan Peraturan Pengamal Perubatan 24(4)(a). Perkara ini juga telah dimaklumkan dalam Dewan Negara pada 25 April 2019 yang lalu dan keputusan Majlis Perubatan Malaysia ini juga telah dimaklumkan secara bertulis kepada pengadu melalui surat bertarikh 30 April 2019. Seperti mana yang dimaklumkan dalam surat Pejabat Menteri Kesihatan pada 6 Januari 2020 kepada Yang Berhormat Senator, sekiranya pengadu masih tidak berpuas hati dengan keputusan penyiasatan ini, maka beliau boleh membawa kes ini ke Mahkamah Sivil untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ada kemukakan salinan surat daripada suami kepada mendiang menunjukkan bahawa Dr. Cheong Yip Bun ini telah *prescribe* ubat dalam masa tiga hari lebih daripada 50 jenis ubat diberi kepada mangsa.

Oleh sebab yang demikian, saya mohon kepada Kementerian Kesihatan untuk melihat kembali, kalau boleh kita wujudkan satu siasatan khas berhubung perkara ini oleh Kementerian Kesihatan. Kita bantu kepada suami mangsa ini oleh kerana ia merupakan satu penderitaan kepada Dr. Tan Kai Po yang merupakan suami kepada mendiang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, kita telah pun membuat keputusan bahawa sekiranya pihak pengadu masih lagi perlukan satu kes yang mantap untuk dikemukakan, harap bawa kes ini ke Mahkamah Sivil untuk tindakan selanjutnya kerana bagi pihak Kementerian Kesihatan, pada 30 November 2017 satu surat telah dihantar oleh kementerian kepada Komander Dr. Tan Kai Po, suami kepada mendiang untuk maklumkan tentang verifikasi keputusan Majlis Perubatan Malaysia.

Sekali lagi pada 30 April 2019, surat yang sama oleh Majlis Perubatan Malaysia dihantar kepada Komander Dr. Tan Kai Po untuk menerangkan bahawa perkara ini satu perkara yang dalam *provision Medical Act 1971* dan juga perkara berkaitan dengan Akta Perubatan 29(4)(a) dan keputusan untuk mengatakan bahawa kes ini perlulah ditamatkan kecuali dibawa kes ke Mahkamah Sivil.

#### ■1710

Untuk itu, pihak Yang Berhormat Senator maklum perkara ini ya. Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja, dan *alhamdulillah* inilah kementerian yang terakhir untuk hari ini menjawab soalan dan kita mohon supaya...

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Menteri hendak ini- saya hendak tanya satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan atau pertanyaan?

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Tidak, tidak, nak tanya Tuan Yang di-Pertua sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Penjelasan?

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** Ya, penjelasan. Berhubung dengan akses kesihatan, sejak daripada negara kita mencapai kemerdekaan, kerajaan telah membelanjakan satu peruntukan yang besarlah untuk tujuan mencegah dan merawat.

Akan tetapi, kita dapati masih ada lagi rakyat negara ini yang tidak mengadakan sebarang pemeriksaan kesihatan. Akan tetapi, kalau mereka sudah pergi mereka berada dalam keadaan *stage* ataupun peringkat yang teruk. Cumanya, saya hendak- sepatutnya mereka mengadakan pemeriksaan sekurang-kurangnya enam bulan sekali.

Cuma, apa yang- untuk tujuan tersebut saya ingin mencadangkan bagi membolehkan rakyat sentiasa mengadakan pemeriksaan kesihatan, kerajaan perlu mewajibkan. Kalau hendak memperbaharui lesen atau lesen memandu atau apa-apa sahaja lesenlah, mesti disertakan dengan surat pemeriksaan kesihatan. Itu sahaja hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator, berkaitan dengan pemeriksaan kesihatan ataupun *medical check up* dalam bahasa Inggeris, dengan izin.

Perkara yang kita laksanakan di negara kita sejak tahun 2005 adalah pemeriksaan kesihatan dilaksanakan di peringkat saringan dan pada tahun 2019, kita telah pun melaksanakan apa yang dipanggil PeKa B40. PeKa B40 ini ia menjurus kepada mereka yang berumur 50 tahun ke atas untuk mereka yang mendapat Bantuan Sara Hidup.

Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat Senator, sejak akhir ini kita turunkan umur ke 40 tahun supaya saringan boleh dibuat seawal mungkin. Saringan-saringan ini boleh dibuat di klinik-klinik swasta. Pada hari ini terdapat sejumlah 8,000 klinik swasta dalam negara kita tetapi yang menyertai PeKa B40 lebih kurang sejumlah 4,000 klinik swasta. Kita mohon supaya rakyat, terutama sekali yang mendapat Bantuan Sara Hidup tampil dan hadir ke klinik-klinik yang telah pun digazet sebagai klinik PeKa B40 untuk membuat saringan.

Selepas saringan sekiranya terdapat gejala yang memungkinkan untuk merawat *noncommunicable disease* ataupun kes-kes bukan *communicable* seperti kencing manis, darah tinggi dan kes-kes perlu disaring melalui *cervical cancer*, *pap smear*, dan sebagainya, ia akan dirujuk ke hospital. Di peringkat awal lagi kita membuat *blood test* juga ataupun ujian-ujian darah di peringkat klinik-klinik yang telah kita saring sebagai PeKa B40.

Selain daripada itu, saya setujulah cadangan Yang Berhormat Senator bahawa untuk mereka yang memandu, lesen-lesen yang perlu dikemukakan ialah berserta dengan saringan kesihatan, *insya-Allah*. Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi penjelasan?

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Boleh, boleh.

**Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh:** Yang Berhormat Menteri, merujuk kepada tentang rawatan tradisional dan komplementari tadi kan. Boleh tidak untuk minta penjelasan sedikit lagi apa syarat ia khususnya bagi “Darussyifa” sendirilah untuk boleh beroperasi di hospital-hospital kerajaan itu sendiri. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Adham bin Baba:** Berkaitan dengan rawatan secara tradisional dan komplementari, setakat ini memang kita mewujudkan sejumlah 15 lokasi dalam Malaysia di mana rawatan tradisional dan komplementari, tradisional Melayu, India dan Cina di 15 hospital.

Untuk rawatan Islam, saya masih lagi menawarkan supaya pihak JAKIM untuk tampil bersama dengan Kementerian Kesihatan membincangkan kaedah yang sebenar bagaimana *Ruqyah* ataupun rawatan menggunakan ayat-ayat Al-Quran ataupun doa-doa tertentu boleh dilaksanakan sehingga kita mempunyai satu prinsip *evidence-based treatment* ataupun kita mesti ada *evidence* dalam melaksanakan tugas.

Kita menggunakan garis panduan dan juga data-data yang digunakan sebelum ini dan akan datang. Untuk itu kita menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan di 15 buah hospital setakat ini berlandaskan kepada perkhidmatan tradisional. Mungkin pada masa depan penggunaan herba, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, sekali lagilah kali ketiga, diucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk memberikan pandangan dan juga teguran kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, marilah bersama-sama kita tangani COVID-19 dengan *the whole-of-government approach, and whole-of society approach* Tuan Yang di-Pertua.

Mudah-mudahan kita berjaya mengatasinya dengan baik dan kita semua selamat daripada wabak ini dan ancaman yang seterusnya. Untuk itu saya mengucapkan terima kasih. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****5.16 ptg.**

**Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10 pagi hari Selasa, September 2020.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Adham bin Baba]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sidang akan bermula esok jam 10 pagi.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.17 petang]***